# BAB KEEMPAT

# BAB IV

# LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

Dalam bab pertama; bab pendahuluan telah dijelaskan bahawa masalah-masalah yang akan diselesaikan dalam penyelidikan ini ialah:

1. Bagaimanakah kepercayaan di kalangan orang-orang Cina di Kuala Lumpur?

2. Bagaimanakah dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?

3. Bagaimanakah hasil dakwah yang dilakukan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur?

Berdasarkan masalah-masalah tersebut, penulis telah melakukan kajian dan laporannya sebagaimana berikut:

## 1. MASALAH PERTAMA

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa masalah pertama penyelidikan ini ialah, bagaimanakah kepercayaan di kalangan orang-orang Cina di Kuala Lumpur?

Hipotesis kepada masalah tersebut ialah bahawa orang Cina di Kuala Lumpur masih lagi mewarisi kepercayaan dan amalan tradisional, walaupun ia telah terhakis sedikit demi sedikit.

Berdasarkan hipotesis tersebut, penulis berusaha mencari jawapan yang tepat. Untuk itu, penulis berusaha mencari data-data yang ada hubung kait dengannya.

Untuk mendapatkan sumber data yang sempurna, penulis telah melakukan satu "kajian luar" terhadap subjek yang diselidiki.[1]

Dalam kajian untuk menentukan subjek, penulis telah menggunakan kaedah pensampelan. Kaedah tersebut telah dijelaskan dalam bab ketiga; metodologi.

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa Kuala Lumpur mempunyai penduduk berketurunan Cina seramai 507,487 orang. Mereka bertaburan di seluruh Kuala Lumpur.

Sembilan kawasan pensampelan telah terpilih untuk mewakili seluruh kawasan di Kuala Lumpur. Ia terdiri daripada tiga kawasan golongan elit, tiga kawasan golongan menengah dan tiga kawasan golongan bawah.

---

1 Soalselidik kajian luar dalam lampiran F

Kawasan-kawasan tersebut ialah:

A. Kawasan golongan elit: Seputeh (bagi kawasan Seputeh), Kawasan Pusat Perubatan (bagi kawasan Lembah Pantai) dan Taman Setapak (bagi kawasan Batu).

B. Kawasan golongan menengah: Jalan Salak Selatan (bagi kawasan Seputeh), Pantai Baru (bagi kawasan Lembah Pantai) dan Wangsa Maju (bagi kawasan Batu).

C. Kawasan golongan bawah: Jalan Sungai Besi (bagi kawasan Seputeh), Kampong Sentosa (bagi kawasan Lembah Pantai) dan Kampong Selaseh (bagi kawasan Batu).

Dalam kajian tersebut, soalselidik yang berbentuk "pilihan berbilang" dikemukakan kepada responden yang terpilih dan latar belakang mereka didapati sebagaimana berikut:

**A. Jumlah Responden.**

Bilangan responden seramai 123 orang, iaitu terdiri daripada 45.5% (56 responden) lelaki dan 54.5% (67 responden) perempuan.

B. Mereka didapati berumur:

18-20 tahun seramai 15 responden (12.2%).

21-30 tahun seramai 36 responden (29.3%).

31-40 tahun seramai 32 responden (26%).

41-50 tahun seramai 26 responden (21.1%).

51-60 tahun seramai 12 responden (9.8%).

61 tahun ke atas seramai dua responden (1.6%).

C. Suku Kaum / Puak.

Dari bilangan tersebut didapati suku kaum / puak terdiri daripada:

36.6% (45 responden) Kantonis.

31.7% (39 responden) Hokkien.

17.9% (22 responden) Hakka (Kek).

7.3% (9 responden) Teochew.

4.1% (5 responden) Hailam.

1.6% (2 responden) Hockchew.

0.8% (1 responden) Kwangsi.

D. Pekerjaan.

Pekerjaan mereka didapati sebagaimana berikut:

1.6% (2 responden) bekerja sebagai buruh (kerajaan).

4.9% (6 responden) bekerja sebagai buruh (swasta).

2.4% (3 responden) bekerja sebagai pegawai perkeranian (kerajaan).

17.1% (21 responden) bekerja sebagai pegawai perkeranian (kerajaan).

1.6% (2 responden) bekerja sebagai pegawai <u>division</u> satu (kerajaan).

12.2% (15 responden) bekerja sebagai profesional /eksekutif (swasta).

17.9% (22 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri.

4.9% (6 responden) bekerja sebagai surirumah.

3.3% (4 responden) bekerja sebagai promoter (swasta).

0.8% (1 responden) bekerja sebagai jurujual.

0.8% (1 responden) bekerja dalam bidang construction.

0.8% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

7.3% (9 responden) masih belajar.

23.6% (29 responden) tidak bekerja.

0.8% (1 responden) tidak menjelaskan apa-apa kerja.

**E. Pencapaian pelajaran.**

Mereka didapati mencapai pelajaran sebagaimana berikut:

9.8% (12 responden) terdiri daripada mereka yang tidak bersekolah.

17.1% (21 responden) bersekolah setakat sekolah rendah.

44.7% (55 responden) bersekolah setakat sekolah menengah.

13.8% (17 responden) belajar sehingga lulus maktab /peringkat diploma.

8.9% (11 responden) belajar sehingga lulus universiti tempatan.

4.1% (5 responden) belajar sehingga lulus universiti luar negeri.

1.6% (2 responden) belajar sehingga lulus universiti tempatan dan luar negeri.

F. Bahasa Aliran.

Mereka belajar melalui bahasa aliran:

28.5% (35 responden) menjawab bahasa Inggeris.

38.2% (47 responden) menjawab bahasa Cina.

26% (32 responden) menjawab bahasa Malaysia.

7.3% (9 responden) tidak menjawab.

G. Pendapatan.

Pendapatan bulanan mereka ialah:

8.1% (10 responden) berpendapatan RM500.00 ke bawah.

22% (27 responden) berpendapatan antara RM500.00 - RM1,000.00.

16.3% (20 responden) berpendapatan antara RM1,000.00 - RM2,000.00

12.2% (15 responden) berpendapatan antara RM2,000.00 - RM3,000.00

4.9% (6 responden) berpendapatan antara RM3,000.00 - RM4,000.00.

2.4% (3 responden) berpendapatan RM5,000.00 ke atas.

34.1% (42 responden) enggan menjawab.

H. Jiran.

Mereka dikelilingi oleh jiran yang terdiri daripada:

29.3% (36 responden) menjelaskan bahawa jiran mereka semuanya orang bukan Islam.

56.1% (69 responden) menjelaskan bahawa jiran mereka sebahagian besar orang bukan Islam.

13.8% (17 responden) menjelaskan bahawa separuh daripada jiran mereka orang bukan Islam.

0.8% (1 responden) tidak menjawab.

Berdasarkan latar belakang tersebut kesimpulannya ialah bahawa subjek yang terpilih sebagai pensampelan terdiri dari berbagai-bagai keadaan latar belakang. Dengan yang demikian, bilangan tersebut dapat mewakili populasi masyarakat Cina di Kuala Lumpur seluruhnya.

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua bahawa sudut yang penting untuk mengetahui keadaan sesuatu sasaran ialah yang berhubung dengan kepercayaan, terutamanya kepercayaan keagamaan dan benda-benda ghaib, kerana dari sinilah bermulanya tindak tanduk manusia. Atas sebab tersebut, pengetahuan berhubung dengan kepercayaan sasaran amat diperlukan di dalam sesuatu kajian dakwah.

Berdasarkan alasan tersebut, kajian terhadap masyarakat Cina di Kuala Lumpur menekankan hal-hal

yang berhubung dengan kepercayaan. Untuk mengkaji hal-hal tersebut, dua persoalan ditimbulkan, iaitu:

A. Bagaimanakah kepercayaan keagamaan atau falsafah orang Cina di Kuala Lumpur?

B. Apakah kepercayaan khurafat dan amalan buruk orang Cina di Kuala Lumpur?

**A. Bagaimanakah Kepercayaan Keagamaan Atau Falsafah Orang Cina Di Kuala Lumpur?**

Telah dibincangkan di dalam bab kedua tentang kepercayaan keagamaan dan falsafah tradisional di kalangan orang Cina. Persoalan sekarang ialah bagaimanakah keadaan orang Cina Kuala Lumpur dalam hubungan ini?

Jawapan kepada persoalan tersebut adalah sebagaimana berikut:

**i. Adakah Agama & Falsafah Hidup Tradisional Orang Cina Diperlukan Sekarang?**

Hasil yang didapati berhubung dengan persoalan tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah ini.

Jadual 1: Keperluan orang Cina Kuala Lumpur sekarang kepada agama & falsafah hidup.

| PERATUS | BIL. | PENDAPAT |
|---|---|---|
| 38.2 | 47 | Agama dan falsafah hidup tradisional diperlukan sekarang. |
| 24.4 | 30 | Sebahagian agama dan falsafah hidup tradisional sahaja diperlukan sekarang. |
| 17.9 | 22 | Tidak memerlukannya. |
| 16.3 | 20 | Tidak tahu |
| 3.3 | 4 | Tidak menjawab |

Jadual tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur (62.6%) yang disoalselidik berpendapat bahawa agama & falsafah hidup tradisional orang Cina diperlukan. Namun, keperluan tersebut tidak sama, iaitu ada yang memerlukan kesemuanya dan ada pula yang memerlukan sebahagiannya sahaja. Di sebaliknya, satu jumlah yang agak besar, iaitu 17.9% berpendapat bahawa ia tidak diperlukan.

Golongan yang berpendapat bahawa agama atau falsafah tradisional orang Cina diperlukan, sama ada kesemuanya atau sebahagiannya sahaja terdiri daripada;

55.3% (31 responden) daripada jumlah lelaki dan

68.7% (46 responden) daripada jumlah perempuan.

Dari sudut suku kaum, mereka adalah;

69.2% (27 responden) dari jumlah suku kaum Hokkien,
50% (11 responden) dari suku kaum Hakka (Kek),
62.2% (28 responden) dari suku kaum Kantonis,
77.8% (7 responden) dari suku kaum Teochew,
40% (2 responden) dari suku kaum Hailam,
100% (1 responden) dari suku kaum Kwangsi dan
50% (1 responden) dari suku kaum Hockchew.

Dari sudut pekerjaan pula, mereka adalah;

50% (1 responden) dari jumlah buruh (kerajaan),
33.3% (2 responden) buruh (swasta),
66.6% (2 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),
52.3% (11 responden) pegawai perkeranian (swasta),
100% (2 responden) pegawai <u>division</u> satu (kerajaan),
46.6% (7 responden) profesional/ eksekutif (swasta),
45.4% (10 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,
93.1% (27 responden) tidak bekerja,
55.5% (5 responden) pelajar,
83.3% (5 responden) suri rumah,
50% (2 responden) <u>promoter</u> (swasta),
100% (1 responden) jurujual dan

100% (1 responden) <u>construction</u>.

Berdasarkan pencapaian pelajaran, mereka terdiri daripada;

83.3% (10 responden) dari yang tidak bersekolah,

76.2% (16 responden) setakat sekolah rendah,

69.1% (38 responden) setakat sekolah menengah,

23.5% (4 responden) lulus maktab / peringkat diploma,

54.6% (6 responden) lulus universiti dalam negeri dan

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri.

Dilihat dari sudut pendapatan bulanan pula, mereka terdiri daripada;

10% (1 responden) berpendapatan RM500.00 ke bawah,

62.9% (17 rèsponden) berpendapatan RM500.00 - RM1,000.00,

55% (11 responden) berpendapatan RM1,000.00 - RM2,000.00,

46.6% (7 responden) berpendapatan RM2,000.00 - RM3,000.00 dan

66.6% (4 responden) berpendapatan RM3,000.00 - RM4,000.00.

Berdasarkan fakta tersebut, latar belakang janti-

na, suku kaum, pekerjaan, pencapaian pelajaran dan pendapatan tidak banyak mempengaruhi golongan yang berpendapat bahawa agama atau falsafah tradisional orang Cina diperlukan. Golongan ini bertaburan di kalangan orang yang mempunyai latar belakang tersebut.

Sebagaimana yang telah ditemui melalui kajian ini bahawa terdapat sebahagian kecil masyarakat Cina di Kuala Lumpur yang dikaji berpendapat bahawa agama & falsafah tradisional orang Cina tidak diperlukan sekarang atau mereka tidak dapat mempercayai mana-mana agama. Apa alasan mereka berpendapat demikian?

Jadual di bawah ini mengemukakan alasan yang diberikan oleh golongan tersebut.

Jadual 2: Alasan agama & falsafah tidak diperlukan sekarang atau tidak dapat mempercayai mana-mana agama.

| ALASAN | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Tidak ada apa yang boleh diperolehi dari agama. | 4.9 | 6 |
| Agama satu khayalan (superstitions) | 4.9 | 6 |
| Agama hanya menitikberatkan soal moral dan hidup sesudah mati. | 4.1 | 5 |
| Agama membuat manusia menjadi mundur. | 1.6 | 2 |
| Agama bohong. | 1.6 | 2 |

| ALASAN | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Tiada agama yang sesuai dengannya. | 0.8 | 1 |
| Agama diperlukan oleh orang yang membuat salah. | 0.8 | 1 |

Data-data tersebut menunjukkan bahawa pendapat tidak perlu kepada agama tradisional atau tidak mempercayai agama dengan alasan bahawa agama tidak dapat memberi apa-apa dan ia suatu khayalan paling besar mendapat peratus, iaitu masing-masing mendapat 4.9% (6 responden). Di samping itu, alasan kerana agama menitikberatkan soal moral dan hidup sesudah mati mendapat peratus yang kedua, iaitu 4.1% (5 responden).

Kedudukan tersebut dapat disimpulkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang disoalselidik memberi alasan tentang tidak perlunya agama atau tidak mempercayai mana-mana agama, kerana agama tidak dapat memberi keuntungan di dunia ini, di samping ia suatu khayalan sahaja.

**ii. Apa Agama Orang Cina Di Kuala Lumpur?**

Jawapan kepada persoalan tersebut diterangkan oleh jadual di bawah ini.

Jadual 3: Agama orang Cina di Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | AGAMA ORANG CINA |
|---|---|---|
| 30.9 | 38 | Mengaku beragama Buddha. |
| 28.5 | 35 | Mengaku beragama orang Cina/Folk. |
| 15.4 | 19 | Mengaku tidak beragama. |
| 12.2 | 15 | Menganuti agama yang bercampur-campur. |
| 8.1 | 10 | Mengaku beragama Kristian. |
| 1.6 | 2 | Mengaku beragama Taoism. |
| 1.6 | 2 | Mengaku beragama confucianism. |
| 1.6 | 2 | Tidak mejawab apa-apa. |

Jadual tersebut menunjukkan ramai orang Cina di Kuala Lumpur yang disoalselidik mengaku bahawa mereka beragama Buddha, iaitu 30.9%. Agama kedua yang mendapat tempat di kalangan mereka yang disoalselidik ialah agama orang Cina / Folk, iaitu 28.5%. Di samping itu, golongan yang mengaku tidak beragama / bebas berada di tempat ketiga, iaitu 15.4%.

Data tersebut menunjukkan bahawa agama Buddha dan agama orang Cina / Folk masih mendapat tempat di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur yang diselidik. Sebaliknya, orang Cina yang mengaku tidak beragama / bebas merupakan satu golongan yang agak besar di kalangan mereka.

Kenapa ada orang Cina di Kuala Lumpur yang tidak beragama / bebas?

Alasan-alasan yang diberikan oleh golongan tersebut yang diselidik adalah sebagaimana berikut:

Jadual 4: Alasan tidak beragama / bebas.

| ALASAN | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Kerana tidak percaya kepada agama tradisional orang Cina. | 6.5 | 8 |
| Agama tidak diperlukan sekarang atau tidak penting sekarang. | 4.9 | 6 |
| Kerana terikut-ikut. | 1.6 | 2 |
| Tidak tahu/tidak menyebut apa-apa sebab. | 1.6 | 2 |
| Tidak percaya kepada agama-agama yang ada sekarang. | 0.8 | 1 |
| Kerana ikut keluarga/orang tua/ warisan. | 0.8 | 1 |
| Hanya percaya kepada diri sendiri | 0.8 | 1 |
| Kerana tidak ada masa. | 0.8 | 1 |

Jadual tersebut menunjukkan bahawa alasan paling banyak yang dikemukakan oleh golongan yang tidak beragama / bebas ialah kerana tidak percaya kepada agama tradisional orang Cina. Manakala yang kedua, alasannya ialah kerana agama tidak diperlukan atau tidak penting sekarang.

Fakta tersebut menunjukkan bahawa hilang kepercayaan terhadap agama tradisional dan tidak didapati faedah di sebalik agama itu menjadi punca yang utama bagi orang Cina di Kuala Lumpur yang diselidik tidak mahu kepada agama.

**iii. Bagaimanakah Kepercayaan Orang Cina Kuala Lumpur Kepada Pencipta (Creator)?**

Persoalan tentang pencipta alam ini mengikut pendapat orang Cina di Kuala Lumpur, sama ada ia ada atau tiada dapat dilihat jawapannya dalam jadual berikut.

Jadual 5: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada pencipta.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN KEPADA PENCIPTA |
|---|---|---|
| 53.7 | 66 | Percaya kepada adanya pencipta. |
| 24.4 | 30 | Ragu-ragu. |
| 16.3 | 20 | Tidak tahu |
| 4.1 | 5 | Tidak percaya. |
| 1.6 | 2 | Tidak menjawab |

Jadual tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina Kuala Lumpur yang dikaji mempercayai adanya

pencipta. Hanya jumlah yang kecil sahaja dari mereka, iaitu 4.1% tidak mempercayainya. Di samping itu, ramai di antara mereka, iaitu hampir satu perempat yang ragu-ragu.

Golongan yang percaya kepada adanya pencipta terdiri daripada orang yang berumur;

33.3% (5 responden) 18 - 20 tahun,

47.2% (17 responden) 21 - 30 tahun,

53.1% (17 responden) 31 - 40 tahun,

53.8% (14 responden) 41 - 50 tahun,

91.7% (11 responden) 51 - 60 tahun dan

100% (2 responden) 61 tahun ke atas.

Dari sudut pelajaran, mereka adalah;

91.7% (11 responden) tidak bersekolah,

57.1% (12 responden) setakat sekolah rendah,

43.6% (24 responden) setakat sekolah menengah,

47.1% (8 responden) lulus maktab/ peringkat diploma,

54.5% (6 responden) lulus universiti dalam negeri dan

100% (5 responden) lulus universiti luar negeri.

Kenyataan-kenyataan tersebut menunjukkan bahawa dari sudut umur, semakin tua semakin tinggi peratus

kepercayaan kepada wujudnya pencipta. Adapun dari sudut pencapaian pelajaran, ia tidak memberi kesan yang banyak terhadap golongan tersebut kerana keadaannya bertaburan di kalangan mereka.

Golongan yang ragu-ragu kepada adanya pencipta terdiri daripada orang yang berumur;

33.3% (5 responden) 18 - 20 tahun,

27.8% (10 responden) 21 - 30 tahun,

18.8% (6 responden) 31 - 40 tahun,

30.8% (8 responden) 41 - 50 tahun dan

8.3% (1 responden) 51 - 60 tahun.

Dari sudut pencapaian pelajaran, mereka adalah;

8.3% (1 responden) tidak bersekolah,

23.8% (5 responden) setakat sekolah rendah,

32.7% (18 responden) setakat sekolah menengah,

5.9% (1 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

27.3% (3 responden) lulus universiti dalam negeri dan

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri.

Kesimpulannya, golongan yang ragu-ragu kepada adanya pencipta lebih ramai peratusnya dari kalangan pemuda, berbanding dengan kalangan tua. Manakala dari

sudut pencapaian pelajaran, lebih tinggi pencapaian pelajaran seseorang lebih ramai peratus yang ragu.

Adakah pencipta (creator) yang mengawal alam ini terdapat dalam kepercayaan tradisional orang Cina atau tidak?

Jadual di bawah menjawab persoalan tersebut.

Jadual 6: Pendapat tentang pencipta yang mengawal alam, sama ada terdapat di kalangan kepercayaan tradisional atau tidak.

| PERATUS | BIL. | PENCIPTA YANG MENGAWAL ALAM INI |
|---|---|---|
| 51.2 | 63 | Bersetuju bahawa pencipta yang mengawal alam ini terdapat dalam kepercayaan tradisional orang cina |
| 34.1 | 42 | Tidak dapat memastikan/ragu-ragu bahawa pencipta yang mengawal alam ini terdapat dalam kepercayaan tradisional orang cina. |
| 7.3 | 9 | Tidak bersetuju bahawa pencipta yang mengawal alam ini terdapat dalam kepercayaan tradisional orang cina. |
| 7.3 | 9 | Tidak menjawab. |

Fakta tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji bersetuju bahawa dalam kepercayaan tradisional orang Cina juga ada tuhan yang

mencipta (creator) yang mengawal alam ini.

Siapakah pencipta atau tuhan yang mengawal alam ini yang terdapat di dalam kepercayaan tradisional orang Cina?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah ini.

Jadual 7: Pencipta / tuhan yang mengawal alam ini.

| PERATUS | BIL. | PENCIPTA YANG MENGAWAL ALAM INI |
|---|---|---|
| 43.1 | 53 | The Great Origin/The Grand One. |
| 5.7 | 7 | Tai Ji. |
| 5.7 | 7 | Tuhan (yang tersebut dalam Bible) |
| 3.3 | 4 | Tuhan Langit/Tok Kong Langit. |
| 1.6 | 2 | Shen. |
| 0.8 | 1 | Buddha |
| 0.8 | 1 | God |
| 39 | 48 | Tidak menjawab. |

Berdasarkan jadual tersebut dapat dilihat bahawa kebanyakan orang Cina yang dikaji yang mempercayai kepada pencipta yang mengawal alam ini berpendapat bahawa pencipta tersebut ialah The Great Origin / The Grand One. Di samping itu, ramai di antara mereka yang tidak menjawab.

iv. Kepercayaan Kepada Tuhan.

a. Bagaimanakah konsep tuhan bagi orang Cina di Kuala Lumpur sekarang dilihat dari sudut bilangan? Adakah orang Cina Kuala Lumpur mempercayainya ramai, sebagaimana kepercayaan tradisional mereka?

Jadual di bawah menerangkan kedudukan tersebut.

Jadual 8: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur berhubung dengan bilangan tuhan.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN TERHADAP BILANGAN TUHAN |
|---|---|---|
| 49.6 | 61 | Mempercayai ramai, sebagaimana kepercayaan tradisional. |
| 30.9 | 38 | Ragu-ragu, sama ada ramai atau tidak. |
| 11.4 | 14 | Tidak mempercayai tuhan itu ramai sebagaimana kepercayaan tradisional. |
| 8.1 | 10 | Tidak menjawab. |

Berdasarkan fakta tersebut dapat dilihat bahawa hampir separuh orang Cina di Kuala Lumpur yang diselidik mempercayai tuhan mereka ramai, iaitu sebagaimana kepercayaan tradisional mereka. Namun, lebih satu pertiga daripada mereka ragu-ragu, sama ada tuhan itu ramai atau tidak.

Golongan yang mempercayai tuhan itu ramai terdiri daripada orang yang pencapaian pelajarannya;

83.3% (10 responden) tidak bersekolah,

71.4% (15 responden) setakat sekolah rendah,

49.1% (27 responden) setakat sekolah menengah,

11.8% (2 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

54.5% (6 responden) lulus universiti dalam negeri dan

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri.

Dari sudut pekerjaan, mereka terdiri daripada;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

50% (3 responden) buruh (swasta),

66.7% (2 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

33.3% (7 responden) pegawai perkeranian (swasta),

20% (3 responden) profesional/eksekutif (swasta),

50% (11 responden) berniaga sendiri/ bekerja sendiri,

75.9% (22 responden) tidak bekerja,

55.6% (5 responden) pelajar,

50% (3 responden) suri rumah,

50% (2 responden) <u>promoter</u> (swasta),

100% (1 responden) jurujual dan

100% (1 responden) <u>construction</u>.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kesimpulannya ialah bahawa orang Cina yang dikaji yang tidak ada pendidikan, sama ada tidak bersekolah langsung atau setakat sekolah rendah sahaja lebih ramai peratusnya mempercayai tuhan itu ramai, berbanding dengan orang Cina yang berpelajaran tinggi. Demikian juga yang bekerja di peringkat rendah lebih ramai peratus mempercayai tuhan itu ramai, berbanding dengan yang bekerja di peringkat tinggi.

Golongan yang ragu-ragu bahawa tuhan itu ramai terdiri daripada yang mencapai pelajaran;

23.8% (5 responden) setakat sekolah rendah,

32.7% (18 responden) setakat sekolah menengah,

58.8% (10 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

36.4% (4 responden) lulus universiti dalam negeri dan

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri.

Pekerjaan mereka adalah;

50% (3 responden) buruh (swasta),

33.3% (1 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

42.9% (9 responden) pegawai perkeranian (swasta),

50% (1 responden) pegawai <u>division</u> satu

(kerajaan),

26.7% (4 responden) profesional/eksekutif (swasta),

36.4% (8 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

10.3% (3 responden) tidak bekerja,

44.4% (4 responden) pelajar,

33.3% (2 responden) suri rumah,

50% (2 responden) promoter dan

100% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

Dari latar belakang tersebut dapat disimpulkan bahawa golongan yang ragu-ragu bahawa tuhan itu ramai tidak ada perbezaan yang besar di kalangan mereka jika dilihat dari sudut pencapaian pelajaran dan pekerjaan.

b. Kenapakah orang Cina Kuala Lumpur mempercayai tuhan itu ramai?

Alasan yang diberikan kepada persoalan tersebut adalah sebagaimana di bawah ini.

Jadual 9: Alasan tuhan itu ramai.

| ALASAN | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Untuk menjaga kawasan masing-masing. | 38.2 | 47 |
| Seseorang tuhan berkuasa di - kawasan masing-masing sahaja. | 26 | 32 |
| Mengikut orang dahulu sahaja. | 25.2 | 31 |
| Tidak tahu. | 10.6 | 13 |

Dari jadual tersebut dapat dilihat bahawa kebanyakan orang Cina Kuala Lumpur yang dikaji yang berpendapat tuhan itu ramai memberi alasan kerana masing-masing menjaga kawasan tertentu.

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa tuhan tradisional orang Cina adalah tuhan setempat yang berkuasa di tempat masing-masing sahaja. Konsep tuhan mengikut kefahaman ini sudah tentu memerlukan ramai tuhan. Kefahaman tradisional seperti ini diwarisi oleh kebanyakan orang Cina Kuala Lumpur yang dikaji sampai sekarang.

v. Pembalasan Akhirat

Antara perkara yang penting dalam kepercayaan keagamaan ialah kepercayaan kepada hidup semula sesudah

hidup di dunia ini, atau disebut kehidupan di akhirat, iaitu sebagai tempat pembalasan sama ada baik atau buruk. Berhubung dengan hal ini, beberapa persoalan timbul terhadap orang Cina di Kuala Lumpur, iaitu;

a. Bagaimanakah kepercayaan orang Cina di Kuala Lumpur tentang pembalasan di akhirat?

Jawapan kepada persoalan tersebut diterangkan oleh jadual berikut.

Jadual 10: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada pembalasan akhirat.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN KEPADA PEMBALASAN AKHIRAT |
|---|---|---|
| 40.7 | 50 | Mempercayai kepada pembalasan akhirat. |
| 24.4 | 30 | Tidak mempercayai kepada pembalasan akhirat. |
| 20.3 | 25 | Tidak pasti/ragu-ragu. |
| 13.8 | 17 | Tidak tahu. |
| 0.8 | 1 | Tidak memberi apa-apa jawapan. |

Fakta tersebut menunjukkan bahawa paling ramai orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji, iaitu 40.7% memberi jawapan bahawa mereka mempercayai pembalasan akhirat / kebangkitan semula. Di sebaliknya, hampir

satu perempat daripada mereka menjawab tidak mempercayainya.

Golongan yang mempercayai kebangkitan semula terdiri dari mereka yang mencapai pelajaran berikut;

50% (6 responden) tidak bersekolah,

52.4% (11 responden) setakat sekolah rendah,

34.5% (19 responden) setakat sekolah menengah,

29.4% (5 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

54.5% (6 responden) lulus universiti dalam negeri dan

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri.

Berdasarkan latar belakang pelajaran, kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa golongan yang mempercayai kebangkitan semula bertaburan di kalangan orang yang mempunyai latar belakang pelajaran yang bermacam-macam.

Bagaimanakah pula latar belakang golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula?

Golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula terdiri daripada orang yang mencapai pelajaran berikut;

16.7% (2 responden) tidak bersekolah,

33.3% (7 responden) setakat sekolah rendah,

20% (11 responden) setakat sekolah menengah,

17.6% (3 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

36.4% (4 responden) lulus universiti dalam negeri,

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri dan

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri.

Kesimpulannya, golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula mempunyai latar belakang pencapaian pelajaran yang bermacam-macam.

b. Tempat pembalasan.

Setelah mempercayai kebangkitan semula akan berlaku untuk membalas seseorang dengan kebaikan atau keburukan, di manakah tempat pembalasan itu diadakan?

Jawapan kepada persoalan tersebut ditunjukkan di dalam jadual berikut.

Jadual 11: Tempat pembalasan.

| PERATUS | BIL. | TEMPAT PEMBALASAN |
|---|---|---|
| 55.3 | 68 | Mempercayai tempat pembalasan ialah neraka dan syurga. |
| 17.1 | 21 | Tidak dapat mempastikan/ragu-ragu tentang tempat pembalasan. |
| 12.2 | 15 | Tidak menjawab. |
| 9.8 | 12 | Tidak tahu. |
| 5.7 | 7 | Tidak mempercayai bahawa tempat pembalasan itu ialah neraka dan syurga. |

Berdasarkan fakta di atas, neraka dan syurga dipercayai ada oleh kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji. Sedikit sahaja jumlah mereka yang tidak mempercayai bahawa tempat pembalasan itu adalah neraka dan syurga.

c. Bagaimanakah bentuk pembalasan ke atas manusia mengikut orang yang tidak mempercayai neraka dan syurga?

Jadual berikut memberi jawapan kepada persoalan di atas.

Jadual 12: Bentuk pembalasan.

| PERATUS | BIL. | BENTUK PEMBALASAN |
|---|---|---|
| 13.8 | 17 | Roh si mati yang jahat akan menjadi hantu. |
| 13 | 16 | Roh si mati yang baik akan menjadi dewa/shen. |
| 12.2 | 15 | Kesenangan di dunia bagi orang yang baik. |
| 8.1 | 10 | Kesusahan di dunia bagi orang yang jahat. |
| 0.8 | 1 | Setiap perbuatan ada pembalasan-nya. |

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina yang dikaji yang tidak mempercayai wujudnya neraka dan syurga sebagai tempat pembalasan bagi manusia berpendapat bahawa pembalasan tersebut dilakukan, sama ada ke atas roh bagi orang yang telah meninggal atau pada kehidupan di dunia ini.

vi. Kepercayaan Kepada Benda-Benda Ghaib.

Pada dasarnya, pemikiran tradisional orang Cina mempercayai benda-benda ghaib yang dipercayai ada di sekeliling mereka. Adakah orang Cina Kuala Lumpur mempercayainya, sebagaimana kepercayaan tradisional?

Jadual berikut menerangkan kedudukan tersebut.

Jadual 13: Kepercayaan kepada benda-benda ghaib di sekeliling

| PERATUS | BIL. | BENDA-BENDA GHAIB YANG DIPERCAYAI |
|---|---|---|
| 65 | 80 | Mempercayai roh-roh (spirits). |
| 64.2 | 79 | Mempercayai dewa-dewa/god/shen. |
| 52.8 | 65 | Mempercayai hantu-hantu (ghosts). |
| 35 | 43 | Mempercayai datuk-datuk penunggu. |
| 32.5 | 40 | Mempercayai keramat-keramat. |
| 0.8 | 1 | Mempercayai tuhan bapa, anak dan Roh Kudus. |
| 0.8 | 1 | Mempercayai Buddha. |

Jadual di atas dapat dilihat bahawa kepercayaan kepada roh-roh, dewa-dewa, hantu-hantu, datuk-datuk penunggu dan keramat-keramat di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang yang dikaji masih kukuh. Kebanyakan mereka mempercayai benda-benda tersebut.

b. Adakah benda-benda yang tersebut di atas dipercayai mempunyai kuasa?

Jadual di bawah memberi penjelasan kepada persoalan tersebut.

Jadual 14: Kepercayaan orang Cina yang benda-benda ghaib itu mempunyai kuasa.

| PERATUS | BIL. | KEKUASAAN BENDA-BENDA GHAIB |
|---|---|---|
| 39 | 48 | Mempercayai benda-benda ghaib itu mempunyai kuasa. |
| 24.4 | 30 | Mempercayai dengan keadaan separuh percaya benda-benda tersebut mempunyai kuasa/kurang yakin. |
| 17.1 | 21 | Ragu-ragu/tak tentu benda-benda itu mempunyai kuasa. |
| 13.8 | 17 | Tidak menjawab. |
| 5.7 | 4 | Tidak mempercayai benda-benda ghaib itu mempunyai kuasa. |

Fakta tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji mempercayai bahawa benda-benda ghaib yang dipercayai itu mempunyai kuasa. Hanya sebahagian kecil dari mereka yang tidak mempercayai benda-benda itu ada kuasa.

Golongan yang mempercayai demikian, sama ada percaya kesemuanya atau sebahagiannya terdiri daripada suku kaum;

74.4% (29 responden) Hokkien,

40.9% (9 responden) Hakka,

64.5% (29 responden) Kantonis,

88.9% (8 responden) Teochew,

40% (2 responden) Hailam dan

50% (1 responden) Hockchew.

Dari sudut pekerjaan, mereka terdiri daripada;

100% (2 responden) buruh (kerajaan),

50% (3 responden) buruh (swasta),

66.7% (2 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

61.9 (13 responden) pegawai perkeranian (swasta),

100% (2 responden) pegawai <u>division</u> satu (kerajaan),

40% (6 responden) profesional/ eksekutif (swasta),

63.7% (14 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

66.6% (6 responden) pelajar, 50% (3 responden) suri rumah,

75% (3 responden) <u>promoter</u> dan

100% (1 responden) <u>construction</u>.

Dari sudut kepercayaan agama atau falsafah, mereka terdiri daripada;

65.8% (25 responden) <u>Buddhism</u>,

100% (2 responden) <u>Taoism</u>,

100% (2 responden) <u>Confucianism</u>,

74.3% (26 responden) agama Cina/<u>Folk</u>,

80% (12 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

50% (5 responden) Kristian dan

21.1% (4 responden) tiada agama/bebas.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kesimpulannya, ialah bahawa golongan yang mempercayai benda-benda ghaib itu mempunyai kuasa tidak banyak terdapat perbezaan di kalangan antara suku kaum, pekerjaan dan kepercayaan agama. Ini bererti bahawa latar belakang tersebut tidak banyak mempengaruhi kepercayaan di atas.

vii. **Pemujaan**

Di samping kepercayaan, ada amalan tertentu yang mesti dilakukan oleh pengikut sesuatu agama, khususnya amalan yang berhubung dengan pemujaan atau penyembahan. Dalam konteks orang Cina, pemujaan atau penyembahan biasanya dilakukan dengan membakar kertas joss dan colok.[2] Dalam hal ini, beberapa persoalan berhubung dengan orang Cina di Kuala Lumpur timbul, iaitu:

a. Adakah orang Cina di Kuala Lumpur melakukan pemujaan?

Jawapan kepada persoalan di atas dapat dilihat dalam jadual di bawah.

---

2 Lihat hal. 192

Jadual 15: Amalan pemujaan / sembahyang di kalangan orang Cina.

| PERATUS | BIL. | AMALAN PEMUJAAN |
|---|---|---|
| 43.9 | 54 | Mereka melakukannya secara kadang-kadang. |
| 33.3 | 41 | Mereka selalu melakukannya. |
| 11.4 | 14 | Mereka jarang sekali melakukannya |
| 10.5 | 13 | Mereka tidak pernah melakukannya. |

Jadual tersebut menjelaskan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji masih melakukan pemujaan / sembahyang, sama ada selalu atau jarang-jarang. Tetapi, yang melakukannya secara kadang-kadang lebih ramai berbanding dengan yang melakukannya secara selalu.

Golongan yang melakukan pemujaan / sembahyang, sama ada selalu, kadang-kadang atau jarang sekali terdiri daripada;

89.3% (50 responden) orang lelaki, iaitu dengan 30.4% (17 responden) melakukannya selalu, 44.6% (25 responden) melakukannya kadang-kadang dan 14.3% (8 responden) jarang sekali.

88.1% (59 adalah perempuan, iaitu dengan 35.8% (24 responden) melakukannya selalu, 43.3% (29

responden) melakukannya kadang-kadang dan 9% (6 responden) jarang sekali.

Mereka berumur seperti berikut;

86.7% (13 responden) 18 - 20 tahun, iaitu dengan 26.7% (4 responden) melakukannya selalu dan 60% (9 responden) melakukannya kadang-kadang.

91.6% (33 responden) 21 - 30 tahun, iaitu dengan 11.1% (4 responden) melakukannya selalu, 61.1% (22 responden) melakukannya kadang-kadang dan 19.4% (7 responden) jarang sekali.

90.6% (29 responden) 31 - 40 tahun, iaitu dengan 25% (8 responden) melakukannya selalu, 50% (16 responden) melakukannya kadang-kadang dan 15.6% (5 responden) jarang sekali.

88.4% (23 responden) 41 - 50 tahun, iaitu dengan 53.8% (14 responden) melakukannya selalu, 26.9% (7 responden) melakukannya kadang-kadang dan 7.7% (2 responden) jarang sekali.

83.3% (10 responden) 51 - 60 tahun dengan melakukannya selalu.

50% (1 responden) 61 tahun ke atas dengan melakukannya selalu.

Dari segi pendapatan bulanan, mereka berpendapatan seperti berikut;

80% (8 responden) RM500.00 ke bawah, iaitu dengan 10% (1 responden) melakukannya selalu dan 70% (7 responden) melakukannya kadang-kadang.

88.8% (24 responden) RM500.00 - RM1,000.00, iaitu dengan 29.6% (8 responden) melakukannya selalu, 48.1% (13 responden) melakukannya kadang-kadang dan 11.1% (3 responden) jarang sekali.

95% (19 responden) RM1,000.00 - RM2,000.00, iaitu dengan 40% (8 responden) melakukannya selalu, 35% (7 responden) melakukannya kadang-kadang dan 20% (4 responden) jarang sekali.

86.7% (13 responden) RM2,000.00 - RM3,000.00, iaitu dengan 20% (3 responden) melakukannya selalu, 46.7% (7 responden) melakukannya kadang-kadang dan 20% (3 responden) jarang sekali.

83.3% (5 responden) RM3,000.00 - RM4,000.00, iaitu dengan 33.3% (2 responden) melakukannya selalu, 16.7% (1 responden) melakukannya kadang-kadang dan 33.3% (2 responden) jarang sekali.

33.3% (1 responden) RM5,000.00 ke atas dengan melakukannya jarang sekali.

Kesimpulannya, berdasarkan jantina, umur dan pendapatan tidak terdapat perbezaan yang jauh di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji yang melakukan pemujaan/sembahyang. Perbuatan tersebut dilakukan di kalangan semua peringkat, sama ada selalu, kadang-kadang atau jarang sekali.

b. Di manakah tempat pemujaan / penyembahan yang dilakukan oleh orang Cina Kuala Lumpur?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah.

Jadual 16: Tempat orang Cina Kuala Lumpur melakukan pemujaan.

| PERATUS | BIL. | TEMPAT PEMUJAAN |
|---|---|---|
| 69.1 | 85 | Di rumah. |
| 60.2 | 74 | Di kuil/temple. |
| 43.1 | 53 | Di kubur/tempat simpan mayat. |
| 15.4 | 19 | Di tepi-tepi jalan. |
| 13 | 16 | Di bawah pokok besar. |
| 12.2 | 15 | Di bangunan. |
| 8.1 | 10 | Di gereja |
| 4.1 | 5 | Di tepi hutan. |
| 2.4 | 3 | Di pasar. |

Dari jadual di atas dapat dilihat tempat-tempat yang dilakukan pemujaan oleh orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji. Tetapi, tempat yang paling banyak dijadikan tempat pemujaan ialah rumah, kuil dan kubur/tempat simpan mayat.

c. Siapakah yang dipuja oleh orang Cina di Kuala

Lumpur?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah ini.

Jadual 17: Orang yang dipuja oleh orang Cina Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | ORANG YANG DI PUJA |
|---|---|---|
| 56.1 | 69 | Nenek moyang. |
| 48.8 | 60 | Tuhan-tuhan/dewa-dewa. |
| 32.5 | 40 | Tai Ji/The Great Origin/The Grand One/Creator |
| 27.6 | 34 | Roh-roh. |
| 24.4 | 30 | Hantu-hantu. |
| 18.7 | 23 | Datuk Kong. |
| 11.4 | 14 | Keramat-keramat Melayu. |
| 5.7 | 7 | Buddha. |
| 4.9 | 6 | Kuan Yin. |
| 3.3 | 4 | God dan Jesus (yang terdapat dalam Bible) |
| 2.4 | 3 | Jesus |
| 1.6 | 2 | God |

Dari jadual di atas dapat dilihat bermacam-macam benda yang dipuja oleh orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji. Tetapi, nenek moyang dipuja oleh kebanyakan mereka.

Golongan yang memuja nenek moyang terdiri daripada latar belakang kepercayaan agama atau falsafah seperti berikut;

47.4% (18 responden) <u>Buddhism</u>,

100% (2 responden) <u>Taoism</u>,

100% (2 responden) <u>Confucianism</u>,

80% (28 responden) agama Cina/<u>Folk</u>,

93.3% (14 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

10% (1 responden) Kristian dan

10.5% (2 responden) tiada agama/bebas.

Mereka bekerja sebagai;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

66.7% (4 responden) buruh (swasta),

33.3% (1 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

38.1% (8 responden) pegawai perkeranian (swasta),

50% (1 responden) pegawai <u>division</u> satu (kerajaan),

26.7% (4 responden) profesional/eksekutif (swasta),

72.7% (16 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

65.5% (19 responden) tidak bekerja,

55.6% (5 responden) pelajar,

66.7% (4 responden) suri rumah,

75% (3 responden) *promoter*,

100% (1 responden) jurujual dan

100% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

Golongan yang memuja tuhan-tuhan / dewa-dewa terdiri daripada latar belakang kepercayaan agama seperti berikut;

42.1% (16 responden) *Buddhism*,

100% (2 responden) *Taoism*,

50% (1 responden) *Confucianism*,

80% (28 responden) agama Cina/*Folk*,

60% (9 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

10% (1 responden) Kristian dan

15.8% (3 responden) tiada agama/bebas.

Pekerjaan mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

33.3% (2 responden) buruh (swasta),

33.3% (1 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

28.6% (6 responden) pegawai perkeranian (swasta),

20% (3 responden) profesional/eksekutif (swasta),

40.9% (9 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

82.8% (24 responden) tidak bekerja,

66.7% (6 responden) pelajar,

50% (3 responden) suri rumah,

25% (1 responden) promoter,

100% (1 responden) jurujual,

100% (1 responden) construction dan

100% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

Golongan yang memuja Tai Ji / Creator / The Grand One / The Great Origin terdiri daripada latar belakang kepercayaan agama berikut:

28.9% (11 responden) Buddhism,

50% (1 responden) Taoism,

51.4% (18 responden) agama Cina/Folk,

53.3% (8 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dan

5.3% (1 responden) tiada agama/ bebas.

Dari sudut pekerjaan, mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

50% (3 responden) buruh (swasta),

33.3% (1 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

4.8% (1 responden) pegawai perkeranian (swasta),

20% (3 responden) profesional/eksekutif (swasta),

50% (11 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

62.1% (18 responden) tidak bekerja dan

22.2% (2 responden) pelajar.

Golongan yang memuja roh-roh terdiri daripada latar belakang kepercayaan agama berikut;

13.2% (5 responden) Buddhism,

48.6% (17 responden) agama Cina/Folk,

66.7% (10 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dan

10.5% (2 responden) tiada agama/bebas.

Pekerjaan mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

16.7% (1 responden) buruh (swasta),

9.5% (2 responden) pegawai perkeranian (swasta),

50% (11 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

44.8% (13 responden) tidak bekerja,

22.2% (2 responden) pelajar,

16.7% (1 responden) suri rumah,

25% (1 responden) promoter dan

100% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

Golongan yang memuja hantu-hantu terdiri daripada latar belakang kepercayaan agama seperti berikut;

5.3% (2 responden) Buddhism,

42.9% (15 responden) agama Cina/Folk,

73.3% (11 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dan

10.5% (2 responden) tiada agama/bebas.

Mereka bekerja sebagai;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

16.7% (1 responden) buruh (swasta),

9.5% (2 responden) pegawai perkeranian (swasta),

36.4% (8 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri,

44.8% (13 responden) tidak bekerja,

22.2% (2 responden) pelajar,

16.7% (1 responden) suri rumah,

25% (1 responden) promoter dan

100% (1 responden) bekerja di gedung membeli belah.

Kesimpulannya, nenek moyang, tuhan-tuhan/dewa-dewa, Tai Ji/ Creator/The Grand One/The Great Origin, roh-roh dan hantu-hantu dipuja oleh orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji dan mereka mempunyai latar belakang kepercayaan agama dan pekerjaan yang bermacam-macam.

d. Kenapa orang Cina di Kuala Lumpur memuja?

Pada dasarnya, pemujaan dilakukan kerana suruhan agama. Bagi orang Cina di Kuala Lumpur yang melakukan pemujaan, adakah ia semata-mata oleh sebab tersebut atau ada sebab-sebab lain?

Jadual di bawah ini menerangkan jawapan persoalan tersebut.

Jadual 18: Sebab-sebab orang Cina Kuala Lumpur memuja.

| SEBAB MEMUJA | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Untuk mendapatkan keamanan hidup. | 61 | 75 |
| Untuk menjauhkan gangguan. | 33.3 | 41 |
| Untuk mendapatkan keuntungan atau kejayaan. | 32.5 | 40 |
| Untuk menolak kecelakaan dan balak | 24.4 | 30 |
| Untuk kesenangan selepas mati. | 24.4 | 30 |
| Untuk menyembuhkan penyakit. | 23.6 | 29 |
| Tak tahu/ikut-ikut sahaja. | 23.6 | 29 |
| Untuk menang judi/mendapat nombor ekor. | 17.1 | 21 |
| Untuk semata-mata memuja. | 7.3 | 9 |
| Kerana kesenangan datuk nenek selepas mati. | 0.8 | 1 |

Fakta yang terdapat di dalam jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji memgemukakan alasan mereka memuja/ sembahyang disebabkan untuk mendapat faedah atau keuntungan di dunia ini. Namun, Satu perempat daripada mereka mengemukakan alasan untuk kesenangan selepas mati, termasuk 0.8% untuk datuk nenek yang telah meninggal.

e. Apa pula alasan yang diberikan oleh golongan orang Cina Kuala Lumpur yang tidak memuja?

Alasan yang diberikan oleh golongan tersebut, sebagaimana dijelaskan oleh jadual di bawah.

Jadual 19: Alasan tidak memuja / sembahyang.

| SEBAB TIDAK MEMUJA | PERATUS | BIL. |
|---|---|---|
| Kerana tidak percaya kepada agama/ bebas. | 5.7 | 7 |
| Kerana berpendapat ia tidak berfaedah/sia-sia. | 3.3 | 4 |
| Kerana tidak ada masa/sibuk. | 3.3 | 4 |
| Kerana tidak percaya kepada pemujaan yang dilakukan. | 2.4 | 3 |
| Kerana berpendapat tiada sebab untuk memuja/tidak ada dorongan | 2.4 | 3 |
| Kerana tidak tahu cara memuja. | 0.8 | 1 |
| Tidak tahu sebab tidak memuja/ terikut-ikut orang yang tidak memuja. | 0.8 | 1 |

Jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji yang tidak melakukan pemujaan disebabkan tidak percaya kepada agama dan cara pemujaan yang dilakukan secara tradisional. Dengan itu, mereka berpendapat ia sia-sia sahaja, lalu tidak menghiraukannya, terutamanya ketika sibuk.

viii. **Keyakinan Terhadap Agama**

Usaha mendalami pengetahuan agama atau falsafah melalui pembelajaran merupakan satu perkara yang amat penting untuk meningkatkan seseorang itu sampai ke tahap yakin kepada agama atau falsafah yang dianuti. Sehubungan dengan orang Cina di Kuala Lumpur, hal tersebut menimbulkan beberapa persoalan, iaitu;

a. Sejauh manakah orang Cina di Kuala Lumpur melakukan usaha tersebut?

Kajian ke atas persoalan tersebut dijelaskan oleh jadual di bawah ini.

Jadual 20: Usaha belajar dalam hal-hal keagamaan.

| PERATUS | BIL. | PELAJARAN KEAGAMAAN |
|---|---|---|
| 55.3 | 68 | Tidak mempelajari/berusaha untuk keyakinan kepada agama. |
| 26 | 32 | Melakukannya sedikit-sedikit. |

| PERATUS | BIL. | PELAJARAN KEAGAMAAN |
|---|---|---|
| 13.8 | 17 | Melakukan/berusaha untuk keyakinan kepada agama. |
| 4.9 | 6 | Tidak menjawab. |

Jadual di atas menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji tidak berusaha mempelajari dan mendalami pengetahuan agama atau falsafah mereka.

b. Sejauh manakah keyakinan orang Cina di Kuala Lumpur kepada agama atau falsafah yang mereka miliki?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah.

Jadual 21: Keyakinan orang Cina Kuala Lumpur kepada agama mereka.

| PERATUS | BIL. | KEYAKINAN KEPADA AGAMA |
|---|---|---|
| 41.5 | 51 | Yakin kepada agama mereka. |
| 37.4 | 46 | Ikut-ikut sahaja. |
| 6.5 | 8 | Tidak yakin kepada agama mereka. |
| 6.5 | 8 | Tidak dapat menentukan, samada yakin atau tidak/tidak tahu. |
| 8.1 | 10 | Tidak menjawab |

Dari fakta tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji tidak yakin kepada agama / falsafah mereka. Mereka sekadar ikut-ikut sahaja. Di samping itu, bilangan mereka yang yakin kepada agama mereka juga besar, iaitu 41.5%.

Golongan yang tidak yakin kepada agama atau falsafah mereka, sama ada ikut-ikut sahaja, tidak dapat menentukannya atau sememangnya tidak yakin, terdiri daripada mereka yang latar belakang pelajaran berikut;

33.3% (4 responden) tidak bersekolah, iaitu mereka yang ikut-ikut sahaja,

42.9% (9 responden) setakat sekolah rendah, iaitu mereka yang ikut-ikut sahaja,

56.4% (31 responden) setakat sekolah menengah, iaitu 45.5% (25 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja dan 10.9% (6 responden) mereka yang memang tidak yakin,

47.1% (8 responden) lulus maktab/peringkat diploma, iaitu 41.2% (7 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja dan 5.9% (1 responden) mereka yang tidak dapat menentukannya,

81.8% (9 responden) lulus universiti dalam negeri, iaitu 18.2% (2 responden) mereka yang memang tidak yakin dan 63.6% (7 responden) mereka yang tidak dapat menentukannya,

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri,

iaitu mereka yang ikut-ikut sahaja.

Dari sudut agama atau falsafah pula, mereka adalah;

47.3% (18 responden) Buddhism, iaitu 44.7% (17 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja dan 2.6% (1 responden) mereka yang tidak dapat menentukannya,

50% (1 responden) Taoism, iaitu orang yang tidak dapat menentukannya,

100% (2 responden) Confucianism, iaitu mereka yang memangnya tidak yakin,

48.7% (17 responden) agama Cina/Folk, iaitu 42.9% (15 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja, 2.9% (1 responden) orang yang memangnya tidak yakin dan 2.9% (1 responden) orang yang tidak dapat menentukannya,

66.7% (10 responden) bercampur-campur (sinkretisme), iaitu 53.3% (8 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja, 6.7% (1 responden) orang yang memangnya tidak yakin dan 6.7% (1 responden) orang yang tidak dapat menentukannya,

10% (1 responden) Kristian, iaitu orang yang tidak dapat menentukannya dan

57.9% (11 responden) tiada agama/bebas, iaitu 10.5% (2 responden) mereka yang ikut-ikut sahaja, 31.6% (6 responden) mereka yang memangnya tidak

yakin dan 15.8% (3 responden) mereka yang tidak dapat menentukannya.

Kesimpulannya, golongan orang Cina Kuala Lumpur yang dikaji yang tidak yakin kepada kepercayaan agama atau falsafah mereka bertaburan di kalangan orang yang mencapai pelajaran yang bermacam-macam peringkat dan terdapat di kalangan orang yang menganuti agama kepercayaan yang bermacam-macam.

Golongan yang yakin kepada agama atau falsafah mereka terdiri daripada latar belakang pelajaran berikut;

66.7% (8 responden) tidak bersekolah,

52.4% (11 responden) setakat sekolah rendah,

34.5% (19 responden) setakat sekolah menengah,

52.9% (9 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

18.2% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan

40% (2 responden) lulus universiti luar negeri.

Dari sudut kepercayaan agama atau falsafah pula, mereka terdiri daripada;

47.5% (18 responden) <u>Buddhism</u>,

50% (1 responden) <u>Taoism</u>,

51.4% (18 responden) agama Cina/Folk,

33.3% (5 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

80% (8 responden) Kristian dan

5.3% (1 responden) tiada agama/bebas.

Kenyataan-kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa golongan yang yakin kepada kepercayaan agama atau falsafah mereka, bertaburan tanpa perbezaan yang besar di kalangan orang yang mencapai bermacam-macam peringkat pelajaran. Dilihat dari sudut agama kepercayaan mereka, orang yang beragama Kristian lebih tinggi peratus keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap agama mereka, berbanding dengan penganut-penganut agama atau falsafah yang lain.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah disebutkan, kesimpulan yang dapat dibuat ialah bahawa orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji masih lagi mewarisi kepercayaan keagamaan secara tradisional yang dipusakai turun temurun, walaupun ia semakin kendur, khususnya di kalangan generasi muda.

**B. Kepercayaan Khurafat Dan Amalan Buruk Di Kalangan Orang Cina Di Kuala Lumpur.**

Dalam bab kedua; landasan teori dijelaskan tentang kepercayaan-kepercayaan khurafat dan amalan-amalan

buruk yang meluas di kalangan masyarakat tradisional orang Cina. Persoalan sekarang ialah adakah orang Cina di Kuala Lumpur terbabit dengan amalan-amalan seperti itu?

Kajian ini telah memberi jawapan kepada persoalan tersebut, iaitu sebagaimana berikut:

i. Fengshui

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua bahawa *fengshui* ialah ilmu mengenai kedudukan sesebuah bangunan, rumah kedai dan kubur. Sehubungan dengan masyarakat Cina di Kuala Lumpur dalam hal ini, beberapa persoalan timbul, iaitu:

a. Sejauhmanakah kepercayaan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang kepada *fengshui*?

Jawapan kepada persoalan tersebut diterangkan oleh jadual di bawah.

Jadual 22: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada *fengshui*.

buruk yang meluas di kalangan masyarakat tradisional orang Cina. Persoalan sekarang ialah adakah orang Cina di Kuala Lumpur terbabit dengan amalan-amalan seperti itu?

Kajian ini telah memberi jawapan kepada persoalan tersebut, iaitu sebagaimana berikut:

i. Fengshui

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua bahawa *fengshui* ialah ilmu mengenai kedudukan sesebuah bangunan, rumah kedai dan kubur. Sehubungan dengan masyarakat Cina di Kuala Lumpur dalam hal ini, beberapa persoalan timbul, iaitu:

a. Sejauhmanakah kepercayaan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang kepada *fengshui*?

Jawapan kepada persoalan tersebut diterangkan oleh jadual di bawah.

Jadual 22: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada *fengshui*.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN KEPADA FENGSHUI |
|---|---|---|
| 43.1 | 53 | Mempercayai sebahagian *fengshui* yang dipercayai oleh orang dulu. |
| 27.6 | 34 | Mempercayai semua *fengshui* yang dipercayai oleh orang dulu. |
| 15.4 | 19 | Tidak tahu. |
| 13 | 16 | Tidak mempercayai *fengshui*. |
| 0.8 | 1 | Tidak menjawab. |

Jadual tersebut menjelaskan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji masih mempercayai kepada *fengshui*. Tetapi, kebanyakan mereka mempercayai pada sebahagiannya sahaja. Sebaliknya, 13% sahaja orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji tidak mempercayai *fengshui*.

Golongan yang mempercayai kepada *fengshui* terdiri daripada;

71.4% (51 responden) lelaki dengan 25% (14 responden) mempercayai semuanya dan 46.4% (26 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

70.2% (47 responden) perempuan dengan 29.9% (20 responden) mempercayai semuanya dan 40.3% (27 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

Mereka terdiri daripada suku kaum seperti berikut;

76.9% (30 responden) Hokkien dengan 43.6% (17 responden) mempercayai semuanya dan 33.3% (13 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.
63.6% (14 responden) Hakka dengan 31.8% (7 responden) mempercayai semuanya dan 31.8% (7 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.
68.9% (31 responden) Kantonis dengan 17.8% (8 responden) mempercayai semuanya dan 51.1% (23 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.
55.5% (5 responden) Teochew dengan 11.1% (1 responden) mempercayai semuanya dan 44.4% (4 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.
80% (4 responden) Hailam dengan 20% (1 responden) mempercayai semuanya dan 60% (3 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.
100% (1 responden) Kwangsi dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.
100% (2 responden) Hockchew dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

Berdasarkan pekerjaan, mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan) dengan mempercayai semuanya.
66.7% (4 responden) buruh (swasta) dengan 16.7% (1 responden) mempercayai semuanya dan 50% (3

responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (3 responden) pegawai perkeranian (kerajaan) dengan 33.3% (1 responden) mempercayai semuanya dan 66.7% (2 responden) percaya pada sebahagian-nya sahaja.

76.2% (16 responden) pegawai perkeranian (swasta) dengan 14.3% (3 responden) mempercayai semuanya dan 61.9% (13 responden) percaya pada sebahagian-nya sahaja.

50% (1 responden) pegawai <u>division</u> satu (kera-jaan) dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

60% (9 responden) profesional/ eksekutif (swasta) dengan 26.7% (4 responden) mempercayai semuanya dan 33.3% (5 responden) percaya pada sebahagian-nya sahaja.

63.7% (14 responden) berniaga sendiri/bekerja sendiri dengan 18.2% (4 responden) mempercayai semuanya dan 45.5% (10 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

75.9% (22 responden) tidak bekerja dengan 41.4% (12 responden) mempercayai semuanya dan 34.5% (10 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

77.7% (7 responden) pelajar dengan 44.4% (4 responden) mempercayai semuanya dan 33.3% (3 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

66.7% (4 responden) suri rumah dengan 16.7% (1 responden) mempercayai semuanya dan 50% (3 re-sponden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (4 responden) promoter dengan 75% (3 responden) mempercayai semuanya dan 25% (1 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (1 responden) jurujual dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (1 responden) construction dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

Dari sudut pelajaran, mereka adalah;

83.3% (10 responden) tidak bersekolah dengan 58.3% (7 responden) mempercayai semuanya dan 25% (3 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

66.7% (14 responden) setakat sekolah rendah dengan 38.1% (8 responden) mempercayai semuanya dan 28.6% (6 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

70.9% (39 responden) setakat sekolah menengah dengan 20% (11 responden) mempercayai semuanya dan 50.9% (28 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

52.9% (9 responden) lulus maktab/peringkat diploma dengan 17.6% (3 responden) mempercayai semuanya dan 35.3% (6 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

90.9% (10 responden) lulus universiti dalam negeri dengan 36.4% (4 responden) mempercayai semuanya dan 54.5% (6 responden) percaya pada

sebahagiannya sahaja.

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri dengan 20% (1 responden) mempercayai semuanya dan 40% (2 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

68.4% (26 responden) Buddhism dengan 23.7% (9 responden) mempercayai semuanya dan 44.7% (17 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (2 responden) Taoism dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

79.7% (30 responden) agama Cina/Folk dengan 31.1% (13 responden) mempercayai semuanya dan 48.6% (17 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

80% (12 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dengan 40% (6 responden) mempercayai semuanya dan 40% (6 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

40% (4 responden) Kristian dengan 20% (2 responden) mempercayai semuanya dan 20% (2 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

63.2% (12 responden) tiada agama/bebas dengan 15.8% (3 responden) mempercayai semuanya dan

sebahagiannya sahaja.

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri dengan 20% (1 responden) mempercayai semuanya dan 40% (2 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

68.4% (26 responden) Buddhism dengan 23.7% (9 responden) mempercayai semuanya dan 44.7% (17 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

100% (2 responden) Taoism dengan percaya pada sebahagiannya sahaja.

79.7% (30 responden) agama Cina/Folk dengan 31.1% (13 responden) mempercayai semuanya dan 48.6% (17 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

80% (12 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dengan 40% (6 responden) mempercayai semuanya dan 40% (6 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

40% (4 responden) Kristian dengan 20% (2 responden) mempercayai semuanya dan 20% (2 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

63.2% (12 responden) tiada agama/bebas dengan 15.8% (3 responden) mempercayai semuanya dan

47.4% (9 responden) percaya pada sebahagiannya sahaja.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kesimpulannya ialah bahawa orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji yang mempercayai fengshui bertaburan pada semua peringkat jantina, suku kaum, pekerjaan, pencapaian pelajaran dan agama kepercayaan. Dilihat dari latar belakang tersebut, tidak ada perbezaan yang banyak di kalangan mereka tentang kepercayaan kepada fengshui.

b. Adakah orang Cina di Kuala Lumpur mengamalkan fengshui di dalam kehidupan mereka?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat sebagaimana berikut.

Jadual 23: Amalan fengshui di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | AMALAN FENGSHUI |
|---|---|---|
| 43.1 | 53 | Tidak pernah mengamalkan fengshui |
| 26.8 | 33 | Mengamalkan fengshui secara kadang-kadang. |
| 13.8 | 17 | Jarang sekali mengamalkan fengshui. |
| 13 | 16 | Selalu mengamalkan fengshui. |
| 3.3 | 4 | Tidak menjawab |

Fakta yang telah dipaparkan menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji mengamalkan <u>fengshui</u> dalam kehidupan mereka. Walaupun begitu, kekerapan amalan mereka berbeza, iaitu 13% selalu mengamalkannya, 26.8% kadang-kadang dan 13.8% jarang sekali.

Golongan yang mengamalkan <u>fengshui</u> terdiri daripada latar belakang pelajaran seperti berikut;

75% (9 responden) tidak bersekolah dengan 66.7% (8 responden) selalu mengamalkannya dan 8.3% (1 responden) jarang sekali mengamalkannya.

76.2% (16 responden) setakat sekolah rendah dengan 28.6% (6 responden) selalu mengamalkannya, 28.6% (6 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 19% (4 responden) jarang sekali mengamalkannya.

56.3% (31 responden) setakat sekolah menengah dengan 3.6% (2 responden) selalu mengamalkannya, 40% (22 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 12.7% (7 responden) jarang sekali mengamalkannya.

29.4% (5 responden) lulus maktab/peringkat diploma dengan 5.9% (1 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 23.5% (4 responden) jarang sekali mengamalkannya.

27.3% (3 responden) lulus universiti dalam negeri

dengan 18.2% (2 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 9.1% (1 responden) jarang sekali mengamalkannya.

40% (2 responden) lulus universiti luar negeri dengan mengamalkannya kadang-kadang.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

57.9% (22 responden) Buddhism dengan 10.5% (4 responden) selalu mengamalkannya, 34.2% (13 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 13.2% (5 responden) jarang sekali mengamalkannya.

50% (1 responden) Confucianism dengan mengamalkannya kadang-kadang.

79.9% (28 responden) agama Cina/Folk dengan 25.7% (9 responden) selalu mengamalkannya, 37.1% (13 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 17.1% (6 responden) jarang sekali mengamalkannya.

60% (9 responden) bercampur-bercampur (sinkretisme) dengan 13.3% (2 responden) selalu mengamalkannya, 26.7% (4 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 20% (3 responden) jarang sekali mengamalkannya.

10% (1 responden) Kristian dengan mengamalkannya kadang-kadang.

21.1% (4 responden) tiada agama/bebas dengan 5.3% (1 responden) mengamalkannya kadang-kadang dan 15.8% (3 responden) jarang sekali mengamalkannya.

Dari latar belakang tersebut dapat dilihat bahawa golongan yang mencapai pelajaran lebih tinggi lebih rendah peratus mengamalkan fengshui, berbanding dengan golongan pencapaian pelajaran yang rendah. Dari sudut kepercayaan agama, golongan yang beragama Cina/Folk lebih tinggi peratus yang mengamalkan fengshui, berbanding dengan pengikut-pengikut kepercayaan agama yang lain.

Golongan yang tidak mengamalkan fengshui terdiri daripada latar belakang pelajaran sepertimana berikut;

25% (3 responden) tidak bersekolah,

19% (4 responden) setakat sekolah rendah,

38.2% (21 responden) setakat sekolah menengah,

70.6% (12 responden) lulus maktab/ peringkat diploma,

72.7% (8 responden) lulus universiti dalam negeri,

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri dan

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

36.8% (14 responden) Buddhism,

100% (2 responden) Taoism,

50% (1 responden) Confucianism,

20% (7 responden) agama Cina/Folk,

33.3% (5 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

90% (9 responden) Kristian dan

73.7% (14 responden) tiada agama/bebas.

Berdasarkan latar belakang tersebut dapat dilihat bahawa dari golongan yang mencapai pelajaran yang tinggi lebih ramai peratus tidak mengamalkan fengshui, berbanding dengan yang rendah pencapaian pelajarannya.

c. Untuk kepentingan apa orang Cina di Kuala Lumpur melakukan fengshui?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah ini.

Jadual 24: Benda-benda yang dilakukan fengshui.

| PERATUS | BIL. | TEMPAT-TEMPAT KEPENTINGAN FENGSHUI |
|---|---|---|
| 24.4 | 30 | Untuk kubur dan bangunan. |
| 9.8 | 12 | Untuk kubur sahaja. |
| 8.9 | 11 | Untuk bangunan (termasuk rumah) sahaja. |
| 2.4 | 3 | Untuk perkahwinan. |
| 2.4 | 3 | Untuk rumah, kubur dan tempat berniaga. |
| 0.8 | 1 | Untuk memajukan perniagaan. |
| 51.2 | 63 | Tidak menjawab apa-apa. |

Berdasarkan fakta tersebut dapat dilihat bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji yang mempercayai fengshui mengamalkan fengshui untuk kepentingan kubur dan bangunan.

ii. Kepercayaan Kepada Angka

Selain daripada kepercayaan kepada fengshui, kepercayaan kepada angka juga meluas di kalangan orang Cina. Kepercayaan tersebut ialah adanya angka bertuah (lucky number) dan ada yang sial atau paling tidak dibenci (unlucky number). Berhubung dengan hal ini, beberapa persoalan timbul, iaitu;

a. Bagaimanakah kepercayaan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang berhubung dengan angka?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah.

Jadual 25: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada angka.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN KEPADA ANGKA |
|---|---|---|
| 29.3 | 36 | Mempercayai angka sedikit-sedikit |
| 28.5 | 35 | Tidak percaya kepada angka. |
| 25.2 | 31 | Mempercayai angka. |
| 16.3 | 20 | Tidak tahu. |

Dari fakta di atas dapat dilihat bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala lumpur yang dikaji mempercayai kepada angka, iaitu angka bertuah dan angka sial atau dibenci (lucky and unlucky numbers). Namun, dari golongan tersebut lebih ramai yang mempercayainya sedikit-sedikit.

Golongan yang percaya kepada adanya angka bertuah dan angka sial atau angka yang tidak disukai terdiri daripada suku kaum seperti berikut;

56.4% (22 responden) Hokkien dengan 33.3% (13 responden) mempercayainya dan 23.1% (9 responden) sedikit-sedikit percaya.

59.1% (13 responden) Hakka dengan 27.3% (6 responden) mempercayainya dan 31.8% (7 responden) sedikit-sedikit percaya.

55.6% (25 responden) Kantonis dengan 26.7% (12 responden) mempercayainya dan 28.9% (13 responden) sedikit-sedikit percaya.

33.3% (3 responden) Teochew dengan sedikit-sedikit percaya.

60% (3 responden) Hailam dengan sedikit-sedikit percaya.

50% (1 responden) Hockchew dengan sedikit-sedikik percaya.

Dari sudut pelajaran, mereka adalah;

75% (9 responden) tidak bersekolah dengan 66.7% (8 responden) mempercayainya dan 8.3% (1 responden) sedikit-sedikit percaya.

66.7% (14 responden) setakat sekolah rendah dengan 42.9% (9 responden) mempercayainya dan 23.8% (5 responden) sedikit-sedikit percaya.

49.1% (27 responden) setakat sekolah menengah dengan 20% (11 responden) mempercayainya dan 29.1% (16 responden) sedikit-sedikit percaya.

53% (9 responden) lulus maktab/peringkat diploma dengan 5.9% (1 responden) mempercayainya dan 47.1% (8 responden) sedikit-sedikit percaya.

45.5% (5 responden) lulus universiti dalam negeri dengan 9.1% (1 responden) mempercayainya dan 36.4% (4 responden) sedikit-sedikit percaya.

60% (3 responden) lulus universiti luar negeri dengan 20% (1 responden) mempercayainya dan 40% (2 responden) sedikit-sedikit percaya.

Berdasarkan kepercayaan agama, mereka adalah;

42.1% (16 responden) Buddhism dengan 13.2% (5 responden) mempercayainya dan 28.9% (11 responden) sedikit-sedikit percaya.

100% (2 responden) Taoism dengan 50% (1 responden) mempercayainya dan 50% (1 responden) sedikit-sedikit percaya.

50% (1 responden) Confucianism dengan memper-

cayainya.

71.4% (25 responden) agama Cina/Folk dengan 45.7% (16 responden) mempercayainya dan 25.7% (9 responden) sedikit-sedikit percaya.

53.3% (8 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dengan 20% (3 responden) mempercayainya dan 33.3% (5 responden) sedikit-sedikit percaya.

60% (6 responden) Kristian dengan 10% (1 responden) mempercayainya dan 50% (5 responden) sedikit-sedikit percaya.

36.9% (7 responden) tiada agama/bebas dengan 15.8% (3 responden) mempercayainya dan 21.1% (4 responden) sedikit-sedikit percaya.

Latar belakang tersebut menunjukkan bahawa suku kaum, pelajaran dan kepercayaan agama tidak memberi pengaruh yang banyak di dalam kepercayaan kepada angka bertuah dan angka sial di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji. Kepercayaan tersebut bertaburan di kalangan ketiga-tiga latar belakang tersebut.

Golongan yang tidak mempercayai tuah dan sial pada angka terdiri daripada suku kaum berikut;

28.2% (11 responden) Hokkien,

36.4% (8 responden) Hakka,

24.4% (11 responden) Kantonis,

22.2% (2 responden) Teochew,

20% (1 responden) Hailam,

100% (1 responden) Kwangsi dan

50% (1 responden) Hockchew.

Dari sudut pelajaran, mereka adalah;

16.7% (2 responden) tidak bersekolah,

19% (4 responden) setakat sekolah rendah,

25.5% (14 responden) setakat sekolah menengah,

41.2% (7 responden) lulus maktab/diploma,

45.5% (5 responden) lulus universiti dalam negeri,

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri dan

100% (2 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri.

Berdasarkan agama kepercayaan, mereka adalah;

26.3% (10 responden) Buddhism,

50% (1 responden) Confucianism,

14.3% (5 responden) agama Cina/Folk,

26.7% (4 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

40% (4 responden) Kristian dan

57.9% (11 responden) tiada agama/bebas.

Dari latar belakang tersebut dapat dilihat bahawa

golongan yang mendapat pelajaran tinggi lebih tinggi peratus tidak percaya kepada angka berbanding dengan golongan yang mendapat pelajaran yang lebih rendah.

b. Angka apa yang dipercayai bertuah dan disukai oleh orang Cina di Kuala Lumpur?

Jawapan kepada persoalan tersebut dapat dilihat di dalam jadual di bawah ini.

Jadual 26: Angka yang dianggap bertuah dan disukai oleh orang Cina.

| PERATUS | BIL. | ANGKA-ANGKA YANG DISUKAI |
|---|---|---|
| 35 | 43 | 8 |
| 24.4 | 30 | 9 |
| 20.3 | 25 | 3 |
| 13 | 16 | 1 |
| 12.2 | 15 | 7 |
| 10.6 | 13 | 6 |
| 9.8 | 12 | 2 |
| 8.1 | 10 | 5 |
| 1.6 | 2 | 4 |
| 1.6 | 2 | 10 |
| 0.8 | 1 | 168 |

Jadual di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga angka yang paling tinggi peratusnya disukai oleh orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji. Angka-angka tersebut ialah angka lapan, dengan 35% menyukainya, angka sembilan, dengan 24.4% menyukainya dan angka tiga, dengan 20.3% menyukainya.

Angka apa pula yang tidak disukai oleh orang Cina di Kuala Lumpur, kerana dianggap sial?

Angka-angka yang tidak disukai atau dianggap sial oleh orang Cina di Kuala Lumpur berdasarkan kajian ini dijelaskan di dalam jadual di bawah.

Jadual 27: Angka-angka yang tidak disukai oleh orang Cina di Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | ANGKA YANG TIDAK DISUKAI |
|---|---|---|
| 35.8 | 44 | 4 |
| 4.1 | 5 | 5 |
| 2.4 | 3 | 13 |
| 2.4 | 3 | 14 |
| 2.4 | 3 | 0 |
| 1.6 | 2 | 2 |
| 0.8 | 1 | 1 |
| 0.8 | 1 | 6 |
| 0.8 | 1 | 7 |
| 0.8 | 1 | 3 |

Fakta di atas dapat dilihat bahawa dari kalangan orang Cina di Kuala Lumpur yang mempercayai angka, angka empat sangat jauh bezanya berbanding dengan angka-angka lain peratus orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji tidak menyukainya. Namun, terdapat juga beberapa angka tertentu yang disukai oleh sesetengah orang, tetapi dibenci oleh orang lain. Angka-angka yang ada persamaan seperti itu ialah seperti angka dua dan angka lima.

iii. **Kepercayaan Kepada Binatang, Buah Dan Pokok.**

Mengikut kepercayaan tradisional orang Cina, terdapat sesetengah binatang, pokok dan buah mempunyai keistimewaan tertentu. Benda-benda itu seperti naga, singa, ikan kalui, ikan emas, pokok buluh dan buah limau. Adakah orang Cina di Kuala Lumpur sekarang mempercayai benda-benda tersebut sebagaimana kepercayaan tradisional mereka?

Jawapan kepada persoalan di atas ditunjukkan oleh jadual berikut.

Jadual 28: Kepercayaan orang Cina Kuala Lumpur kepada sesetengah benda.

| PERATUS | BIL. | KEPERCAYAAN KEPADA BENDA |
|---|---|---|
| 39 | 48 | Tidak tahu/tidak pasti. |
| 30.9 | 38 | Percaya kepada benda-benda tersebut, iaitu sama seperti kepercayaan tradisional. |
| 21.1 | 26 | Percaya seperti kepercayaan tradisional pada sebahagian sahaja benda-benda tersebut. |
| 5.7 | 7 | Tidak sama dengan kepercayaan tradisional. |
| 3.3 | 4 | Tidak menjawab. |

Jadual di atas menjelaskan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji mempercayai bahawa naga, singa, ikan kalui, ikan emas, pokok buluh, buah limau dan seumpamanya atau sebahagian daripada benda-benda tersebut mempunyai keistimewaan, sebagaimana kepercayaan tradisional mereka. Segolongan kecil daripada mereka sahaja (5.7%) tidak mempercayai benda-benda tersebut sebagaimana kepercayaan tradisional mereka.

Golongan yang mempercayai sebagaimana kepercayaan tradisional terhadap benda-benda tersebut terdiri daripada orang yang berumur sepertimana berikut;

6.7% (1 responden) 18 - 20 tahun dengan kepercayaan sebahagiannya sahaja yang sama dengan

orang dahulu.

44.4% (16 responden) 21 - 30 tahun dengan 25% (9 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 19.4% (7 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

59.4% (19 responden) 31 - 40 tahun dengan 31.3% (10 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 28.1% (9 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

61.5% (16 responden) 41 - 50 tahun dengan 34.6% (9 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 26.9% (7 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

83.4% (10 responden) 51 - 60 tahun dengan 66.7% (8 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 16.7% (2 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

100% (2 responden) 61 tahun ke atas dengan percaya sama seperti orang dahulu.

Dari sudut suku kaum, mereka adalah;

43.6% (17 responden) Hokkien dengan 30.8% (12 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 12.8% (5 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

50% (11 responden) Hakka dengan 31.8% (7 responden) percaya sama seperi orang dahulu dan 18.2%

(4 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

51.1% (23 responden) Kantonis dengan 33.3% (15 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 17.8% (8 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

77.7% (7 responden) Teochew dengan 44.4% (4 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 33.3% (3 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

60% (3 responden) Hailam dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

100% (1 responden) Kwangsi dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

100% (2 responden) Hockchew dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

Berdasarkan pelajaran, mereka adalah;

66.6% (8 responden) tidak bersekolah dengan 58.3% (7 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 8.3% (1 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

57.1% (12 responden) setakat sekolah rendah dengan 47.6% (10 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 9.5% (2 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

54.5% (30 responden) setakat sekolah menengah dengan 34.5% (19 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 20% (11 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

29.4% (5 responden) lulus maktab/ peringkat diploma dengan 5.9% (1 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 23.5% (4 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

54.6% (6 responden) lulus universiti dalam negeri dengan 9.1% (1 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 45.5% (5 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

40% (2 responden) lulus universiti luar negeri dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

50% (1 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

50% (19 responden) Buddhism dengan 31.6% (12 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 18.4% (7 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

85.7% (30 responden) agama Cina/Folk dengan 54.3% (19 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 31.4% (11 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

46.7% (7 responden) bercampur-campur (sinkretisme) dengan 40% (6 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 6.7% (1 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

20% (2 responden) Kristian dengan percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

31.6% (6 responden) tiada agama/bebas dengan 5.3% (1 responden) percaya sama seperti orang dahulu dan 26.3% (5 responden) percaya sebahagiannya sahaja yang sama seperti orang dahulu.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kesimpulannya ialah bahawa makin tinggi umur makin tinggi peratus kepercayaan kepada benda-benda tersebut. Adapun di kalangan suku kaum, pencapaian pelajaran dan kepercayaan agama tidak banyak mempengaruhi kepercayaan kepada benda-benda tersebut.

Golongan yang tidak tahu / tidak dapat mempastikan kepercayaan mereka terhadap benda-benda tersebut, sama ada seperti orang dahulu atau tidak terdiri daripada orang yang berumur sepertimana berikut;

93.3% (14 responden) 18 - 20 tahun,

41.7% (15 responden) 21 - 30 tahun,

34.4% (11 responden) 31 - 40 tahun,

26.9% (7 responden) 41 - 50 tahun dan

8.3% (1 responden) 51 - 60 tahun.

Dari sudut suku kaum, mereka adalah;

46.2% (18 responden) Hokkien,

40.9% (9 responden) Hakka,

40% (18 responden) Kantonis,

11.1% (1 responden) Teochew dan

40% (2 responden) Hailam.

Berdasarkan pencapaian pelajaran, mereka adalah;

16.7% (2 responden) tidak bersekolah,

38.1% (8 responden) setakat sekolah rendah,

40% (22 responden) setakat sekolah menengah,

64.7% (11 responden) lulus maktab/peringkat diploma,

27.3% (3 responden) lulus universiti dalam negeri,

20% (1 responden) lulus universiti luar negeri dan

50% (1 responden) lulus universiti dalam negeri dan luar negeri.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

47.4% (18 responden) Buddhism,

100% (2 responden) Taoism,

100% (2 responden) Confucianism,

11.4% (4 responden) agama Cina/Folk,

53.3% (8 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

50% (5 responden) Kristian dan

47.4% (9 responden) tiada agama/bebas.

Kesimpulannya, makin rendah umur makin tinggi peratus tidak tahu / tidak dapat mempastikan tentang kepercayaan kepada benda-benda tersebut. Adapun dari sudut suku kaum, pencapaian pelajaran dan agama kepercayaan peratus perbezaannya tidak banyak, di samping keadaannya tidak menentu.

### iv. Judi Dan Arak.

Sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam bab kedua, antara sifat buruk orang Cina ialah pengelibatan mereka dengan judi dan arak. Persoalan yang timbul ialah, adakah orang Cina di Kuala Lumpur terlibat dengan amalan-amalan tersebut atau tidak?

#### a. Judi.

Pengelibatan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji berhubung dengan judi adalah sebagaimana berikut.

Jadual 29: Judi di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang.

| PERATUS | BIL. | AMALAN JUDI |
|---|---|---|
| 63.4 | 78 | Tidak menjawab sama ada mengamal judi atau tidak. |
| 36.6 | 45 | Mereka mengamalkan judi. |

Fakta tersebut menunjukkan bahawa masih ramai, iaitu 36.6% orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji mengaku bahawa mereka terlibat dengan judi. Manakala bakinya, iaitu 63.4% tidak menjawab yang mungkin mereka juga terlibat dengannya.

Golongan yang mengamalkan judi terdiri daripada orang yang berumur seperti berikut;

20% (3 responden) 18 - 20 tahun,

30.6% (11 responden) 21 - 30 tahun,

40.6% (13 responden) 31 - 40 tahun,

38.5% (10 responden) 41 - 50 tahun dan

66.7% (8 responden) 51 - 60 tahun.

Berdasarkan suku kaum, mereka adalah;

33.3% (13 responden) Hokkien,

45.5% (10 responden) Hakka,

33.3% (15 responden) Kantonis,

44.4% (4 responden) Teochew,

20% (1 responden) Hailam dan

100% (2 responden).

Dari sudut pekerjaan, mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

66.7% (4 responden) buruh (swasta),

33.3% (1 responden) pegawai perkeranian (kerajaan),

23.8% (5 responden) pegawai perkeranian (swasta),

13.3% (2 responden) profesional/ eksekutif (swasta),

72.7% (16 responden) berniaga sendiri/ bekerja sendiri,

37.9% (11 responden) tidak bekerja,

11.1% (1 responden) pelajar dan

66.7% (4 responden) suri rumah.

Berdasarkan pencapaian pelajaran, mereka adalah;

58.3% (7 responden) tidak bersekolah,

52.4% (11 responden) setakat sekolah rendah,

38.2% (21 responden) setakat sekolah menengah,

17.6% (3 responden) lulus maktab/peringkat diploma dan

27.3% (3 responden) lulus universiti dalam negeri.

Mereka terdiri daripada orang yang berpendapatan bulanan seperti berikut;

20% (2 responden) RM500.00 ke bawah,

25.9% (7 responden) RM500.00 - RM1,000.00,

45% (9 responden) RM1,000.00 - RM1,000.00,

53.3% (8 responden) RM2,000.00 - RM3,000.00,

33.3% (2 responden) RM3,000.00 - RM4,000.00 dan

33.3% (1 responden) RM5,000.00 ke atas.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

10.5% (4 responden) Buddhism,

50% (1 responden) Confucianism,

68.6% (24 responden) agama Cina/Folk,

53.3% (8 responden) bercampur-campur (sinkretisme),

20% (2 responden) Kristian dan

26.3% (5 responden) tiada agama/bebas.

Berdasarkan latar belakang tersebut, kesimpulannya ialah bahawa dilihat dari sudut umur, golongan muda

lebih rendah peratus mengamalkan judi, jika dibanding-kan dengan golongan tua. Dari sudut pekerjaan, golongan yang bekerja sebagai profesional/eksekutif (swasta) dan pelajar paling rendah peratus mengamalkan judi berbanding dengan pekerja-pekerja lain. Dari sudut pencapaian pelajaran, golongan yang tidak berpelajaran dan yang memiliki pelajaran yang rendah lebih tinggi peratus mengamalkan judi, berbanding dengan yang memiliki pelajaran tinggi. Adapun dari sudut suku kaum, pendapatan dan kepercayaan agama, amalan judi bertaburan di kalangan mereka dengan tidak menentu.

b. Arak.

Adapun berhubung dengan arak, jadual di bawah ini menjelaskan sejauhmanakah pengelibatan orang Cina di Kuala Lumpur dengannya.

Jadual 30: Pengelibatan orang Cina Kuala Lumpur dengan arak.

| PERATUS | BIL. | AMALAN ARAK |
|---|---|---|
| 71.5 | 88 | Tidak menjawab sama ada mengamal/meminum arak atau tidak. |
| 28.5 | 35 | Mereka mengamalkan meminum arak. |

Fakta tersebut memaparkan bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji tidak menjawab sama ada mereka terlibat dengan arak atau tidak. Cuma, 28.5% sahaja yang berterus terang mengakui yang mereka terlibat dengannya.

Golongan yang meminum arak terdiri daripada orang yang berumur seperti berikut;

20% (3 responden) 18 - 20 tahun,

30.6% (11 responden) 21 - 30 tahun,

21.9% (7 responden) 31 - 40 tahun,

30.8% (8 responden) 41 - 50 tahun dan

50% (6 responden) 51 - 60 tahun.

Berdasarkan suku kaum, mereka adalah;

23.1% (9 responden) Hokkien,

45.5% (10 responden) Hakka,

28.9% (13 responden) Kantonis,

22.2% (2 responden) Teochew dan

50% (1 responden) Hockchew.

Dari sudut pekerjaan, mereka adalah;

50% (1 responden) buruh (kerajaan),

66.7% (4 responden) buruh (swasta),

28.6% (6 responden) pegawai perkeranian (swasta),

35% (7 responden) RM1,000.00 - RM2,000.00,

60% (9 responden) RM2,000.00 - RM3,000.00 dan

33.3% (2 responden) RM3,000.00 - RM4,000.00.

Dari sudut kepercayaan agama, mereka adalah;

13.2% (5 responden) Buddhism,

50% (1 responden) Confucianism,

42.9% (15 responden) agama Cina/Folk,

26.7% (4 responden) bercampur-campur (sinkre-tisme),

20% (2 responden) Kristian dan

36.8% (7 responden) tiada agama/bebas.

Dari latar belakang tersebut, kesimpulannya ialah bahawa peringkat umur, suku kaum, pekerjaan, pencapaian pelajaran, pendapatan dan kepercayaan agama tidak memberi kesan yang banyak dalam taburan peratus orang yang meminum arak. Ia bertaburan di kalangan latar belakang tersebut secara tidak menentu.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa beberapa kepercayaan keagamaan dan adat yang dianggap khurafat dan amalan buruk yang diwarisi turun temurun masih lagi wujud di kalangan masyarakat Cina di Kuala Lumpur yang dikaji.

Dari kesimpulan-kesimpulan yang dijelaskan, maka

terbuktilah hipotesis bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur masih mewarisi kepercayaan dan amalan tradisional, walaupun ia telah berkurangan.

2. MASALAH KEDUA

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa masalah kedua yang menjadi objek kajian ini ialah, bagaimanakah dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur? Adakah ia selaras dengan dasar-dasar dakwah Quran dan keadaan sasaran atau tidak?

Hipotesis kepada masalah tersebut ialah bahawa kebanyakan pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur kurang peka kepada dakwah terhadap orang bukan Islam, khususnya orang Cina dan pihak-pihak yang melakukannya masih tidak dapat melaksanakannya dengan sempurna, kerana banyak masalah yang dihadapi.

Untuk mengetahui jawapan kepada hipotesis tersebut, penulis telah mencari data-data. Oleh kerana kajian ini berhubung dengan perkara yang berlaku sekarang, maka tidak banyak data yang berbentuk bahan bertulis. Dengan itu, data-data hasil dari <u>interview</u> menjadi sumber data utama.

Sumber-sumber data yang diperolehi untuk tujuan

tersebut adalah dari:

A. <u>Interview</u>.

B. Buku/ risalah/ majalah.

C. Dokumen/ laporan.

D. Observasi.

Metod-metod yang digunakan untuk tujuan tersebut ialah metod <u>interview</u>, metod sejarah, metod <u>documentary</u> dan metod observasi.

Berikut dikemukakan hasil penyelidikan yang didapati.

Sebelum dikemukakan jawapan kepada masalah kedua tersebut, eloklah dikaji secara sepintas lalu berhubung dengan usaha-usaha dakwah di Kuala Lumpur yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah, khususnya kepada orang-orang Islam.

Telah disebut di dalam bab pendahuluan bahawa Kuala Lumpur menjadi tumpuan dakwah Islam di Malaysia, kerana hampir kesemua badan dakwah di Malaysia berpusat di Kuala Lumpur atau persekitarannya. Dengan itu, Kuala Lumpur banyak menerima aktiviti dakwah yang dianjurkan

oleh berbagai-bagai pertubuhan dakwah.

Dalam bab pendahuluan juga telah disebutkan bahawa badan yang bertanggungjawab secara khusus terhadap agama Islam dan dakwah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah memainkan peranannya di dalam hal keagamaan, khususnya berhubung dengan dakwah Islam.

Bagi menggerakkan jentera Majlis untuk mengejar matlamatnya, satu urusetia atau jabatan diadakan, yang dinamakan dengan "Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan" (JAWI).

Jabatan ini telah menyusun beberapa bahagian dan bahagian yang ada hubung kait yang rapat dengan dakwah ialah bahagian Amar Maaruf. Bahagian ini pula dipecahkan kepada beberapa sub unit dan sub unit yang paling rapat kaitannya dengan dakwah ialah Sub Unit Dakwah.

Aktiviti dakwah yang diaturkan oleh Sub Unit Dakwah, secara kasarnya adalah sebagaimana berikut:[3]

---

3 Rasol Taib, op. cit. hal. 20 .

Encik Abd.Aziz bin Che Kob (Penolong Pengarah Bahagian Dakwah), interview, di pejabatnya, pada 25.9.90

1. Ceramah agama di jabatan-jabatan kerajaan, masjid-masjid, surau-surau dan sekolah-sekolah.

2. Kelas pengajian bersiri di masjid-masjid, surau-surau, jabatan-jabatan kerajaan dan jabatan-jabatan swasta.

3. Ceramah umum pada hari-hari kebesaran Islam.

4. Ceramah khas bulan Ramadan.

5. Memberikan tenaga penceramah kepada pihak-pihak yang menganjurkan kursus, seperti kepada Institut Latihan Pos, Pusat latihan Polis, Pusat Latihan Telekom, Jabatan Penerangan, persatuan belia dan guru-guru Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

6. Muzakarah dakwah di antara badan-badan dakwah dan pendakwah-pendakwah, bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul.

7. Kursus kefahaman Islam kakitangan kerajaan di Wilayah Persekutuan.

8. Kursus kefahaman Islam bagi kakitangan JAWI kumpulan C dan D.

9. Kursus pengurusan jenazah muslimah Wilayah

Persekutuan.

10. Khemah ibadat sekolah rendah dan sekolah menengah.

11. Pusat khidmat sosial di masjid-masjid Wilayah Persekutuan.

12. Takmir surau-surau jabatan kerajaan.

13. Kursus kesedaran belia.

14. Kursus peniaga-peniaga kecil Islam Wilayah Persekutuan.

15. Kelas tafaqquh.

Sub-sub unit lain juga telah mengatur aktiviti masing-masing, sama ada secara langsung bersangkut paut dengan dakwah atau tidak langsung. Sub-sub unit tersebut ialah kebajikan saudara baru, penerbitan, kebajikan am, pentadbiran kariah, pelajaran dan pendidikan dan bahagian baitulmal.[4]

Semua aktiviti yang dilakukan oleh bahagian Amar Maaruf ditujukan kepada orang-orang Islam, termasuk

---

4 Rasol Taib, op. cit. hal. 9-28

saudara baru. Ada pun dakwah kepada orang bukan Islam, secara jelasnya tidak ada. Ia dilakukan secara tidak langsung sahaja, iaitu dengan cara memberikan bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan dakwah yang mengaturkan aktivitinya kepada orang bukan Islam dan menggalakkan saudara baru yang belajar di JAWI supaya cuba menghubungi kawan-kawan mereka untuk bercakap-cakap dan berbincang-bincang mengenai Islam.[5]

Dari keterangan-keterangan yang telah dijelaskan itu menunjukkan bahawa dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, pada asalnya untuk orang Islam, termasuk saudara baru. Dakwah kepada orang bukan Islam, secara jelasnya belum diadakan setakat ini. Di samping itu, kebanyakan aktiviti dakwah JAWI berupa kelas agama, ceramah dan kursus di tempat-tempat tertentu seperti di masjid, surau, sekolah, pejabat, dan khidmat kebajikan, khususnya kebajikan saudara baru.

Selain daripada JAWI, institusi-institusi dakwah yang terkedepan dengan mesej Islamnya yang jelas mengatur program dakwah secara aktif di Kuala Lumpur, khususnya di kalangan orang Islam ialah:

i. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

---

5 Md. Zaki bin Ab. Manan (Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Amar Maaruf), interview, di pejabatnya, pada 4.1.1991.

ii. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

iii. Jamaah Tabligh.

iv. Institut Dakwah Dan Latihan Islam (INDAH).

v. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

vi. Persatuan Ulama Malaysia (PUM).

vii. Al-Rahmaniah.

viii. Persatuan Seruan Islam Selangor Dan Wilayah Persekutuan (Al-Jam'iyah).

Di samping itu, terdapat juga pendakwah-pendakwah yang bergerak secara bersendirian, mengatur program-program dakwah mereka di Kuala Lumpur, khususnya di kalangan orang-orang Islam.

Adapun Darul Arqam, walaupun ia satu institusi dakwah yang aktif, tidak disentuh di dalam kajin ini, kerana dakwahnya tidak jelas.[6]

---

6 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ke-17 yang diadakan di Pusat Islam Malaysia pada 6.10.1986 antara lain membuat keputusan bahawa buku Aurad Muhammadiah pegangan Darul Arqam hendaklah ditahan penyebarannya kerana ia mengandungi ajaran dan pemahaman yang bertentangan dengan Syariah Islam dan mengelirukan masyarakat Islam. Lihat lampiran G.

Berikutnya dijelaskan secara kasar aktiviti-aktiviti dakwah pertubuhan-pertubuhan dakwah tersebut:

**i. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)**

Untuk menuju matlamatnya, ABIM mengatur bermacam-macam aktiviti yang secara kasarnya sebagaimana berikut:

1. Mengadakan kursus-kursus, seminar-seminar dan forum-forum.

2. Menerbitkan buku, majalah dan risalah.

3. Mengaturkan <u>usrah-usrah</u> dan perjumpaan-perjumpaan berkelompok.

4. Menubuhkan taman asuhan kanak-kanak, sekolah-sekolah rendah dan Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.

5. Mengadakan projek-projek ekonomi.

6. Mengadakan tabung kebajikan.

7. Mengadakan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan Islam antara bangsa.

8. Mengaturkan dakwah kepada orang bukan Islam, iaitu melalui Islamic Outreach-ABIM.

**ii. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)**

Oleh kerana PERKIM merupakan sebuah badan dakwah yang berdakwah kepada orang bukan Islam di samping orang Islam, ia disentuh secara khusus selepas ini.

**iii. Jamaah Tabligh**

Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Jamaah Tabligh pula, dengan secara ringkasnya ialah dengan mengadakan kuliah-kuliah, ijtimak tahunan, menghadiri ijtimak tahunan peringkat antara bangsa, mengatur kumpulan-kumpulan mengajak orang ramai keluar sembah-yang berjamaah di masjid-masjid dan mengadakan lawatan-lawatan ke rumah-rumah untuk membincangkan soal soal agama.

Jamaah Tabligh menumpukan dakwah di kalangan orang Islam sahaja. Adapun kepada orang bukan Islam, setakat ini tidak diusahakan. "Kita berusaha untuk memperbaiki orang Islam. Apakala orang Islam baik, dengan sendiri-nya orang bukan Islam tertarik kepada Islam".[7]

---

7 Dr.Fathi Haji Daud (seorang tokoh Jamaah Tabligh di Wilayah Persekutuan), interview, di Masjid India Kuala Lumpur, pada 22.9.1990

Walaupun Jamaah Tabligh tidak berdakwah kepada orang bukan Islam secara langsung, tetapi mesejnya menghala ke arah itu. "Kita berusaha supaya orang bukan Islam suka kepada Islam dengan cara memperelokkan orang-orang Islam itu sendiri".[8] Ini kerana halangan yang menghalang orang bukan Islam untuk memeluk Islam ialah keadaan orang Islam itu sendiri.[9]

Berdasarkan kefahaman tersebut, konsep Jamaah Tabligh berdakwah kepada orang bukan Islam adalah dengan cara contoh teladan yang baik.

iv. **Institut Dakwah Dan Latihan Islam (INDAH)**

INDAH merupakan satu bahagian daripada Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Bahagian ini bertanggungjawab secara khusus mengenai dakwah Islam.

Aktiviti-aktiviti dakwah yang diaturkan oleh INDAH, secara ringkasnya dengan mengadakan kursus-kursus dan latihan-latihan, kelas-kelas agama, ceramah-ceramah, bengkel-bengkel muzakarah, khidmat nasihat,

---

8 Hadzrami bin Ab.Rahman (seorang tokoh Jamaah Tabligh di Wilayah Persekutuan), interview, di Masjid India Kuala Lumpur, pada 22.9.1990.

9 Othman Sipol (seorang tokoh Jamaah Tabligh di Wilayah Persekutuan), interview, di Pusat Islam Kuala Lumpur, pada 27.9.1990.

lawatan-lawatan dan seminar atau nadwah. Aktiviti-aktiviti tersebut ditujukan kepada orang Islam.

Program dakwah kepada orang bukan Islam secara langsungnya, setakat ini belum dimulakan oleh INDAH. Walaupun begitu, secara tidak langsung ia telah diadakan, iaitu seperti rancangan penerapan nilai-nilai Islam dan penerbitan buku-buku mengenai Islam yang diedarkan juga kepada orang bukan Islam.[10]

v. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

YADIM pula telah mengadakan aktiviti-aktiviti, yang secara ringkasnya seperti kuliah-kuliah, kelas-kelas agama, kursus-kursus, menerbitkan buku-buku agama, majalah-majalah dan risalah-risalah, mengadakan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan dakwah dalam negeri, mengadakan unit kaunseling dan menganjurkan seminar-seminar atau nadwah-nadwah.

Secara langsungnya, YADIM belum lagi mengadakan program dakwah kepada orang bukan Islam. Tetapi secara tidak langsung ia dilakukan, seperti kerjasama

---

10 Mohd Shahir bin Haji Abdullah (Pengarah INDAH), interview, di pejabatnya, pada 22.9.1990.

dengan PERKIM dan menerbitkan buku-buku yang sesetengahnya diedarkan kepada orang bukan Islam.[11]

Pihak YADIM akan mengkaji perkara tersebut, supaya keperluannya dapat dilakukan dengan sebaik cara.[12]

### vi. Persatuan Ulama Malaysia (PUM)

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PUM, secara kasarnya ialah dengan mengadakan seminar atau simposium, ceramah-ceramah umum, kelas-kelas pengajian dan menerbitkan buku-buku, kertas-kertas kerja dan akhbar bulanan.

PUM belum lagi berusaha untuk berdakwah kepada orang-orang bukan Islam, kerana usaha PUM di peringkat permulaan ini ialah menghimpunkan ulama yang ada supaya mengembelingkan tenaga di dalam satu persatuan.[13]

### vii. Al-Rahmaniah

Al-Rahmaniah pula telah mengaturkan aktiviti-

---

11 Abdullah bin Mat (Pengarah 11 YADIM), interview, di pejabatnya, pada 27.12.1990

12 Tan Seri Ainuddin Wahid (Yang Dipertua YADIM), interview, di pejabatnya, pada 10.1.1991.

13 Ab.Ghani Shamsuddin (Timbalan Yang Dipertua PUM), interview, di pejabatnya, pada 18.9.1990.

aktiviti yang secara kasarnya ialah dengan mengadakan kelas-kelas atau kuliah-kuliah, menganjurkan seminar-seminar, menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah, mengadakan kursus-kursus dan mengadakan program kebajikan kepada saudara-saudara baru seperti bimbingan kaunseling.

Walaupun pada peringkat mulanya Al-Rahmaniah cuba mengaturkan beberapa program untuk berdakwah kepada orang bukan Islam, tetapi usaha-usaha seperti itu akhir-akhir ini dihentikan, kerana Al-Rahmaniah lebih menumpukan dakwahnya kepada orang-orang Islam.[14]

viii. Al-Jam'iyah

Aktiviti yang dijalankan oleh Al-Jam'iyah secara kasarnya ialah:[15]

a. Mengadakan kuliah-kuliah atau kelas-kelas agama di masjid-masjid, surau-surau, pejabat-pejabat dan sebagainya.

---

14 Md.Akhir Haji Yaccob (Yang Dipertua Al-Rahmaniah), interview, .di pejabatnya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 28.1. 1991.

15 Ab.Majid Haji Elias (Setiausaha Agung Al-Jam'iyah), interview, di pejabatnya, pada 1.4.1991.

Nor Azuwan Yaakob, Ad Dakwah, bil. 166 th. xiv, Mac 1991, hal. 30-31.

b. Mengadakan seminar dan kursus berhubung dengan Islam.

c. Menerbitkan risalah, majalah dan buku.

d. Menganjurkan perkelahan dakwah.

e. Mengadakan sumbangan kebajikan hari raya kepada golongan yang memerlukan.

Dakwah kepada orang bukan Islam tidak diusahakan oleh Al-Jam'iyah. Walaupun satu masa dulu pernah diaturkan beberapa program untuk berdakwah kepada orang bukan Islam, tetapi usaha seperti itu tidak lama.[16]

Berdasarkan keterangan-keterangan berhubung dengan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah yang terkemuka di Kuala Lumpur, dapatlah disimpulkan bahawa aktiviti-aktiviti tersebut berlingkar di sekitar ceramah-ceramah, kelas-kelas, seminar-seminar, kursus-kursus dan penerbitan buku, majalah dan risalah. Tidak banyak pertubuhan dakwah yang mengadakan program ekonomi, khidmat masyarakat, kaunseling dan khemah-khemah kerja, apalagi menggunakan cara-cara baru dalam komunikasi. Dengan yang demikian, kebanyakan aktiviti sesuatu badan dakwah itu tidak

---

16 Ab.Majid, _op. cit._ pada 1.4.1991.

lebih dari mengulangi aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan dakwah yang lain dan dalam keadaan yang agak ketingalan masa. Di samping itu, kebanyakan pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur mengaturkan program-program dakwahnya kepada orang Islam sahaja. Adapun kepada orang bukan Islam, hanya dilakukan secara tidak langsung dan sementara.

## A. Dakwah Terhadap Orang Cina Di Kuala Lumpur

Setelah dikemukakan secara ringkas aktiviti dakwah kepada orang Islam di Kuala Lumpur yang dilakukan oleh badan-badan dakwah, sekarang dikemukakan kajian berhubung dengan usaha dakwah, khususnya untuk orang Cina di Kuala lumpur yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam.

Kajian ini telah menemui usaha-usaha dakwah yang dilakukan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur yang dilakukan oleh badan-badan dakwah tertentu. Kajian ini juga menemui bahawa usaha dakwah yang dilakukan itu tidak dipisahkan antara satu kelompok etnik dengan kelompok etnik yang lain. Setakat ini, usaha tersebut dilakukan secara serentak; ditujukan kepada semua, sebagaimana ia juga tidak banyak dipisahkan di antara orang Islam dan bukan Islam. Dengan itu, orang Cina menjadi sasaran bersama dengan sasaran-sasaran yang lain. Maka untuk mengkaji dakwah terhadap orang Cina

di Kuala Lumpur, bererti juga mengkaji dakwah kepada etnik lain yang bukan Islam.

Kajian ini menemui tiga pertubuhan dakwah yang mengerakkan usaha-usahanya secara aktif untuk berdakwah kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina, di samping kepada orang-orang Islam. Pertubuhan-pertubuhan tersebut ialah:

i. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).

ii. Islamic Outreach-ABIM (IOA).

iii. Persatuan Darul Fitrah Malaysia (Darul Fitrah).

Berikut dikemukakan program-program dan usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut.

**i. PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM).**

Telah dijelaskan bahawa PERKIM ditubuhkan pada 19 Ogos 1960 dengan tujuan untuk mengembangkan pengajaran Islam kepada orang yang bukan Islam, terutamanya yang tidak memeluk mana-mana agama, juga untuk memberikan khidmat kepada orang-orang yang baru memeluk Islam,

sama ada dari sudut peningkatan ilmu dan penyelesaian masalah.[17]

Untuk mencapai matlamat tersebut, PERKIM telah mengaturkan aktivitinya melalui beberapa jabatan atau bahagian yang disusun, iaitu sebagaimana berikut:[18]

a. Bahagian urusetia.

b. Bahagian kewangan.

c. Bahagian dakwah & pelajaran.

d. Bahagian kebajikan.

e. Bahagian penerangan & penerbitan.

f. Bahagian hal ehwal wanita.

g. Bahagian pelarian Islam.

h. Bahagian pembangunan.

i. Bahagian perniagaan/ pustaka.

---

17 Lihat bab pendahuluan, hal. 10

18 Lihat Carta Susunan Pentadbiran PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Laporan tahunan 1409/1989, PERKIM, t.k. t.t. hal. 33

Aktiviti Dakwah PERKIM.

Sebelum dikaji dakwah PERKIM kepada orang Cina secara khusus, eloklah dikaji terlebih dahulu dakwah PERKIM secara keseluruhannya.

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PERKIM melalui bahagian-bahagian yang telah disebutkan, didapati bahawa aktiviti yang bersangkut-paut dengan dakwah, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung tetapi masih dekat dengan dakwah adalah dari bahagian-bahagian berikut.[19]

a. Bahagian dakwah & pelajaran.

b. Bahagian kebajikan.

c. Bahagian penerangan & penerbitan.

d. Hal ehwal wanita.

e. Bahagian pelarian Islam.

f. Pustaka.

---

19 Aktiviti-aktiviti dakwah PERKIM tertumpu di Ibu Pejabatnya yang beralamat; Tingkat 4, Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

Melalui jabatan-jabatan tersebut, PERKIM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti, sebagaimana berikut:

### a. Bahagian Dakwah & Pelajaran

Sebelum tahun 1988, bahagian dakwah, bahagian pelajaran dan bahagian kebajikan berjalan berasingan. Tetapi, sejak tahun tersebut, ketiga-tiga bahagian ini diselaraskan, kerana ketiga-tiganya mempunyai kaitan yang rapat.[20]

Ketiga-tiga bahagian tersebut telah memainkan peranannya di dalam dakwah, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan sama ada untuk orang Islam atau bukan Islam.

#### Dakwah Dan Pelajaran

Bahagian dakwah merupakan bahagian utama PERKIM, disebabkan tugas pokok PERKIM ialah berdakwah. Mengikut Haji Hussain Yee bin Abdullah, pada dasarnya, aktiviti dakwah PERKIM ditujukan kepada tiga golongan, iaitu;[21]

---

20 PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Laporan Tahunan 1409 Bersamaan 1989, PERKIM, t.k. t.t. hal. 38

21 Haji Hussain Yee bin Abdullah (Pegawai mubaligh PERKIM), Carta Uslūb al-Da`wah al-Islāmīyah. t.t. t. hal.

1. Golongan yang sudah Islam.

2. Golongan yang baru memeluk Islam.

3. Golongan yang belum memeluk Islam.

Aktiviti dakwah yang utama secara langsungnya ditujukan kepada orang yang sudah Islam, khususnya saudara baru ialah:

1. Pengajian Di Waktu Pejabat.

Pengajian tersebut diadakan di ibu pejabat PERKIM dan pejabat PERKIM bahagian Wilayah Persekutuan. Pengajian ini dibuka kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar, khususnya saudara baru. Ia dibuka dari pukul sembilan pagi hingga lima petang. Beberapa orang mubaligh dan pembantu mubalagh disediakan di sini, Mereka menunggu-nunggu pelajar yang ingin belajar. Melalui pengajian seperti ini, ada juga orang-orang yang bukan Islam datang bertanyakan tentang Islam.[22]

Dari sini dapat dilihat bahawa PERKIM telah membuka peluang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja yang

---

22 Datuk Haji Mohamad bin Haji Ahmad (Pengarah Dakwah PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 22.1.1991.

ingin belajar secara bersemuka pada bila-bila masa dalam lingkungan masa yang telah ditentukan.

2. Pengajian Di Luar Waktu Pejabat.

Pengajian ini diadakan di ibu pejabat PERKIM dan di pejabat PERKIM bahagian Wilayah Persekutuan. Kelas ini bermula dari pukul lima petang hingga tujuh petang di ibu pejabat dan pukul lapan malam hingga sepuluh malam di pejabat Wilayah. Ia dihadiri oleh saudara-saudara baru yang tidak dapat datang belajar pada waktu pejabat kerana bekarja.[23]

Isi pelajaran kelas-kelas tersebut ialah berhubung dengan asas Islam, sama ada dari sudut akidah atau fekah. Kelas-kelas seperti ini, kadang-kadang dihadiri juga oleh orang-orang bukan Islam.[24]

Dengan adanya kelas di luar waktu pejabat ini, orang yang terikat dengan pejabat pada waktu siang hari masih mempunyai peluang untuk hadir belajar.

---

23 Ibid.

Hussain Yee (Pegawai mubaligh PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 22.2.1991.

24 Haji Mohd.Hussain bin Abdullah (Pembantu mubaligh), interview, di pejabatnya, pada 18.2.1991.

3. Pelajaran Melalui Rakaman.

Pelajaran ini merupakan siri rakaman kaset dalam bahasa Inggeris. Kandungannya, ialah perkara-perkara yang bersangkut dengan fardu ain, seperti mengenai sembahyang. Sambutan orang ramai terhadap program seperti ini sangat menggalakkan.[25]

Dengan adanya program seperti ini, mana-mana orang yang berminat untuk mempelajari asas Islam tetapi tidak dapat hadir ke pejabat PERKIM, boleh berbuat demikian melalui rakaman seperti ini.

4. Kursus Ulangkaji Pendakwah.

Kursus tersebut dikhaskan kepada kakitangan PERKIM, khususnya pembantu-pembantu mubaligh PERKIM. Rancangan asal kursus ini adalah setahun sekali. Tetapi ada juga tahun-tahun yang tidak dapat diadakan, kerana sebab-sebab tertentu. Kursus seperti ini diadakan biasanya memakan masa selama seminggu.[26]

---

25 Hussain Yee, op. cit. pada 22.2.1991

PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, PERKIM, t.k. t.t. hal. 31

26 Ibid.

Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 22.1.1991.

5. Khemah Kerja Dakwah.

Khemah kerja ini untuk saudara baru yang dilakukan dari semasa ke semasa, dan biasanya setahun sekali. Ia diadakan di negeri-negeri yang terpilih dan memakan masa biasanya selama seminggu. Tujuannya untuk meningkatkan kefahaman fardu ain dan menguatkan kesedaran berdakwah.[27]

6. Latihan Perkaderan Dakwah.

Latihan perkaderan dakwah ini, khususnya kepada pelajar-pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM adalah bertujuan untuk melengkapkan diri sasaran yang terlibat dengan selok belok dakwah.[28]

7. Pertemuan.

Program pertemuan ini diadakan setahun dua kali di kalangan saudara-saudara baru dan akhir-akhir ini meningkat kepada empat kali setahun. Pertemuan ini dijadikan sebagai satu majlis suaikenal untuk memupuk muhibah dan silatulrahim di kalangan saudara baru.[29]

---

27 Haji Hussain Yee, op. cit. pada 22.2.1991

28 PERKIM, Laporan Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 1407 Bersamaan 1987, PERKIM, t.k. t.t. hal. 26

29 Hussain Yee, op. cit. pada 22.2.1991

8. Pertemuan dua kali sebulan untuk saudara baru. Tujuan pertemuan tersebut untuk mendedahkan mereka sesuatu tajuk yang menjadi isu menarik. Pendedahan tersebut diberikan oleh penceramah jemputan. Pertemuan seperti ini dilakukan di peringkat pusat dan bahagian (negeri).[30]

9. Nadwah Islamiah.

Program ini diadakan setahun sekali dan lebih berupa soaljawab, hitung diri dan mengenalpasti masalah-masalah saudara baru khususnya, untuk diatasi oleh bahagian kebajikan.[31]

10. Kelas Bahasa Arab.

Kelas ini dibuka kepada kakitangan PERKIM dan orang luar. Ia diadakan di ibu pejabat PERKIM, pada setiap petang, iaitu dari pukul lima hingga pukul enam, kecuali hari Sabtu dan Ahad.[32]

11. Ceramah Dan Kursus Di Sekolah.

---

30 Mohamad Haji Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 22.1.1991

31 <u>Ibid.</u>

Hussain Yee, <u>op. cit.</u> pada 22.2.1991

32 Mohamad Haji Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 22.1.1991.

Program ceramah dan kursus di sekolah-sekolah juga diadakan oleh pihak PERKIM. Program-program seperti ini ada juga yang diikut serta oleh pelajar-pelajar bukan Islam.[33]

12. Kerjasama Dengan Pusat Tahanan Kajang.

Pada dasarnya kerjasama ini bertujuan untuk memberikan khidmat kerohanian, seperti bimbingan, kaunseling dan bantuan, tanpa mengira bangsa dan agama.[34]

Sekarang, usaha dakwah di pusat tahanan Kajang lebih tertumpu kepada orang Islam, sebab ia diadakan di masjid penjara. Untuk orang bukan Islam, ia tidak ada pada akhir-akhir ini. Tetapi, kalau ada orang yang hendak memeluk Islam, pihak PERKIM akan dipanggil.[35]

Semua aktiviti yang telah disebutkan, walaupun pada dasarnya untuk orang Islam, tetapi ia juga terbuka kepada sesiapa sahaja, tidak kira agama dan keturunan.

Di samping aktiviti-aktiviti tersebut, PERKIM juga telah memainkan peranannya menyumbangkan bermacam-macam aktiviti pengajian Islam di Kuala Lumpur. Ia diadakan,

---

33 PERKIM, Laporan Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, op. cit. hal. 28

34 Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 22.1.1991.

35 Hussain Yee, op. cit. pada 18.2.1991.

sama ada dalam bentuk kelas pengajian, ceramah, khutbah Jumaat, kursus, seminar atau sebagainya, yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah dan sebagainya.[36]

13. Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP).

Pada tahun 1975, PERKIM telah menubuhkan sebuah pusat pengajian Islam yang dinamakan "Institut Dakwah Islamiah PERKIM". Institut ini bertujuan untuk melatih saudara-saudara baru dengan dakwah Islam supaya apabila mereka keluar daripada institut ini, akan menjadi tenaga pendakwah yang terlatih.[37]

Dalam masa pengajian selama lima tahun, banyak aktiviti yang diaturkan oleh institut ini untuk melayakkan pelajar-pelajar lepasannya bekerja di bidang dakwah. Dengan itu, institut ini telah banyak mengalami kemajuan, sehingga sekarang terdapat seramai 100 orang pelajar dari saudara-saudara baru. Mereka terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum yang terdapat di

---

36 PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Laporan Tahunan 1409/1989, PERKIM, t.k. t.t. hal. 41

37 Mohamad Haji Ahmad, Ta'rīf al-Jam'īyah al-Khayrīyah al-Islāmīyah bi Mālīziyā, PERKIM, t.k. t.t. hal. 7.

PERKIM, Laporan Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), op. cit. hal. 35.

Malaysia. Pelajar di sini bukan sahaja dari Malaysia, malah terdapat juga pelajar-pelajar dari Australia, Filipina, Fiji, Hong Kong, New Zealand, Korea, Thailand dan Kemboja.[38]

Dengan adanya institut ini, dapatlah pelajar-pelajar menyumbangkan khidmat dakwah mereka, khususnya kepada tempat asal mereka datang.[39]

Dengan adanya program seperti ini bererti PERKIM telah mengambil langkah jangka panjang menyediakan tenaga pendakwah bagi memenuhi keperluan.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa melalui bahagian dakwah & pelajaran, beberapa aktiviti pengisian ilmu kepada sasaran, khususnya saudara baru dan aktiviti penerangan Islam kepada orang bukan Islam telah diusahakan oleh PERKIM. Pengisian tersebut sama ada untuk faedah sasaran secara jelas atau untuk perkembangan dakwah secara jangka masa panjang.

---

38 Mohamad Haji Ahmad, Ta'rīf al-Jam'īyah al-Khayrīyah al-Islāmīyah bi Mālīziyā, loc. cit.

PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Laporan Tahunan 1409/1989, PERKIM, t.k. t.t. hal. 47.

39 Mohamad Haji Ahmad, Ta'rīf al-Jam'īyah al-Khayrīyah al-Islāmīyah bi Mālīziyā, op. cit. hal. 8

b. Bahagian Kebajikan.

Untuk menjaga kebajikan, khususnya kebajikan saudara baru, PERKIM menubuhkan satu bahagian yang dinamakan "Bahagian Kebajikan".

Kajian ke atas bahagian kebajikan dapat ditemui bahawa bahagian ini telah memberikan berbagai-bagai khidmat kepada sasarannya.

Pada asasnya, khidmat-khidmat kebajikan yang diberikan kepada sasaran yang terlibat ialah seperti memberikan nasihat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi, memberikan bantuan, menguruskan perkahwinan dan kematian, berusaha untuk mendapatkan sijil kewarganegaraan dan menolong untuk mendapatkan permit-permit; lori, bas dan teksi.[40]

Aktiviti-aktiviti penting yang dijalankan oleh bahagian ini dijelaskan sebagaimana berikut:[41]

1. Mengadakan Klinik.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

---

40 PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, op. cit. hal. 34

41 Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 22.1.1991

Puan Juliana Tam binti Abdullah (Pembantu kebajikan PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 19.2.1991

Ada dua jenis klinik yang diadakan oleh PERKIM. Pertama, klinik tetap dan kedua, klinik bergerak. Klinik tetap pernah diadakan di Kuala Lumpur, Alor Star, Pulau Pinang dan Kota Bharu.[42] Tetapi, oleh kerana klinik ini menghadapi masalah, terutamanya masalah kewangan, maka sekarang ini klinik tetap PERKIM hanya terdapat di Kota Bharu sahaja.

Manakala klinik bergerak pula diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Pahang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan dan Selangor. Tetapi, pada masa akhir-akhir ini, klinik ini juga mengalami kemerosotan, disebabkan oleh masalah kewangan.

Melalui kedua-dua jenis klinik ini, PERKIM telah memberikan sumbangannya menjaga kesihatan sasarannya tanpa mengira bangsa dan agama, di samping untuk mendekatkan mereka dengan PERKIM dan Islam.

2. Bantuan Pelajaran.

PERKIM juga telah mengadakan skim biasiswa kepada saudara-saudara baru untuk meneruskan pengajian mereka dari satu tahap ke satu tahap yang lebih tinggi. Biasiswa ini bermula daripada sebanyak RM30.00 sebulan

---

42 PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, op. cit. hal. 36

untuk pelajar sekolah rendah, sampailah kepada sebanyak RM100.00 sebulan untuk pelajar maktab atau universiti. Sekarang terdapat 23 orang yang diberikan biasiswa untuk semua peringkat.

3. Khidmat Masyarakat Bencana Alam.

Khidmat ini diberikan kepada mangsa-mangsa bencana alam, seperti mangsa banjir dan kebakaran. Khidmat ini diberikan tanpa mengira bangsa dan agama. Apakala ada laporan bahawa ada orang yang memerlukan pertolongan, akibat daripada sesuatu bencana, khidmat tersebut akan diberikan. Tetapi, oleh kerana bencana alam yang berlaku tidak banyak dilaporkan kepada pihak PERKIM, maka setakat ini khidmat tersebut tidak banyak diberikan.

4. Khidmat Perkahwinan Dan Kematian.

Khidmat ini diberikan kepada saudara-saudara baru yang menghadapi masalah perkahwinan dan kematian. Ia dilakukan dengan kerjasama bahagian dakwah.

5. Derma Pakaian.

Bahagian ini juga mengadakan khidmat mendermakan pakaian-pakaian yang didapati dari orang ramai. Pakaian-pakaian yang didapati dari orang ramai, sama ada baru atau terpakai dibahagikan kepada saudara-saudara

baru yang memerlukannya dan kepada orang-orang Islam yang susah.

6. Bahagian ini juga menguruskan masalah-masalah peribadi saudara baru, seperti surat sokongan kepada imigresen dan hospital untuk saudara-saudara baru menyelesaikan urusan mereka.

7. Pusat Pemulihan Kesihatan.

Pada asalnya program ini di bawah bahagian kebajikan, tetapi kerana bahagian kebajikan kurang kakitangan dan kerana ia melibatkan wanita untuk menguruskannya, maka Pusat Pemulihan Kesihatan ini terbawa pula ke bahagian wanita.

Pusat tersebut adalah kerjasama antara PERKIM dan Rotary, tetapi ia di bawah pentadbiran PERKIM. Ia ditubuh untuk membantu orang yang menjadi mangsa serangan <u>stroke</u> dan masalah urat saraf, juga orang-orang tua yang lanjut usianya. Pusat ini menggunakan cara-cara baru untuk memulihkan mangsa-mangsa tersebut.[43]

Pusat ini dibuka pada setiap hari, kecuali hari Sabtu dan Ahad, dari pukul 8.00 pagi sampai 5.00 pe-

---

43 PERKIM (risalah), <u>Pusat Pemulihan Kesihatan Rotary-Perkim Kuala Lumpur</u>, PERKIM, t.k. t.t. t. hal.

tang. Pada akhir-akhir ini, orang yang datang untuk mendapat khidmat pusat ini di antara 23 hingga 25 orang. Mereka terdiri daripada orang Cina dan majoritinya bukan Islam.[44]

8. Taman Asuhan Untuk Kanak-kanak Cacat (Tasputra Perkim).

Untuk memberikan khidmat kepada kanak-kanak cacat dari keluarga yang berpendapatan rendah, Tasputra Perkim ditubuhkan dan memulakan operasinya di Kuala Lumpur sejak tahun 1988. Projek ini, walaupun dimasukkan ke dalam aktiviti hal ehwal wanita PERKIM, tetapi ia pada asalnya di bawah bahagian kebajikan.

Tasputra Perkim merupakan sebuah pusat penjagaan harian bagi kanak-kanak cacat di bawah umur 10 tahun, tanpa mengira agama dan bangsa. Dengan yang demikian, pusat ini dapat mengurangkan beban ibu bapa miskin yang mempunyai anak-anak cacat.[45]

Oleh kerana pusat ini merupakan pusat kebajikan,

---

44 Hajah Rafiah binti Hussein (Pegawai hal ehwal wanita bahagian wanita PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 23.2.1991

45 PERKIM, <u>Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)</u>, Laporan Tahunan 1409/1989, PERKIM, t.k. t.t. hal. 50

PERKIM, <u>Suara PERKIM</u>, th. 11, Keluaran 1, hal. 16

ia diusahakan bukanlah berdasarkan keuntungan. Dengan yang demikian, pusat ini terpaksa menghadapi masalah kewangan. Punca kewangan selama ini didapati dari bantuan orang ramai dan badan-badan tertentu yang menghulurkannya dari masa ke semasa.[46]

Melalui program-program yang berbentuk kebajikan, dapat disimpulkan bahawa dengan cara tidak langsung, bahagian ini juga melakukan dakwah kepada sasarannya, sama ada orang Islam atau orang bukan Islam.

c. Penerbitan

Walaupun penerbitan merupakan sebahagian daripada bidang dakwah, tetapi oleh kerana ia sangat penting, maka ia diletakkan di bawah satu jawatankuasa tersendiri.[47]

Ada tiga jenis penerbitan yang diterbitkan oleh bahagian ini. Jenis penerbitan tersebut ialah:[48]

---

46 Ibid.

47 PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, op. cit. hal. 31

48 Adibah Abdullah (Penyunting Suara PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 18.2.1991

Zahir Puteh (Penyelia penerbitan), interview, di pejabatnya, pada 22.1.1991

1. Risalah.

2. Majalah.

3. Buku.

1. Risalah.

Beberapa risalah untuk memperkenalkan PERKIM dan aktivitinya telah diterbitkan dalam bahasa-bahasa yang masyhur di Malaysia, seperti bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Risalah-risalah tersebut seperti "PERKIM" dan "Introducing PERKIM".

2. Majalah.

PERKIM juga telah menerbitkan beberapa majalah. Majalah-majalah tersebut ialah:

i. Suara PERKIM.

Suara PERKIM diterbitkan dalam bahasa Malaysia, dalam masa tiga bulan sekali. Kandungan Suara PERKIM, lebih kurang 80% berhubung dengan aktiviti PERKIM dan lebih kurang 20% adalah berkaitan dengan dakwah. Sasaran Suara PERKIM ialah ahli PERKIM dan orang

ramai.[49]

ii. Nur Islam.

Majalah Nur Islam diterbitkan dalam bahasa Cina dengan kekerapan tiga atau dua bulan sekali. Kandungan Nur Islam ialah lebih kurang 80% berhubung dengan pengajaran fardu ain, iaitu tentang asas Islam, akidah, kebaikan Islam dan dakwah. Manakala lebih kurang 20% lagi adalah berhubung dengan aktiviti PERKIM. Sasaran Nur Islam ialah saudara baru, sekolah-sekolah dan klinik-klinik.[50]

iii. Islamic Herald.

Islamic Herald diterbitkan dalam bahasa Inggeris, iaitu dalam dua bulan sekali. Namun, pada akhir tahun 1988, ia diberhentikan, kerana menghadapi masalah kekurangan kewangan. Penerbitannya disambung semula, bermula pada akhir tahun 1991.[51]

---

49 Adibah Abdullah, <u>op. cit.</u> pada 18.2.1991

50 Rahimah Abdullah (Penolong penyunting), interview, di pejabatnya, pada 18.2.1991

51 Adibah Abdullah, <u>op. cit.</u> pada 18.2.1991 dan 21.7.1992

Zahir Puteh, <u>op. cit.</u> pada 22.1.1991

Mohamad Haji Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 25.3.1991

3. Buku.

PERKIM telah menerbitkan banyak buku kecil. Ia diterbitkan dalam bahasa-bahasa yang popular di Malaysia, seperti bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Setakat ini, buku-buku kecil ini telah diterbitkan sebanyak 37 buah, dengan berbagai-bagai judul. Kandungan buku-buku tersebut berhubung dengan perkara-perkara asas yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam. Buku-buku tersebut ditujukan kepada saudara baru dan orang-orang bukan Islam yang ingin mengetahui tentang agama Islam.[52]

Melalui penerbitan, PERKIM menyumbangkan usaha dakwahnya kepada sasarannya, sama ada orang Islam atau orang bukan Islam.

## d. Hal Ehwal Wanita

PERKIM juga telah menubuhkan bahagian hal ehwal wanita untuk mengatur aktiviti-aktiviti yang ada hubung kait dengan wanita dan menjaga kebajikan mereka.

Antara aktiviti yang biasa dilakukan oleh bahagian ini ialah kelas pengajian agama, kebajikan, kaunseling

---

52 Ibid. pada 22.1.1991

Zahir Puteh, op. cit. pada 22.1.1991

dan kutipan derma.[53]

Pada asalnya, bahagian ini melakukan aktiviti-aktiviti untuk orang-orang Islam, khususnya untuk saudari baru. Namun secara tidak langsung, ia juga dapat menarik orang-orang yang bukan Islam mendekati PERKIM dan Islam.[54]

Projek-projek utama yang dilakukan oleh bahagian ini adalah sebagaimana berikut:

1. Mengadakan Sri Lindungan Puteri.

Projek ini merupakan satu projek perlindungan bagi saudari-saudari baru yang disingkirkan oleh keluarga asal mereka. Saudari-saudari baru yang menghadapi masalah keluarga yang berumur 18 tahun ke atas dan belum berkahwin akan diberikan perlindungan di bawah projek ini. Pada masa ini, terdapat dua unit rumah pangsa di Kuala Lumpur yang dikhususkan untuk projek tersebut.[55]

Dengan adanya projek tersebut, ramai saudari baru

---

53 PERKIM, <u>10 Tahun PERKIM: Wanita Kebangsaan,</u> PERKIM, t.k. t.t. hal. 19

54 Rafiah Hussein, <u>op. cit.</u> pada 23.2.1991

55 <u>Ibid.</u>

yang menghadapi masalah dengan keluarga mereka, terutamanya dari keturunan Cina telah mendapat khidmat ini.[56]

2. Mengadakan rumah kebajikan untuk memberi perlindungan kepada bayi terbiar. Projek tersebut diwujudkan kerana adanya bayi-bayi yang ditinggalkan oleh keluarga mereka di hospital-hospital dan di tempat-tempat tertentu. Bahagian hal ehwal wanita PERKIM berasa bertanggungjawab memberikan penjagaan kepada bayi-bayi yang malang seperti itu. Namun, setakat ini, projek tersebut belum beroperasi secara sepenuhnya. Buat permulaannya, ia berjalan dalam bentuk sementara, iaitu dijadikan anak angkat oleh keluarga-keluarga tertentu.[57] Pihak PERKIM sedang mengatur beberapa langkah, supaya projek ini dapat dijalankan sepenuhnya, sebagaimana yang dirancangkan.[58]

3. Menjadi penghubung dengan sesuatu pihak.

Bahagian hal ehwal wanita juga berusaha mencari pihak-pihak tertentu supaya mengadakan sesuatu projek kebajikan yang difikirkan perlu. Dari usaha seperti ini

---

56 PERKIM, <u>10 Tahun PERKIM: Wanita Kebangsaan</u>, <u>op. cit.</u> hal. 19

57 Rafiah Hussein, <u>op. cit.</u> pada 2.3.1991

58 Haji H.M.S. Hussain (Setiausaha Kehormat PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 9.4.1991

lahirlah projek-projek, seperti rumah penjagaan kanak-kanak yang di bawah jagaan Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Inisiatif permulaan projek-projek seperti itu diusahakan oleh bahagian ini.[59]

4. Kegiatan wanita PERKIM Cawangan Bangsar.

Setakat ini, PERKIM di Kuala Lumpur mempunyai dua cawangan, iaitu Cawangan Bangsar dan Cawangan Kuala Lumpur Utara. Cawangan-cawangan tersebut mengadakan aktiviti-aktiviti masing-masing. Tetapi, aktiviti-aktiviti yang lebih dekat dengan dakwah ialah aktivi-ti-aktiviti yang dilakukan oleh PERKIM Cawangan Bangsar.[60]

Aktiviti-aktiviti tersebut adalah sebagaimana berikut:

i. Mengadakan Kelas Pengajian Agama.

Kelas pengajian ini diadakan enam kali seminggu. Pengisian kelas-kelas tersebut ialah dengan mempelajari bacaan Quran, fardu ain, tafsir Quran-hadis dan belajar bahasa Arab.[61]

---

59 Rafiah Hussein, _op. cit._ pada 2.3.1991

60 _Ibid._ pada 4.3.1991

61 Hajah Ainon binti Din (Pengerusi PERKIM Cawangan Bangsar), interview, di pejabatnya, pada 6.3.1991

ii. Kebajikan.

Aktiviti kebajikan biasanya dilakukan dalam bentuk bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukannya, sama ada berbentuk wang, barangan atau sebagainya.[62]

iii. Perpustakaan Mini.

Sebuah perpustakaan mini disediakan di cawangan tersebut yang terbuka kepada orang ramai membaca buku-buku yang disediakan. Kebanyakan buku di perpustakaan ini berbahasa Inggeris dan dalam tajuk-tajuk yang biasanya mengenai Islam.[63]

iv. Khidmat Kaunseling.

Cawangan ini juga mengadakan khidmat kaunseling bagi sasaran yang memerlukannya, khususnya untuk menyelesaikan masalah rumah tangga.[64]

Dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat dilihat bahawa PERKIM Cawangan Bangsar telah menjalankan usaha-usaha dakwah, khususnya kepada orang Islam

---

62 <u>Ibid.</u>

63 <u>Ibid.</u>

64 <u>Ibid.</u>

sama ada secara langsung atau tidak langsung.

e. Bahagian Pelarian Islam

PERKIM juga telah menubuhkan satu jabatan untuk menjaga kebajikan orang-orang pelarian Islam Kemboja yang datang ke Malaysia atas nama pelarian. Satu tabung kebajikan untuk tujuan tersebut ditubuhkan pada tahun 1981. Dengan itu, masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang pelarian Islam Kemboja dapat diatasi sedikit sebanyaknya.[65]

Setakat ini, khidmat kebajikan yang diberikan oleh jabatan ini hanya kepada orang-orang pelarian Islam sahaja. Kepada orang-orang pelarian yang bukan Islam tidak diberikan khidmat tersebut, walaupun mereka terdapat dengan ramainya di Malaysia.[66]

f. Pustaka

PERKIM juga telah mengadakan aktiviti dakwahnya

---

65 PERKIM, Laporan Tahunan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), op. cit. hal. 37

PERKIM, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Laporan Tahunan 1408 Bersamaan 1988, PERKIM, t.k. t.t. hal. 30

66 Leftenan Kolonel (Pesara) Ab.Kadir bin Ab. Hamid (Pengarah Bahagian Pelarian Islam PERKIM), interview, di pejabatnya, pada 21.2.1991

secara tidak langsung dalam bentuk penjualan buku. Sebuah kedai buku, yang dinamakan "Pustaka PERKIM" telah ditubuhkan pada tahun 1976 di Kuala Lumpur.[67]

Buku-buku yang disediakan di pustaka ini lebih kurang 75% adalah buku-buku mengenai Islam dan yang baki lagi itu buku-buku umum. Buku-buku mengenai Islam yang paling laris ialah buku-buku tafsir dan buku-buku untuk fardu ain.[68]

Ada juga orang bukan Islam yang datang membeli buku-buku mengenai Islam, terutamanya yang berbahasa Inggeris, iaitu seperti buku tafsir.[69]

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa PERKIM telah melakukan bermacam-macam aktiviti yang berbentuk kebajikan untuk memberi sumbangan kepada masyarakat sasarannya. Aktiviti-aktiviti tersebut, walaupun pada asalnya untuk orang Islam, khususnya saudara baru, namun secara tidak langsung juga untuk orang-orang bukan Islam. Sudah tentu, akti-

---

67 Mohamad Haji Ahmad, Ta'rīf al-Jam'īyah al-Khayrīyah al-Islāmīyah bi Mālīziyā, op. cit. hal. 11

Kamariah binti Mohd. Jais (Penyelia Pustaka PERKIM), interview, di Pustaka PERKIM, pada 4.3.1991

68 Ibid.

69 Ibid.

viti-aktiviti tersebut merupakan dakwah secara tidak langsung.

**Dakwah PERKIM Kepada Orang Cina Di Kuala Lumpur.**

Telah disebut bahawa dalam dakwah PERKIM tidak dipisahkan secara jelas antara satu bangsa dengan bangsa yang lain dan antara satu agama dengan agama yang lain. Dengan itu, kajian bagaimana dakwah PERKIM kepada orang-orang Cina, bererti kajian bagaimana dakwah PERKIM kepada orang bukan Islam seluruhnya.

Walaupun begitu, dakwah PERKIM untuk orang bukan Islam pada peringkat mula-mula lebih tertumpu di kalangan masyarakat Cina. Ini kerana usaha-usaha dakwah PERKIM pada peringkat permulaan dilakukan oleh seorang tokoh pendakwah PERKIM, iaitu Haji Ibrahim Ma (m. 1982). Dengan usaha gigih yang dilakukan, beliau menjadi seorang pendakwah yang terkemuka dan terkenal, terutamanya di kalangan masyarakat Cina di Malaysia.[70]

Berdasarkan data-data yang didapati, maka dapat dilihat bahawa dakwah PERKIM kepada orang Cina terdapat di dalam tiga cara. Cara-cara tersebut ialah:

---

70 PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, op. cit. hal. 18

a. Cara langsung.

b. Cara tidak langsung.

c. Cara bersama, iaitu untuk orang Islam dan bukan Islam.

a. Cara Langsung.

Yang dimaksudkan dengan cara langsung ialah hubungan pihak pendakwah dengan sasarannya secara jelas untuk tujuan dakwah.

Pada masa-masa lalu, dakwah PERKIM ada juga dibuat dengan cara terbuka, seperti memperkenalkan Islam kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina di dalam sesuatu majlis perjumpaan. Tetapi, cara terbuka seperti itu sering menimbulkan silap faham dan prasangka dari sesetengah kalangan masyarakat, khususnya dari masyarakat sasaran. Dengan itu, cara tersebut diubah kepada cara informal. Hasil daripada perubahan itu, aktiviti dakwah cara langsung dan terbuka dikurangkan.[71]

Cara dakwah PERKIM yang dilakukan secara langsung ialah:

---

71 Hussain Yee, op. cit. pada 8.1.1991

1. Hubungan Peribadi.

Untuk melaksanakan cara tersebut, pihak PERKIM selalu menggalakkan mubaligh-mubaligh, pembantu-pembantu mubaligh dan saudara-saudara barunya mengadakan hubungan peribadi sekurang-kurangnya dengan kawan-kawan yang belum memeluk Islam. Tugas mereka melalui hubungan ini menerangkan tentang Islam, memberikan bahan-bahan bacaan mengenai Islam atau mengaturkan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak PERKIM.[72]

Melalui cara tersebut lebih senang sesuatu perbincangan itu dibuat dan sekali gus boleh menghilangkan silap faham dan prasangka. Dengan itu, cara tersebut merupakan cara yang paling baik untuk berdakwah di kalangan orang Cina.[73]

Untuk meluaskan program hubungan peribadi, sebagai satu cara dakwah yang berkesan, PERKIM telah mengadakan satu projek yang dinamakan Projek Perhubungan Dakwah Kehormat (PPDK). Projek ini adalah satu projek untuk memberikan kesedaran, khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan tentang pentingnya melakukan dakwah, iaitu dengan cara mengadakan hubungan persahabatan dan hubungan peribadi dengan sasaran bukan Islam. Mereka yang

---

72 Ibid.

73 Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 25.3.1991

berminat akan diberikan sedikit kursus oleh PERKIM supaya dapat menjalankan tugas tersebut.[74]

Secara teraturnya, projek ini baru sahaja dimulakan oleh PERKIM dan sekarang di peringkat permulaan, iaitu peringkat kursus. Terdapat lebih kurang 120 orang yang agak berminat untuk bersama-sama projek ini. Pegawai-pegawai yang diberikan kursus akan cuba mendekati sasaran, khususnya kenalan mereka untuk merapatkan hubungan dan akhirnya membawa mereka kepada Islam.[75]

Sekarang, projek ini telah diperluaskan di Melaka dan Selangor.[76]

2. Lawatan Muhibah.

Pihak PERKIM juga telah mengaturkan lawatan-lawatan muhibbah ke rumah-rumah tertentu pada sesuatu masa yang munasabah, seperti sempena Tahun Baru Cina. Dengan adanya lawatan seperti ini, perjumpaan dengan ahli keluarga rumah yang dilawati dapat diadakan.

---

74 _Ibid._ pada 22.1.1991

75 _Ibid._

76 _Ibid._ pada 21.7.1992

Dalam lawatan seperti ini, pada peringkat mulanya, tajuk perbualan adalah soal-soal biasa. Namun, pada peringkat akhirnya, isu-isu memperkenalkan Islam dikemukakan atau dengan mencetuskan sesuatu tanggapan yang salah terhadap Islam.[77]

Cara perbincangan dalam bentuk berkelompok ini merupakan cara yang paling baik untuk berdakwah kepada orang Cina.[78]

Cara-cara dakwah yang tersebut merupakan cara yang paling baik untuk mendapatkan perhatian orang Cina di Kuala Lumpur, kerana cara tersebut melibatkan hubungan peribadi dan perjumpaan bersemuka. Dengan yang demikian, ketidak fahaman berhubung dengan Islam dapat diatasi segera.[79]

Dari sudut tajuk-tajuk perbincangan pula, walaupun pada peringkat permulaannya mengandungi perbualan biasa, tetapi pada peringkat akhirnya ialah untuk mencetuskan persoalan-persoalan berhubung dengan kesilapan fahaman terhadap sesuatu isu di dalam Islam. Contohnya, seperti Melayu itu Islam dan sebaliknya

---

77 Hussain Yee, <u>op cit.</u> pada 8.1.1991

78 Mohamad Haji Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 25.3.1991

79 Hussain Yee, <u>op. cit.</u> pada 22.2.1991

Mohamad Haji Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 25.3.1991

Islam itu Melayu, Islam ciptaan orang Arab, Islam tidak adil dan Islam tidak lengkap.[80]

Di samping itu, penjelasan isi hendaklah dibuat dalam bentuk perbandingan dengan agama-agama lain, khususnya agama yang dianuti oleh sasaran. Islam yang dikemukakan itu janganlah dibuat penekanan di dalam sesuatu sudut sahaja. Penjelasan isi hendaklah dibuat dalam semua sudut, iaitu akidah, syariah dan akhlak.[81]

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa dakwah secara langsung, iaitu hubungan peribadi dan perbincangan bersemuka, dengan isu isu yang menjadi silap faham sasaran terhadap Islam mempunyai kesan yang baik, walaupun ia agak susah untuk dilakukan.

b. Cara Tidak Langsung

Dakwah PERKIM kepada orang bukan Islam juga dilakukan dengan cara tidak langsung. Ini bererti bahawa secara lahirnya sesuatu aktiviti itu ditujukan kepada orang-orang Islam, tetapi secara tidak langsung ia menjadi tarikan kepada orang bukan Islam, atau ia

---

80 Hussain Yee, (Carta), Uslūb al-Da'wah al-Islāmīyah, loc. cit.

81 Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 25.3.1991

bukan dalam bentuk dakwah secara langsungnya. Cara ini juga bererti bahawa sesuatu aktiviti yang dilakukan itu, matlamat akhirnya di samping untuk orang Islam juga untuk orang bukan Islam. Aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam kumpulan ini ialah:

1. Pusat Pemulihan Kesihatan.

Pusat ini mendapat sambutan majoriti dari kalangan orang Cina bukan Islam. Penjagaan dan layanan pusat ini dengan cara yang baik, diharap dapat menarik penghuninya kepada Islam.[82]

2. Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP).

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa institut ini ditubuhkan untuk melahirkan tenaga pendakwah yang terlatih. Dengan adanya usaha seperti ini, kekurangan tenaga pendakwah yang terlatih, khususnya untuk berdakwah kepada orang bukan Islam diharap dapat diatasi. Dengan itu, usaha PERKIM mengadakan IDIP ini merupakan satu usaha untuk berdakwah kepada orang bukan Islam secara tidak langsung.

3. Klinik.

---

82 Rafiah Hussein, <u>op. cit.</u> pada 23.2.1991

Program klinik, terutamanya klinik bergerak merupakan salah satu daripada tujuan dakwah. Dari lawatan klinik-klinik bergerak ke perkampungan orang asli dan pusat kanak-kanak cacat, boleh mendekatkan sasaran bukan Islam yang berkenaan dengan PERKIM dan akhirnya mendekatkan mereka kepada Islam.[83]

Adalah jelas bahawa projek tersebut merupakan satu cara dakwah secara tidak langsung.

4. Pustaka PERKIM.

Pustaka PERKIM mengandungi lebih kurang 75% buku-buku mengenai Islam. Pustaka ini bertujuan dakwah, di samping perniagaan. Ada orang bukan Islam datang membeli buku-buku mengenai Islam di pustaka ini[84]

Adalah jelas bahawa dengan wujudnya Pustaka PERKIM, secara tidak langsung merupakan usaha dakwah PERKIM kepada orang bukan Islam.

5. Tasputra PERKIM.

Tasputra PERKIM merupakan pusat penjagaan kanak-kanak cacat tanpa mengira agama dan bangsa. Usaha

---

83 Juliana Tam, op. cit. pada 19.2.1991

84 Kamariah Mohd.Jais, op. cit. pada 4.3.1991

PERKIM seperti ini dapat mendekatkan PERKIM dengan masyarakat. Dengan itu, usaha ini merupakan satu usaha dakwah, secara tidak langsungnya.

6. Rumah Jagaan Kanak-kanak.

Usaha PERKIM berhubung dengan rumah jagaan kanak-kanak ini ialah mencari pihak-pihak tertentu supaya mengadakan rumah jagaan tersebut, yang terbuka kepada semua. Dengan adanya usaha seperti ini, PERKIM dikenali sebagai satu pertubuhan yang cuba menyelesaikan masalah masyarakat. Dengan yang demikian, secara tidak langsung, usaha tersebut merupakan satu cara dakwah.

7. PERKIM Cawangan Bangsar.

PERKIM Cawangan Bangsar merupakan sebuah cawangan PERKIM yang aktif di Kuala Lumpur.[85] Berbagai-bagai aktiviti telah dilakukan oleh cawangan ini, iaitu sebagaimana yang telah dijelaskan. Walaupun aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh cawangan ini ditujukan kepada orang-orang Islam, namun ada juga orang-orang bukan Islam datang bertanyakan tentang Islam dan membaca buku-buku yang disediakan.[86]

---

85 Rafiah Hussein, <u>op. cit.</u> pada 4.3.1991

86 Ainon Din, <u>op. cit.</u> pada 6.3.1991

Rafiah Hussein, <u>op. cit.</u> pada 2.3.1991

8. Khidmat Masyarakat Bencana Alam.

Walaupun tidak banyak sumbangan yang telah diberikan oleh PERKIM, namun khidmat pertolongan yang diberikan olehnya kepada seseorang yang sedang menghadapi sasuatu bencana, amat dihargai. Dengan itu, melalui khidmat ini PERKIM telah melakukan dakwahnya kepada sasarannya yang bukan Islam, secara tidak langsung.

Dari keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa khidmat masyarakat yang telah diberikan oleh PERKIM dan usaha jangka panjang yang dilakukan olehnya memainkan peranan yang besar dalam dakwah secara tidak langsung.

c. Cara Bersama.

Dari aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh PERKIM, ada yang tergolong ke dalam cara dakwah untuk kedua-dua sasaran; orang Islam dan orang bukan Islam. Aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

1. Pengajian perseorangan yang diadakan di ibu pejabat PERKIM dan pejabat PERKIM bahagian Wilayah Persekutuan. Pengajian tersebut, sama ada pada waktu pejabat atau selepas waktu pejabat.

Di samping saudara baru, ada juga orang-orang yang

bukan Islam datang untuk bertanyakan tentang Islam. Malah, mengikut Haji Mohd. Hussein bin Abdullah bahawa kelas yang diadakan di ibu pejabat PERKIM di luar waktu pejabat pada setiap hari Khamis, dengan bahasa pengantar bahasa Inggeris, terdapat dua atau tiga orang Cina bukan Islam yang hadir untuk mengetahui tentang Islam.[87]

2. Penerbitan.

Penerbitan PERKIM, sama ada risalah, majalah atau buku yang diterbitkan di dalam bahasa-bahasa yang masyhur di Malaysia telah memainkan peranan yang baik. Sebagaimana telah disebutkan bahawa di samping perhatian khusus kepada saudara-saudara baru, bahan-bahan bercetak tersebut ditujukan juga kepada orang-orang bukan Islam, khususnya orang-orang Cina.

3. Ceramah/ Kursus Di Sekolah-sekolah.

Program tersebut, sebagaimana telah dijelaskan di samping dihadiri oleh pelajar-pelajar Islam juga diikuti oleh setengah-setengah pelajar bukan Islam.

4. Program Pusat Tahanan Kajang

---

87 Hussein Abdullah, <u>op. cit.</u> pada 18.2.1991

Program yang dilakukan oleh PERKIM dalam bentuk memberikan khidmat bimbingan di Pusat Penjara Kajang, juga diturut serta oleh setengah-setengah orang bukan Islam. Tambahan pula, memang pada dasarnya bahawa khidmat tersebut diberikan kepada orang-orang yang memerlukannya tanpa mengira bangsa dan agama.

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa PERKIM telah menggunakan serampang dua mata di dalam sesetengah program dakwahnya. Dalam program seperti itu, di samping orang-orang Islam menjadi sasaran utamanya, orang-orang bukan Islam juga ikut menjadi sasaran.

Berdasarkan keterangan-keterangan berhubung dengan cara dakwah PERKIM kepada orang bukan Islam, kesimpulannya ialah cara hubungan peribadi dan cara tidak langsung memainkan peranan yang besar di dalam dakwah PERKIM kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina. Cara tersebut terbukti mendapat perhatian dan sesuai dengan keadaan setempat. Dari sudut isi pula, ia dimulakan dengan perbualan biasa dan berakhir dengan sesuatu jawapan di dalam sesuatu isu yang dicetuskan. Isu-isu tersebut terutamanya dalam perkara-perkara yang menjadi silap faham yang boleh menjauhkan seseorang bukan Islam dengan Islam. Dari sudut isi juga, penjelasannya hendaklah disertakan dengan perbandingan-perbandingan dengan agama-agama lain, di samping penekanan

dalam semua bidang; akidah, syariah dan akhlak.

Kejayaan Dakwah PERKIM.

Sejak PERKIM ditubuhkan tahun 1960, sampailah sekarang, banyak kejayaan yang telah dicapai.

Sebagai pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam yang pertama di Malaysia, PERKIM berjaya membawa mesej-nya berdakwah, bukan sahaja kepada orang bukan Islam dan menjaga kebajikan saudara baru, malah kepada orang-orang Islam sendiri.

Kejayaan PERKIM yang paling utama ialah pengislaman, iaitu orang yang memeluk Islam melalui PERKIM dalam masa enam tahun terakhir; bermula daripada tahun 1985 hingga 1990, dari Semenanjung Malaysia sahaja jumlahnya tidak kurang dari 7,876 orang.[88]

PERKIM juga telah berjaya memberikan khidmat kebajikan kepada golongan bermasalah, khususnya di kawasan Kuala Lumpur. Bermacam-macam khidmat masyarakat telah diberikan oleh PERKIM kepada golongan yang memer-lukan. Di samping itu, setiap negeri di Malaysia mem-punyai cawangan PERKIM yang bergerak dengan aktiviti

88 PERKIM, Kajian Prestasi Bagi Tahun 1985-1990, PERKIM, t.k. t.t. t. hal.

masing-masing.

PERKIM dapat mengumpulkan ahli di seluruh Malaysia sekarang seramai 18,559 orang dan bagi Wilayah Persekutuan sahaja ialah seramai 137 orang ahli.[89]

Nama PERKIM terkenal bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia Islam. Ini sudah tentu disebabkan oleh usaha-usaha dakwah yang dilakukan oleh PERKIM di kalangan masyarakat bukan Islam dan usaha-usaha kebajikan dan pendidikan yang dilakukannya secara tersusun.[90]

Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa PERKIM telah berjaya menjadi satu pertubuhan yang berdakwah kepada orang bukan Islam, khususya orang Cina dan menjaga kepentingan mereka setelah memeluk Islam, di samping berdakwah kepada orang-orang Islam.

Dari kajian ini dapat dilihat bahawa PERKIM juga menghadapi masalah atau halangan-halangan yang boleh mengganggu kelancaran perjalanannya.

---

89 PERKIM, Anggaran Belanjawan 1992, PERKIM, t.k. t.t. hal. 4

90 PERKIM, Kisah Ringkas 25 Tahun PERKIM, op. cit. hal. 16

Halangan yang paling utama ialah kekurangan kewangan. Dengan adanya masalah tersebut, maka majalah Islamic Herald terpaksa diberhentikan keluarannya buat seketika, iaitu dari akhir tahun 1988 hingga akhir tahun 1991. Dengan adanya halangan tersebut juga, klinik-klinik PERKIM tidak dapat dikembangkan, malah makin berkurangan.[91]

Selain daripada masalah kewangan, PERKIM juga menghadapi masalah tenaga pendakwah. Oleh kerana mesej utama PERKIM ialah berdakwah, maka halangan tersebut amat terasa. Dengan adanya kedua-dua halangan tersebut, banyak rancangan PERKIM, terutamanya pada peringkat permulaan terhalang.[92]

Hasil kajian ini beberapa kesimpulan telah ditemui, iaitu sebagaimana berikut:

1. PERKIM telah mengaturkan program-program dakwahnya, sama ada dengan cara langsung atau tidak langsung. Bentuk dakwah cara langsung ialah seperti kelas dan hubungan peribadi, dan bentuk dakwah tidak langsung seperti kebajikan dan lawatan.

---

91 Mohamad Haji Ahmad, op. cit. pada 25.3.1991

92 Mohamad Haji Ahmad, Ta'rīf al-Jam'īyah al-Khayrīyah al-Islāmīyah bi Mālīziyā, op. cit. hal. 16, 18 dan 19

2. Peluang pengislaman orang-orang bukan Islam, khususnya orang Cina amat besar. Ini jelas dari perangkaan kemasukan orang Cina ke dalam Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3. Dakwah secara tidak langsung, seperti hubungan peribadi dan khidmat kebajikan merupakan cara dakwah yang sesuai untuk menarik perhatian sasaran. Dari sudut isi pula, menyelesaikan kekeliruan semasa, yang timbul merupakan isi yang menarik perhatian. Lepas itu barulah dibawa perbandingan antara Islam dengan kepercayaan-kepercayaan yang lain.

Dengan yang demikian, cara yang paling baik untuk berdakwah kepada orang Cina ialah hubungan peribadi melalui persahabatan, kenalan, kejiranan dan pertolongan. Perbincangan berkelompok melalui sesuatu lawatan dan khidmat masyarakat yang diberikan untuk tujuan dakwah secara tidak langsung, juga termasuk cara yang baik untuk berdakwah kepada orang Cina.

4. Kekurangan wang, kepakaran dan tenaga pendakwah menyebabkan sesetengah program PERKIM tidak dapat dijalankan dengan lancarnya.

Pada keselurahannya, cara dakwah PERKIM adalah

berbentuk kontaks peribadi, lawatan, perbincangan, khidmat masyarakat dan bantuan.

ii. ISLAMIC OUTREACH-ABIM

Penubuhan.

Menyedari tentang perlunya satu pendekatan dakwah yang teratur dan sesuai untuk menyampaikan Islam kepada orang bukan Islam dan kepada orang yang baru memeluk Islam, maka satu jawatan kuasa yang disebut "Biro Dengan Tugas-tugas Khas" telah ditubuhkan oleh ABIM pada tahun 1985. Biro ini diamanahkan untuk melaksanakan tugas tersebut dan dinamakan dengan "Islamic Outreach-ABIM".[93]

Penubuhan Islamic Outreach-ABIM mempunyai dua objek pokok, iaitu:[94]

1. Menyampaikan Islam dengan cara yang betul dan sesuai kepada orang-orang yang bukan Islam.

---

93 IOA, Introduction To Islamic Outreach-ABIM: Activities And Funding, IOA, t.k. t.t. hal. 1

IOA, Islamic Outreach-ABIM: Perspektif Menjelang 1989, IOA, t.k. t.t. hal. 1

94 IOA, Introduction To Islamic Outreach-ABIM And Funding, loc. cit.

2. Menyediakan panduan dan tunjuk ajar yang secukupnya kepada orang-orang yang baru memeluk Islam dengan semangat keislamanan dan persaudaraan.

Untuk mencapai objek tersebut, Islamic Outreach-ABIM telah menyusun program-programnya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah sebagaimana yang berikut:

a. Mengadakan Program Pengenalan.

Program ini merupakan program memperkenalkan Islam yang diadakan di pejabat Islamic Outreach-ABIM,[95] untuk orang-orang yang baru datang. Ia disediakan kepada sesiapa sahaja yang datang untuk tujuan tersebut. Waktunya ialah setiap hari Ahad bermula dari jam 10.30 pagi hingga 1.30 tengah hari.

Perkara yang diperkenalkan di dalam program ini ialah:[96]

i. Berhubung dengan program Islamic Outreach-ABIM.

---

95 Pejabat IOA bertempat di alamat 3402, Jalan Ampang Hilir 2, 55000 Kuala Lumpur.

96 Mohd Ayub Alias (Missionary IOA), interview, di pejabatnya di Pekeliling Kuala Lumpur, pada 4.4.1991

Dr.Abdul Manaf Ali (Pengerusi Islamic Outreach-ABIM), interview, di pejabatnya di Universiti Pertanian Malaysia (UPM), pada 8.4.1991

ii. Mengapa Islamic Outreach-ABIM ditubuhkan.

iii. Asas agama Islam.

iv. Menolak silap faham terhadap Islam, seperti isu hubung kait antara Melayu dengan Islam yang masih disilapertikan.

v. Peluang bertanya, iaitu berhubung dengan apa sahaja yang hendak ditanya.

Mengikut Encik Mohd Ayub Alias, kehadiran orang baru yang ingin mengetahui tentang Islamic Outreach-ABIM dan tentang Islam, biasanya antara seorang hingga 15 orang pada setiap hari Ahad.[97]

Dalam majlis pengenalan ini, etnik Cina lebih ramai daripada bangsa-bangsa lain.[98]

b. Mengadakan Kelas Pengajian Mingguan.

Tiga jenis kelas pengajian agama disediakan, iaitu:

---

97 Ayub Alias, op. cit. pada 4.4.1991

98 Ibid.

Manaf Ali, op. cit. pada 8.4.1991

i. Kelas muqaddam.

ii. Kelas fardu ain.

iii. Kelas tafsir dan hadis.

i. Kelas Muqaddam.

Kelas muqaddam terbahagi kepada dua tingkat; kelas muqaddam rendah dan kelas muqaddam tinggi. Kelas muqaddam rendah ialah kelas mengajar cara membaca Quran di peringkat permulaan. Manakala kelas Muqaddam peringkat tinggi ialah kelas mengajar membaca Quran dengan tajwid.[99]

ii. Kelas Fardu Ain.

Kelas fardu ain atau kelas pengajian Islam permulaan diisi dengan pelajaran-pelajaran asas dalam Islam, iaitu untuk orang-orang yang baru mempelajari Islam.

iii. Kelas Pengajian Quran Dan Hadis.

---

99 IOA, (risalah): Welcome to Islamic Outreach, IOA, t.k. t.t. t. hal.

IOA, (iklan): The Way To Islam, IOA, t.k. t.t. t. hal.

IOA, (iklan): Invitation To Islamic Outreach Activities, IOA, t.k. t.t. t. hal.

Kelas ini diisi dengan tafsiran Quran dan tafsiran hadis, iaitu untuk pelajar-pelajar yang telah ada pengetahuan asas mengenai Islam.

c. Mengadakan Tayangan Video.

Pihak Islamic Outreach-ABIM juga mengadakan tayangan video pada hari tersebut. Orang yang berminat untuk melihat tayangan tersebut boleh berbuat demikian. Kebanyakan tajuk yang ditayangkan, berhubung dengan kekeliruan terhadap Islam, perbandingan Islam dengan agama-agama lain dan mengenai akidah.[100]

d. Perbincangan.

Perbincangan, biasanya diadakan dengan orang bukan Islam yang datang untuk mengetahui tentang Islam. Ia diadakan pada setiap minggu, iaitu pada hari sebagaimana yang telah dijelaskan.[101]

Perbincangan dilakukan sebagai susulan kepada program pengenalan. Dalam program seperti ini, timbullah persoalan dan perbincangan antara pegawai Islamic Outreach-ABIM yang bertugas dan sasaran yang datang.

---

100 Ridhwan bin Ahmad (Setiausaha kerja Islamic Outreach-ABIM), interview, di pejabatnya, pada 7.3.1991

101 Ibid.

Penjelasan mengenai Islam, silap faham terhadap Islam dan sebagainya merupakan tajuk-tajuk yang sering diperbincangkan dan melalui program ini penerangan yang baik dapat diberikan.[102]

Mengikut Manaf Ali, program perbincangan seperti ini merupakan cara dakwah yang paling berkesan.[103]

e. Kuliah Penceramah Luar/ Penceramah Jemputan.

Kuliah ini pada asasnya diadakan pada tiap-tiap minggu, iaitu bergantung kepada aktivis-aktivis dakwah dari luar negeri, atau penceramah-penceramah tempatan yang biasanya pensyarah Universiti Islam Antara Bangsa, Malaysia (UIA).

Jika ada tokoh-tokoh Islam luar negeri datang ke Malaysia, peluang tersebut digunakan oleh Islamic Outreach-ABIM. Penceramah-penceramah tersebut, biasanya bercakap di dalam tajuk umum mengenai Islam yang menjadi isu di kalangan orang Islam atau mengenai gerakan Islam di tempat masing-masing.[104]

---

102 Ayub Alias, op. cit. pada 4.4.1991

103 Manaf Ali, op. cit. pada 8.4.1991

104 Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 7.3.1991

Ayub Alias, op. cit. pada 4.4.1991

Di samping itu, Islamic Outreach-ABIM juga menganjurkan public talk untuk orang ramai. Program seperti ini biasanya diadakan di tempat-tempat terbuka di sekitar Kuala Lumpur.

f. Praktikal Dakwah.

Praktikal dakwah bermaksud melatih saudara-saudara baru supaya dapat menjadi pendakwah atau ejen dakwah. Untuk tujuan tersebut, ia dilakukan dengan dua cara:

i. Cara Tidak Langsung.

Cara tersebut dilakukan melalui kelas-kelas mingguan, sama ada kelas muqaddam, kelas fardu ain atau kelas tafsir dan hadis. Pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh orang bukan Islam dan menyuruh mereka menyelesaikan persoalan-persoalan seperti itu didedahkan di dalam kelas-kelas tersebut. Dengan yang demikian, pelajar-pelajar terlatih dengan bentuk itu.[105]

ii. Cara Langsung.

Cara tersebut dengan mengadakan kursus pendakwah. Setakat ini, kursus tersebut telah diadakan sebanyak

---

105 Ibid.

dua kali (pertama pada tahun 1988 dan kedua pada tahun 1990). Di samping itu, satu bengkel berdakwah kepada orang bukan Islam diadakan pada awal tahun 1991.

Kursus dan bengkel seperti itu dapat memberi faedah yang banyak kepada peserta, kerana mereka dapat berkongsi pengalaman tentang bagaimana dakwah yang baik yang pernah dilakukan, untuk mereka mencontohinya. Manakala pihak Islamic Outreach-ABIM pula dapat mengumpulkan pengalaman-pengalaman peserta dari segenap tempat sebagai panduan dakwahnya.[106]

Untuk perkembangan dakwah seterusnya, Islamic Outreach-ABIM sedang train saudara-saudara baru untuk berdakwah, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.[107]

g. Penerbitan.

Dua jenis penerbitan diterbitkan oleh Islamic Outreach-ABIM.

i. Risalah (brochure).

Antara risalah yang diterbitkan ialah yang berta-

---

106 Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 7.3.1991

107 Ayub Alias, op. cit. pada 4.4.1991

juk seperti berikut;

Islam At A Glance,

Moral System of Islam,

Prophethood In Islam,

Concept of Worship In Islam dan

Concept of God In Islam.

Selain daripada yang berbahasa Inggeris, risalah-risalah itu juga diterbitkan dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil.

ii. Buku Kecil.

Antara buku kecil yang diterbitkan ialah yang bertajuk sebagaimana berikut:

Essence of Islam,

Light of Revelation,

Islam Our Choice,

Islam Basic Truth,

Pearls of Prophets dan

The Quran And Modern Science.

Buku-buku tersebut boleh ditajakan oleh sesiapa untuk dibahagikan secara percuma kepada sesiapa yang dikehendakinya.

Di samping itu, di pejabat Islamic Outreach-ABIM terdapat sebuah perpustakaan mini. Buku-bukunya yang ada boleh dipinjamkan.

Islamic Outreach-ABIM juga membuat penghantaran kepada mana-mana pihak yang meminta supaya dihantarkan bahan-bahan penerbitannya.

h. Kebajikan.

Beberapa program kebajikan telah diatur oleh Islamic Outreach-ABIM. Program-program ini merupakan program sukarela dan dijadikan beberapa kumpulan. Kumpulan-kumpulan program tersebut yang pentingnya ialah:

i. Program Lawatan Ke General Hospital.

Program lawatan ke General Hospital ini, sekarang dilakukan dua minggu sekali.[108]

Sasaran asal lawatan ini ialah orang bukan Islam dan setakat yang berlaku, orang Cina bukan Islam lebih ramai dijadikan sasaran. Ia ditumpukan kepada mereka

---

108 Ayub Alias, <u>op. cit.</u> pada 4.4.1991

yang datang dari jauh dan wad kanak-kanak.[109]

Lawatan-lawatan yang dilakukan diisi dengan ramah mesra dan pertanyaan-pertanyaan apa-apa masalah yang dihadapi, kemudian membantu mereka sekadar yang mampu. Lawatan tersebut juga dengan mewujudkan suasana persaudaraan, supaya sasaran terhibur dan terpikat dengan lawatan itu. Pinjaman kaset berhubung dengan Islam diberikan juga, jika mereka mahu.[110]

ii. Program Tabung Pelajaran Kanak-kanak Miskin.

Program ini merupakan satu tabung bertujuan untuk membantu keluarga saudara baru yang berpendapatan rendah dan keluarga yang kematian bapa.[111]

Sekarang terdapat seramai 20 orang kanak-kanak yang terpilih, terdiri daripada kanak-kanak peringkat TADIKA hingga pelajar tingkatan lima, dengan setiap mereka diberikan bantuan antara RM20.00 hingga RM75.00 sebulan. Tabung ini juga dibuka kepada keluarga bukan Islam yang miskin.[112]

---

109 Ridhwan Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 7.3.1991

110 <u>Ibid.</u>

111 Manaf Ali, <u>Berita Harian,</u> 18.3.1991, hal. 22

112 <u>Ibid.</u>

Selain daripada mendapat sokongan kewangan daripada badan-badan pertubuhan Islam yang tertentu seperti Baitulmal Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan, tabung ini juga memerlukan sokongan orang ramai dan badan-badan swasta. Untuk lebih menyenangkan semua pihak yang terlibat, tabung ini akan mencari pihak-pihak tertentu memberikan tajaan membiayai kanak-kanak yang dicadangkan.[113]

iii. Publisiti.

Kumpulan publisiti pula mempastikan program-program yang diatur oleh Islamic Outreach-ABIM mendapat sambutan dari sasaran. Dengan yang demikian, program-program mingguan yang diaturkan itu biasanya dipermaklumkan kepada sasaran melalui:[114]

1. Iklan di akhbar "The Malay Mail" pada tiap-tiap hari Sabtu.

2. Menghantar kad jemputan kepada orang-orang tertentu.

---

113 Ibid.

Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 11.3.1991

114 Ibid.

3. Iklan di tempat-tempat tertentu.

4. Mengedarkan risalah-risalah (pamphlet).

5. Melalui seseorang supaya disebarkan kepada kawan-kawan, jiran dan sebagainya.

iv. Projek Penempatan Sementara.

Saudara baru yang menghadapi masalah, khususnya masalah tempat tinggal, tidak dibiarkan begitu sahaja. Masalah mereka akan diselesaikan. Untuk tujuan tersebut, rumah sementara (Rumah Medina) disediakan.[115]

Rumah Medina mengandungi dua unit rumah yang terletak di Taman Melawati, Kuala Lumpur. Saudara-saudara baru yang ditempatkan di rumah ini diberikan makan minum yang diaturkan secara percuma.[116]

Ramai saudara baru yang telah mendapat khidmat tersebut. Tetapi, pada masa akhir-akhir ini, oleh kerana ramai saudara baru mendapat keluarga angkat,

---

115 Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 11.3.1991

IOA, Introduction To Islamic Outreach-ABIM: Activities And Funding, op. cit. hal. 4

116Ibid.

rumah ini tidak ramai lagi didiami.[117]

Di samping kumpulan-kumpulan yang telah disebutkan, masih ada lagi kumpulan-kumpulan khidmat masyarakat yang telah ditubuhkan. Tetapi, oleh kerana kumpulan-kumpulan itu kurang daya aktifnya, ia tidak perlu disentuh di sini.

i. Program Dakwah Di Pusat Pengajian Tinggi.

Program ini bertujuan untuk melahirkan kesedaran berdakwah dari kalangan pelajar-pelajar Islam yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri, agar mereka sama-sama memainkan peranan berdakwah kepada pelajar-pelajar lain yang bukan Islam dengan cara yang sesuai. Untuk menjalankan tugas tersebut, beberapa panduan dan kursus diberikan kepada pelajar-pelajar yang berminat supaya dapat mereka melaksanakannya dengan baik.[118]

Di samping itu, beberapa program yang berbentuk ceramah, forum dan sebagainya diatur oleh pihak Islamic Outreach-ABIM yang ditujukan terus kepada sasarannya

---

117 Ibid.

118 Dr. Hussain Imam, (Pengerusi Program Dakwah Di Pusat Pengajian Tinggi), interview, di pejabat IOA, pada 27.7.1992.

yang bukan Islam yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi.[119]

Usaha dakwah Islamic Outreach-ABIM kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina, pada masa akhir-akhir ini mulai dilakukan dengan menggunakan ejen, iaitu kalau sasaran orang Cina, maka dari kalangan orang Cina juga yang digunakan. Contohnya, jika dalam satu keluarga itu ada seorang yang telah memeluk Islam, maka melaluinya usaha menarik anggota keluarga yang lain dilakukan.[120]

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa usaha dakwah yang dilakukan oleh Islamic Outreach-ABIM selaras dengan keperluan semasa. Konsep dakwahnya ialah penyampaian secara informal dan dalam bentuk kekeluargaan.

Kejayaan IOA.

Sejak ditubuhkan dan sampailah sekarang, banyak kejayaan yang dicapai oleh Islamic Outreach-ABIM. Sebagai satu badan dakwah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris, ia menjadi satu tarikan

---

119 Ibid.

120 Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 7.3.1991

kepada orang-orang yang berminat kepada Islam yang kurang mengetahui bahasa Malaysia.

Aktiviti hari minggu mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua peringkat, tidak kira sama ada rakyat Malaysia atau tidak. Program-program yang diatur dapat berjalan dengan baik.

Kehadiran sasaran pringkat mula-mula yang hanya lebih kurang 10 orang, bertambah setiap masa dan sekarang sampai di antara 35 hingga 60 orang pada tiap tiap minggu.[121] Kebanyakan yang hadir, iaitu lebih kurang 70% adalah orang Cina.[122]

Kelas penceramah luar atau penceramah jemputan yang dimulakan sebulan sekali, sekarang diadakan pada tiap-tiap minggu. Kelas pengajian yang pada mulanya satu kelas sahaja, sekarang telah menjadi tiga peringkat kelas. Di samping itu, kewujudan Islamic Outreach ABIM yang tidak diketahui dan diragui oleh sesetengah kalangan di peringkat mula-mula, sekarang diketahui umum dengan penilaian yang berubah.[123]

---

121 Ayub Alias, <u>op. cit.</u> pada 4.4.1991

122 Ridhwan Ahmad, <u>op. cit.</u> pada 10.4.1991

123 Ayub Alias, <u>op. cit.</u> pada 4.4.1991

Bagi Manaf Ali, kejayaan Islamic Outreach-ABIM yang amat jelas ialah ia dapat menyatukan sasaran yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan bermacam-macam agama asal. Kerjasama untuk berteduh di bawah Islam dari golongan seperti ini amat besar ertinya.[124]

Kejayaan yang paling jelas dapat dilihat ialah pada perangkaan orang yang memeluk Islam melalui Islamic Outreach-ABIM. Berdasarkan rekod Islamic Outreach ABIM, orang yang memeluk Islam melaluinya adalah sebagaimana berikut:[125]

1. Tahun 1987/88, bilangan yang memeluk Islam seramai 8 orang. Mereka terdiri daripada 6 orang India lelaki, seorang Cina lelaki dan seorang perempuan lain-lain bangsa.

2. Tahun 1989, bilangan yang memeluk Islam seramai 44 orang. Mereka terdiri daripada 19 orang India lelaki, 2 orang India perempuan, 2 orang Cina lelaki, 9 orang Cina perempuan, 6 orang lelaki lain-lain bangsa dan 6 orang perempuan lain-lain bangsa.

---

124 Manaf Ali, <u>op. cit.</u> pada 8.4.1991

125 Ridhwan Ahmad, (Rekod simpanan Islamic Outreach-ABIM), <u>op. cit.</u> pada 1.4.1991

3. Tahun 1990, bilangan yang memeluk Islam seramai 27 orang. Mereka terdiri daripada 2 orang India lelaki, 2 orang India perempuan, 7 orang Cina lelaki, 7 orang Cina perempuan, 5 orang lelaki lain-lain bangsa dan 4 orang perempuan lain-lain bangsa.

Masalah IOA.

Pada keseluruhannya, masalah atau kesulitan yang dihadapi oleh Islamic Outreach-ABIM tidaklah banyak. Cuma, dari sudut kewangan, ada sedikit kesulitan, sebab pada asasnya, Islamic Outreach-ABIM bergantung kepada sumbangan orang ramai.[126]

Di samping itu, ada tuduhan yang mengatakan bahawa dakwah Islamic Outreach-ABIM terlalu terbuka, sehingga setengah-setengah perkara menyalahi adab Islam, contohnya seperti percampuran yang bebas antara lelaki dan perempuan semasa sesuatu program itu dijalankan. Tuduhan seperti ini boleh mengurangkan sokongan orang ramai kepada Islamic Outreach-ABIM.[127]

---

126 Manaf Ali, op. cit. pada 8.4.1991

Ayub Alias, op. cit. pada 4.4.1991

127 Ibid.

Begitu juga dari sudut tempat, pejabat Islamic Outreach-ABIM sekarang, yang diadakan segala program induknya adalah kepunyaan orang lain. Keadaan ini, menjadikan Islamic Outreach-ABIM tidak memiliki kebebasan sepenuhnya.[128]

Rancangan Akan Datang.

Untuk memperluaskan aktiviti dan peranan Islamic Outreach-ABIM, beberapa perancangan sedang diatur sekarang, iaitu:

1. Kelas yang teratur, untuk saudara baru belajar secara lebih tersusun dan mendalam. Satu kurikulum sedang disusun sekarang.[129]

2. Akan diadakan tidak lama lagi di tengah-tengah Kuala Lumpur program-program berikut:[130]

i. Pusat kaunseling.

ii. Perpustakaan.

iii. Pusat penerangan Islam.

---

128 *Ibid.*

129 Manaf Ali, *op. cit.* pada 8.4.1991

130 Ayub Alias, *op. cit.* pada 4.4.1991

iv. Pusat bina umat, iaitu usaha mempertemukan jodoh.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah di jelaskan, maka hasilnya dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Dakwah Islamic Outreach-ABIM yang dilakukan di Kuala Lumpur adalah untuk dua golongan sasaran. Sasaran pertama ialah orang-orang yang belum memeluk Islam. Dakwah kepada golongan ini dilakukan dengan cara penerangan, perbincangan, mengedar risalah, mengedar buku dan melalui ejen untuk menarik mereka kepada Islam.

   Di samping itu, ia juga dibuat secara tidak langsung, seperti melawat hospital dan memberikan pertolongan kepada yang memerlukannya.

   Isi penerangan dan perbincangan banyak menyentuh soal kenapa Islamic Outreach-ABIM diwujudkan, perbandingan Islam dengan agama-agama lain, kebaikan Islam dan kesesuaiannya dengan manusia sejagat, tidak kira di mana dan pada bila-bila masa.

   Sasaran kedua ialah golongan yang telah memeluk Islam (saudara baru). Untuk golongan ini diada-

kan kelas-kelas fardu ain, pengajian cara membaca Quran, pengajian untuk memahami kandungan Quran dan hadis, ceramah-ceramah dan lawatan-lawatan.

2. Penggunaan bahasa pengantar bahasa Inggeris amat perlu untuk berdakwah kepada orang orang bukan Islam yang berpendidikan cara Barat.

3. Cara dakwah Islamic Outreach-ABIM adalah berbentuk informal, kekeluargaan dan sumbangan khidmat.

4. Islamic Outreach-ABIM telah mendapat kejayaan dakwah yang besar di Kuala Lumpur, khususnya di kalangan orang Cina. Di samping itu, untuk mempertingkatkan peranannya, Islamic Outreach-ABIM sedang mengatur program-program baru yang lebih sesuai, sebagai tambahan kepada program-program yang sedang dijalankan sekarang.

## iii. PERSATUAN DARUL FITRAH MALAYSIA

### Penubuhan.

Persatuan Darul Fitrah Malaysia (Darul Fitrah) ditubuhkan pada awal tahun 1990 dan memulakan aktiviti-

nya pada bulan September 1990.[131] Ia merupakan sebuah pertubuhan dakwah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris, sebagaimana Islamic Outreach-ABIM.

Matlamat penubuhan Darul Fitrah adalah sebagaimana berikut.[132]

1. Untuk berdakwah dengan cara perhubungan yang berkesan bagi kepentingan semua orang.

2. Untuk memperlihatkan kebaikan Islam dan menghapuskan silap faham terhadapnya.

3. Untuk membantu orang yang memeluk Islam.

4. Untuk mempertingkatkan pengetahuan Islam supaya semua orang dapat meyakini kebaikan Islam dan hubungannya dengan kehidupan harian.

5. Untuk memperlihatkan bahawa Islam merupakan cara hidup yang membawa kebaikan kepada manusia

---

131 Persatuan Darul Fitrah Malaysia, In The Cause Of Allah, Darul Fitrah, t.k t.t. hal. 9

132 Darul Fitrah (risalah): Persatuan Darul Fitrah Malaysia, Darul Fitrah, t.k t.t. hal. 1 dan 5

Darul Fitrah (risalah): Welcome to Islam Darul Fitrah, t.k. t.t. t. hal.

Darul Fitrah, In The Cause Of Allah, op. cit. hal. 7-8

dan menyediakan satu tapak bagi sebuah masyarakat yang adil dan progresif.

Aktiviti Darul Fitrah.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Darul Fitrah telah mengatur program-program, iaitu sebagaimana berikut:[133]

a. Mengadakan Perpustakaan Dan Pusat Penerangan.

Berdasarkan ilmu merupakan perkara yang penting di dalam Islam, Darul Fitrah mengadakan pusat penerangan dan perpustakaan untuk memberi kemudahan kepada ahli-ahli dan orang ramai mempelajari dan mengkaji.

Perpustakaan Darul Fitrah sekarang dilengkapkan dengan lebih kurang seribu buku dan majalah dengan bermacam-macam judul. Perpustakaan juga mempunyai video yang mengulas beberapa tajuk mengenai Islam. Video ini juga untuk rujukan dan pinjaman.[134]

---

133 Aktiviti Darul Fitrah diadakan di pejabatnya yang beralamat di No. 37-1, Jalan 11/55A, Taman Setia-wangsa, 54200 Kuala Lumpur.

134 Darul Fitrah, <u>In The Cause Of Allah, op. cit.</u> hal. 9

Darul Fitrah, <u>Persatuan Darul Fitrah Malaysia, op. cit.</u> hal. 2

Setakat ini ada 24 tajuk video yang boleh dipinjamkan. Tajuk video yang biasa dipinjamkan berhubung dengan perdebatan Islam dan Kristian, dan kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w.)[135]

Dalam masa seminggu, hitung panjang lima orang yang meminjam buku dan video. Tajuk-tajuk buku yang dipinjam, biasanya yang berhubung dengan Islam.[136]

b. Mengadakan Program Audio Dan Video.

Program audio dan video Islam yang ditawarkan kepada perpustakaan diusahakan oleh Pusat Audio/Video Darul Fitrah. Kandungan audio/video yang ada sekarang ialah yang berhubungan dengan perbandingan agama, bacaan Quran dan terjemahannya dengan bahasa Inggeris, dan dokumentari mengenai masyarakat Islam seluruh dunia. Setakat ini, sebanyak 40 tajuk video telah diusahakan. Ia termasuk audio yang pertama dilancarkan, iaitu yang bertajuk: <u>My Search for the Meaning of Life,</u> by Gerald De Cruz.[137]

---

135 Sister Azinon (bahagian perpustakaan Darul Fitrah), interview, di Perpustakaan Darul Fitrah, pada 19.3.1991

136 <u>Ibid.</u>

137 Darul Fitrah, <u>In The Cause Of Allah, op. cit.</u> hal. 9

Darul Fitrah, <u>Persatuan Darul Fitrah Malaysia, op. cit.</u> hal. 3

Untuk rancangan akan datang, Darul Fitrah akan menerbitkan melalui program ini bermacam-macam tajuk mengenai Islam.[138]

c. Kuliah Dan Perbincangan Mingguan.

Setiap minggu, iaitu pada hari Ahad, beberapa jenis kelas diadakan di pejabat Darul Fitrah. Kelas-kelas itu terdiri daripada:

i. Kuliah bebas.

ii. Kelas Bahasa Arab.

iii. Kelas muqaddam.

iv. Pengenalan Islam.

Kuliah bebas diberikan oleh orang-orang tertentu, sama ada dari dalam atau luar negeri yang biasanya tokoh-tokoh akademik. Antara tajuk yang telah dikemukakan ialah seperti:

What is Man?,
Applying Islam to the Modern World,
Islam is for All,

---

138 <u>Ibid.</u>

Islam and the Chinese Philosophy,

Islam And Success,

Death & Resurrection,

Islam And Medicine,

Harmony in Islam,

Faith & Works dan

Winning in Islam.

Program mengenali Islam pula terbahagi kepada dua, iaitu:

i. Peringkat permulaan, iaitu untuk orang-orang yang baru datang.

ii. Peringkat kedua, iaitu untuk orang yang telah mengetahui sedikit sebanyak mengenai Islam.[139]

Antara tajuk pengenalan yang telah diberikan ialah;

The Concept of God,

The Articles of Faith,

The Meaning of Islam,

The Five Pillars of Islam dan

Concept of Faith.

---

139 Azman Hamzah (Ahli jawatankuasa Darul Fitrah & bahagian penerbitan), interview, di pejabatnya, pada 8.3.1991

Di samping itu, kelas khas untuk kaum muslimat diadakan pada setiap hari Sabtu. Kelas ini diisi dengan perkara-perkara yang bersangkut paut dengan kepentingan wanita Islam.

Untuk memaklumkan kepada umum, kegiatan hari minggu Darul Fitrah diiklan melalui akhbar "The Malay Mail" (cartoon page) setiap hari Jumaat.

Darul Fitrah juga mengadakan syarahan umum (public talk) di luar pejabatnya untuk orang ramai. Syarahan di dalam program ini diisi dengan tajuk-tajuk yang menjadi isu di kalangan umat Islam.[140]

d. Penerbitan.

Memandangkan bahawa penerbitan memainkan peranan yang penting pada masa sekarang, Darul Fitrah juga menggunakan cara dakwahnya dengan mengadakan bahan penerbitan. Buku kecil (booklet) pertama yang diterbitkan, iaitu dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri berjudul, "The Basis of Muslim Belief", oleh Gary Miller.[141]

---

140 Darul Fitrah, In The Cause Of Allah, op. cit. hal. 11

141 Darul Fitrah, Persatuan Darul Fitrah Malaysia, op. cit. hal. 3-4

Darul Fitrah, In The Cause Of Allah, op. cit. hal. 10

Projek lain ialah menerbitkan bulletin bulanan yang dinamakan "Bearing Witness". Ia dimuatkan dengan isu-isu semasa, di samping penjelasan saudara-saudara baru kenapa mereka memilih Islam.[142]

e. Kursus Cara Pos.

Walaupun sampai sekarang kursus tersebut masih belum berjalan, tetapi segala persiapan telah selesai diatur. Oleh kerana kursus ini akan diberikan secara percuma, bahagian ini sedang menunggu tajaan dari mana-mana pihak untuk memulakan program tersebut.[143]

f. Tayangan Video.

Darul Fitrah telah mengadakan tayangan video pada masa kegiatan hari minggunya untuk memberi peluang kepada sasarannya mempelajari sesuatu perkara yang berhubung dengan Islam. Tajuk-tajuk yang ditayangkan ialah seperti yang berhubung dengan Quran dan perbandingannya dengan Bible, Nabi Muhammad (s.a.w.) dan perbandingan Islam dengan Kristian.[144]

---

142 Ibid.

143 Azman Hamzah, op. cit. pada 19.3.1991

144 Lihat program aktiviti yang diiklankan, dan contohnya dapat dilihat dalam lampiran H

Dakwah Darul Fitrah ditujukan kepada dua sasaran, iaitu orang yang belum memeluk Islam dan orang yang telah memeluk Islam. Tetapi, bagi Darul Fitrah, orang yang belum memeluk Islam itu lebih penting didakwahkan. Ini kerana tujuan asal Darul Fitrah ditubuhkan adalah untuk berdakwah kepada orang bukan Islam. Oleh kerana orang-orang Islam juga memerlukan bimbingan, terutamanya saudara baru, maka mereka juga diberikan perhatian.[145]

Dari keterangan-keterangan yang telah dijelaskan dapat disimpulkan bahawa aktiviti-aktiviti dakwah Darul Fitrah cuba dirangka berdasarkan penyesuaian masyarakat sekarang di dalam kehidupan komunikasi mereka. Cara ini lebih sesuai dengan sasaran masa sekarang.

Kejayaan.

Dalam jangka masa yang begini singkat, adalah terlalu awal untuk diukur sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Darul Fitrah? Tambahan pula, Darul Fitrah sekarang masih lagi berada pada peringkat awal. Ini bererti bahawa masih banyak perancangan aktivitinya belum dijalankan sepenuhnya.

---

145 Sulaiman Hon (Presiden Darul Fitrah), interview, di pejabatnya, pada 10.3.1991

Bakhtiar Rahman (Setiausaha Darul Fitrah), interview, di pejabatnya, pada 10.3.1991

Namun, dari kajian yang dibuat, beberapa kesan yang jelas dapat dilihat. Kesan-kesan yang merupakan kejayaan itu adalah sebagaimana berikut:

a. Pelaksanaan Aktiviti.

Aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Darul Fitrah, pada dasarnya dapat dijalankan dengan sempurna, terutamanya aktiviti hari minggu (hari Ahad).

b. Dengan adanya aktiviti-aktiviti yang diatur, sambutan sasaran dapat dilihat dengan jelas. Aktiviti mingguan, yang berbentuk kelas dan seminar dihadiri oleh lebih kurang 10 hingga 15 orang. Mereka terdiri daripada orang yang telah memeluk Islam sejak asal, saudara baru dan ada juga orang yang bukan Islam.[146]

Manakala aktiviti penerangan mengenai Islam yang diadakan pada setiap hari minggu (Ahad), biasanya dihadiri oleh tiga atau empat orang; orang Islam dan orang yang belum Islam. Separuh daripada kedatangan tersebut adalah orang bukan Islam yang majoritinya adalah orang Cina.[147]

Aktiviti harian pula berjalan setiap hari. Dengan

---

146 Azman Hamzah, <u>op. cit.</u> pada 8.3.1991

147 <u>Ibid.</u>

yang demikian, sesiapa yang inginkan khidmat Darul Fitrah bolehlah mendapatkannya.

c. Keahlian Darul Fitrah.

Bermula dari bulan September 1990 sehingga Disember 1990, keahlian Darul Fitrah seramai 141 orang.[148] Ini merupakan satu kejayaan yang besar bagi Darul Fitrah, kerana dalam masa kira-kira empat bulan sahaja ia dapat menarik ahli yang begitu besar.

Ahli Darul Fitrah ada bermacam-macam bangsa, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Dari jumlah ahli tersebut, seramai 13 orang adalah bukan Islam. Mereka terdiri daripada orang Cina dan India, namun majoritinya orang Cina.[149]

d. Memeluk Islam.

Perkara yang paling utama untuk menentukan kejayaan Darul Fitrah ialah bilangan orang yang memeluk Islam melaluinya, kerana pengislaman menjadi matlamat utama Darul Fitrah. Jika dilihat dari sudut ini, maka setakat ini sudah dua orang yang memeluk

---

148 Darul Fitrah Carta Ahli Darul Fitrah, Darul Fitrah, t.k. t.t. t. hal.

149 Ibid.

Islam melalui Darul Fitrah. Mereka berdua adalah orang Cina yang berumur lingkungan 35 hingga 40 tahun. Kedua-duanya berasal agama Kristian dan pernah datang ke Darul Fitrah sebelum memeluk Islam untuk bertanya-tanyakan tentang Islam.[150]

Dari keterangan-keterangan yang telah dijelaskan dapat disimpulkan bahawa Darul Fitrah telah mencapai satu kejayaan yang besar di dalam usahanya, walaupun ia baru ditubuhkan. Aktiviti-aktiviti yang disusun oleh Darul Fitrah dapat menarik perhatian sasarannya untuk mendekati Islam dan seterusnya memeluknya.

Masalah.

Dakwah kepada orang bukan Islam, apalagi kalau diusahakan oleh satu badan yang baru ditubuhkan, berhadapan dengan banyak masalah atau halangan. Kajian ini telah mengenal pasti beberapa masalah atau halangan yang dihadapi oleh persatuan Darul Fitrah, dalam rangka menjalankan tugas dakwahnya. Masalah-masalah tersebut ialah sebagaimana berikut:

a. Kurang Sokongan Orang Ramai.

Mengikut Sulaiman Hon bahawa satu daripada masalah

---

150 Azman Hamzah, <u>op. cit.</u> pada 19.3.1991

yang dihadapi oleh Darul Fitrah sekarang kekurangan kakitangan. Kekurangan kakitangan ada hubung kait dengan sokongan orang ramai. Kurangnya sokongan orang ramai ini membimbangkan pihak Darul Fitrah. Walaupun setakat ini telah ada orang-orang yang datang berjanji untuk menolong Darul Fitrah, namun pelaksanaan janjinya itu masih lagi belum nampak.[151] Satu daripada sebab kekurangan sokongan yang difikirkan ialah kerana orang Islam itu sendiri tidak mementingkan Islam. Mereka lebih mementingkan benda-benda lain.[152]

b. Kewangan.

Darul Fitrah cuba berusaha melakukan dakwah dengan cara baru. Cara-cara yang dijalankan ini memerlukan perbelanjaan yang agak banyak.

Setakat ini, Darul Fitrah tidak mempunyai punca kewangan yang tetap. Punca kewangannya bergantung kepada derma orang ramai, terutamanya kakitangan pejabat Darul Fitrah ini sendiri.[153]

Perbelanjaan bulanan Darul Fitrah sebanyak lima

---

151 Sulaiman Hon, <u>op. cit.</u> pada 10.3.1991

152 Bakhtiar Rahman, <u>op. cit.</u> pada 10.3.1991

153 <u>Ibid.</u>

ribu ringgit lebih.[154] Dalam keadaan pendapatan yang tidak tetap seperti sekarang, membuatkan ia menjadi satu masalah kepada Darul Fitrah.[155]

Dengan sebab kekurangan kakitangan dan kewangan, maka khidmat masyarakat belum dapat dimulakan, walaupun ia satu program yang diperlukan.[156] Malah, kerana kekurangan kewangan juga, program kursus cara pos masih tidak dapat dilaksanakan, walaupun di peringkat persediaan telah siap diatur.[157]

c. Sambutan Orang Bukan Islam Masih Kurang.

Tujuan asal ditubuhkan Darul Fitrah ialah untuk berdakwah kepada orang bukan Islam, atau paling tidak lebih mementingkan dakwah kepada orang bukan Islam. Tetapi, oleh kerana Darul Fitrah tidak dapat berbuat lebih baik daripada yang dilakukan sekarang, disebabkan halangan-halangan yang dihadapi, maka kehadiran orang bukan Islam untuk mengikuti program yang dijalankan tidaklah ramai.[158]

---

154 Darul Fitrah, <u>In The Cause Of Allah, op. cit.</u> hal. 14

155 Bakhtiar Rahman, <u>op. cit.</u> pada 10.3.1991

156 Azman Hamzah, <u>op. cit.</u> pada 8.3.1991

157 <u>Ibid.</u>

158 Sulaiman Hon, <u>op. cit.</u> pada 10.3.1991

Satu lagi sebab berkurangnya kehadiran orang bukan Islam ke pejabat Darul Fitrah untuk mengikuti program-program yang disediakan, ialah kerana sikap orang bukan Islam itu sendiri. Mereka agak susah untuk masuk ke tempat yang berbentuk dakwah seperti ini, sebagaimana orang Islam juga susah untuk masuk ke gereja atau tempat-tempat penyembahan. Dengan adanya sikap seperti ini, menyebabkan mereka tidak suka ambil peduli.[159]

Dari masalah-masalah yang dihadapi oleh Darul Fitrah, satu kesimpulan dapat dibuat, iaitu oleh kerana Darul Fitrah masih lagi baru, belum dikenali oleh orang ramai dan belum mendapat kepercayaan mereka, maka banyak masalah yang dihadapinya. Tetapi, masalah pokoknya berpunca daripada kekurangan kewangan.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dihuraikan di atas, beberapa kesimpulan dapat dibuat, iaitu sebagaimana berikut:

1. Darul Fitrah merupakan satu pertubuhan dakwah untuk orang bukan Islam yang terbaharu di Malaysia setakat ini.

2. Aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Darul Fitrah cuba disesuaikan dengan masa. Caranya

---

159 Azman Hamzah, op. cit. pada 8.3.1991

lebih berbentuk penggunaan media massa. Sudah tentu cara ini tidak banyak digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah yang lain.

3. Dari program-program yang diaturkan oleh Darul Fitrah, telah menampakkan kejayaan yang baik, yang menarik perhatian orang-orang Islam dan bukan Islam untuk hadir mengikutinya, walaupun kehadiran orang yang belum memeluk Islam masih kecil bilangannya.

4. Darul Fitrah juga menghadapi masalah, terutamanya untuk terus berkembang sesuai dengan keperluan dakwah semasa. Masalah utama yang dihadapi oleh Darul Fitrah ialah kekurangan kewangan, sambutan dan sokongan orang ramai yang masih berkurang.

Segala kenyataan yang telah dijelaskan di atas menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam, khususnya kepada orang-orang Cina telah mengatur bermacam-macam program dakwah, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dan banyak kejayaan yang dicapai. Namun, di samping itu, pertubuhan-pertubuhan tersebut juga menghadapi banyak masalah sehingga program-program dakwah itu tidak dapat dilaksanàkan dengan sempurna.

B. Sejauh Manakah Dakwah Kepada Orang Cina Di Kuala Lumpur Yang Dilakukan Sekarang Menepati Dasar Dakwah Quran?

Penulis telah memaparkan pendekatan dakwah Quran kepada orang bukan Islam dan dakwah yang dilakukan kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina di Kuala Lumpur. Penulis juga telah memaparkan keadaan sasaran semasa Quran diturunkan dan keadaan masyarakat Cina di Kuala Lumpur sekarang.

Dilihat kepada kedua-dua sasaran tersebut, iaitu masyarakat Arab jahiliah dan masyarakat Cina di Kuala Lumpur, sebagaimana yang telah dipaparkan terdapat banyak persamaan antara kedua-duanya. Persamaan-persamaan tersebut adalah sebagaimana berikut:

i. Kedua-dua sasaran mempercayai wujudnya pencipta alam ini, walaupun terdapat kelompok yang kecil tidak mempercayainya di dalam kedua-dua masyarakat tersebut. Tetapi, kedua-dua sasaran tersebut mempercayainya dari sudut teori. Adapun dari sudut amalan harian, mereka lupa kepadanya dan seolah-olah tidak mempercayainya.

ii. Kedua-dua sasaran mempercayai kehidupan semula (akhirat), walaupun ada sebilangan kecil di kalangan kedua-duanya yang tidak mempercayainya.

iii. Kedua-dua sasaran mempercáyai konsep tuhan yang berbilang dan tuhan tempatan.

iv. Kedua-dua sasaran melakukan pemujaan terhadap patung berhala dan mempercayainya ada kuasa ghaib. Mereka meminta daripadanya sesuatu yang dihajati.

v. Kedua-dua sasaran mempercayai benda-benda ghaib seperti hantu, roh dan sebagainya.

vi. Ada golongan di dalam kedua-dua sasaran yang mengikuti agama Nasrani atau Kristian.

vii. Kedua-dua sasaran mempercayai khurafat dan tahayul, walaupun dalam bentuk yang berbeza.

viii. Amalan judi dan arak menjadi perbuatan yang biasa, malah menjadi satu kebudayaan bagi sesetengah golongan di kalangan kedua-dua sasaran.

ix. Kedua-dua sasaran maju dalam bidang perdagangan.

x. Kedua-dua sasaran mengamalkan sifat-sifat baik dan sifat-sifat buruk dalam kehidupan harian mereka.

xi. Kedua-dua sasaran mengejar kesenangan keduniaan. Kepentingan agama disebabkan kepentingan keduniaan. Dengan itu, agama untuk kepentingan keduniaan.

Kesimpulannya, dasar-dasar dakwah Quran kepada orang bukan Islam boleh digunakan terhadap masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerana banyak persamaan pokok antara orang Cina di Kuala Lumpur dan masyarakat jahiliah semasa Nabi Muhammad (s.a.w.) yang menjadi latar belakang dakwah Quran.

Penggunaan dasar-dasar tersebut dilakukan dalam beberapa sudut, iaitu sebagaimana berikut:

i. Sudut Saluran.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa program-program utama yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur, khususnya orang Cina ialah penerangan dan perbincangan,

hubungan peribadi, lawatan, perpustakaan, video / audio dan khidmat masyarakat.

Program-program tersebut adalah usaha yang baik, kerana ia sesuai dengan kehendak dakwah Quran kepada orang bukan Islam, iaitu penggunaan media semasa untuk mempengaruhi sasaran.

Tetapi, usaha-usaha yang dilakukan setakat ini belum lagi mencukupi. Masih banyak saluran semasa yang belum digunakan, atau paling tidak penggunaannya belum memenuhi keperluan.

Berdasarkan kajian sebagaimana yang telah dijelaskan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur mengenai saluran atau media yang lebih senang didengari atau didapati maklumat dan idea yang dikemukakan kepada mereka, hasilnya ditunjukkan oleh jadual di bawah ini.

Jadual 31: Saluran yang lebih senang digunakan oleh orang Cina di Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | SALURAN |
|---|---|---|
| 74 | 91 | Melalui televisyen |
| 60.2 | 74 | Melalui akhbar. |
| 56.1 | 69 | Melalui radio. |
| 24.4 | 30 | Melalui majalah. |
| 24.4 | 30 | Melalui perbincangan biasa. |

Dari jadual di atas dapat dilihat bahawa televisyen, akhbar dan radio merupakan saluran yang paling disenangi oleh orang Cina yang diselidik untuk mendapatkan maklumat dan idea. Peratus ketiga-tiga saluran tersebut bagi orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji jauh lebih tinggi berbanding dengan saluran majalah dan perbincangan biasa. Mereka didapati bertaburan di kalangan latar belakang jantina, umur dan pekerjaan yang bermacam-macam.

Di samping itu, kajian ke atas orang Cina di Kuala Lumpur yang telah memeluk Islam [160] didapati bahawa kebanyakan mereka memeluk Islam berpunca dari kawan.

---

160 Satu kajian ke atas saudara baru dari etnik Cina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilakukan. Kajian tersebut dilakukan pada saudara baru yang memeluk Islam di Wilayah Persekutuan sejak tahun 1984 sampai Jun 1991, (bersambung ke muka sebelah).

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, iaitu sama ada ke atas orang Cina atau saudara baru dari etnik Cina di Kuala Lumpur, maka usaha dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah cuba disalurkan atau diperbanyakkan melalui saluran-saluran tersebut.

Begitu juga dakwah secara tidak langsung, hendaklah diperbanyakkan di samping dipertingkatkan mutunya. Ia ternyata memberi kesan yang baik kepada sasaran. Dakwah bentuk ini seperti khidmat masyarakat dalam bentuk pertolongan dan kaunseling.

Tulisan-tulisan ringkas tetapi menarik yang berbentuk risalah untuk dihantar terus ke tempat-tempat sasaran hendaklah diusahakan atau diperbaiki keadaannya. Penghantaran terus seperti ini bertujuan supaya dakwah yang dilakukan itu terus sampai di mana-mana

---

iaitu dalam jangka masa tujuh tahun enam bulan. Dalam jangka masa tersebut, jumlah orang Cina yang memeluk Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seramai 708 orang.

Setiap orang yang memeluk Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur direkodkan latar belakangnya oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Berdasarkan senarai rekod tersebut, penulis telah memilih separuh daripada jumlah tersebut untuk diajukan soalselidik. Pilihan itu dilakukan dengan kaedah rambang berselang, iaitu 1, 3, 5, 7, 9 dan seterusnya. Mana-mana orang yang terjatuh pada angka-angka tersebut dihantarkan <u>questionnaire</u> dengan kiriman pos yang diadakan antara 13 Jun hingga 20 Julai 1991. Sebanyak 73 soalselidik yang dihantar balik dianalisis.

Soalan yang terdapat dalam <u>questionnaire</u> sila lihat lampiran I

sahaja sasaran berada, tanpa apa-apa usaha dari sasaran untuk mendapatkannya.

Keadaan tersebut kerana dakwah Islam itu mesti dipersampaikan kepada sasaran. Pendakwah tidak boleh menunggu sasaran datang ke rumah. Malah dia mesti berusaha menyampaikan dakwah di mana sahaja sasaran berada.[161]

Walaupun tulisan-tulisan dalam bentuk risalah telah banyak dikeluarkan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur, namun penghantarannya kepada sasaran masih belum dilakukan dengan baik.

Jemputan ke majlis-majlis perayaan hari kebesaran Islam hendaklah diperluaskan. Berdasarkan kajian sebagaimana yang telah dijelaskan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur, jemputan seperti itu mendapat respon yang baik dari kebanyakan orang Cina untuk menghadirinya, terutamanya dari golongan sasaran yang berpelajaran tinggi dan dari jantina lelaki. Bagi memudahkan kehadiran mereka, masa dan tempat yang sesuai hendaklah diaturkan dengan sebaik-baiknya. Bentuk jemputan seperti ini juga masih belum dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur dengan meluasnya.

---

161 Zaidān, <u>op. cit.</u> hal. 359

Ibu bapa memainkan peranan yang besar di dalam masyarakat Cina, terutamanya kerana mereka membentuk pemikiran masyarakat.[162] Berdasarkan kajian sebagaimana yang telah dijelaskan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur, hampir kesemua orang Cina di Kuala Lumpur berpendapat bahawa orang tua mereka merupakan lambang penghormatan yang mesti disanjung dan dihormati, sama ada bila-bila masa atau pada masa-masa tertentu sahaja. Dengan yang demikian, saluran yang paling baik untuk memasuki sesebuah keluarga ialah melalui ibu bapa.

Saluran tersebut, masih kurang digunakan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur.

Kesimpulannya, dilihat dari sudut saluran, masih banyak kekosongan saluran yang belum dipenuhi oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur sekarang. Namun tidaklah dinafikan bahawa telah banyak usaha setakat ini yang telah dilakukan dengan jayanya.

ii. Sudut Isi.

Dalam kontak isi, penerangan atau perbincangan dan penjelasan yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertu-

---

162 Lihat: Masyarakat Cina, hal. 214-215

buhan dakwah kepada sasarannya, sebagaimana yang telah dijelaskan, pada pokoknya berhubung dengan beberapa perkara. Ia pada biasanya berhubung dengan sebab-sebab pertubuhan itu dilahirkan, silap faham terhadap Islam, keadilan Islam, kesesuaian Islam dengan semua orang, Islam untuk semua manusia, perbandingan agama dan asas-asas Islam.

Dilihat dari sudut tersebut, pada asasnya pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur berada di atas dasar dakwah Quran. Penyelesaian-penyelesaian masalah sasaran, yang merupakan pendekatan dakwah Quran, pada dasarnya telah dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur. Namun, perkara yang perlu diberikan perhatian dalam hal ini ialah bahawa penjelasan-penjelasan yang dikemukakan kepada sasaran, dalam banyak hal adalah berbentuk umum.

Dari sudut isi perbincangan, Quran telah mengemukakannya kepada sasaran dengan terperinci, iaitu dengan melihat kepada siapa dia sasaran di hadapannya. Sasaran tersebut sama ada termasuk ke dalam golongan orang musyrik, orang munafik, ahli kitab, tidak beragama atau lain-lain. Isi perbincangan atau penerangan berbeza antara satu golongan dengan golongan yang lain, iaitu disebabkan masalah setiap golongan berbeza.

Perincian isi perbincangan, sebagaimana yang dipandu oleh Quran hendaklah diikuti, supaya masalah yang dihadapi oleh sasaran dapat diselesaikan. Pendakwah tidak hanya melihat sasaran di hadapannya secara umum, lalu memberikan penjelasan secara umum pula.

Dari sudut ini terdapat sedikit kelemahan di kalangan pertubuhan-pertubuhan dakwah terhadap orang Cina di Kuala Lumpur. Perincian yang ditunjukkan oleh Quran tidak dapat diikuti oleh mereka dengan sepenuhnya. Penjelasan isi yang dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah berlingkar di sekitar isu yang telah dijelaskan. Sedangkan penjelasan isi dakwah Quran lebih terperinci daripada itu, iaitu menyelesaikan masalah yang ada pada sasaran, dengan melihat kepada latar belakang golongan dan kepercayaan mereka.

Beberapa panduan untuk melahirkan satu pendekatan dakwah yang baik dari sudut isi perlu diambil perhatian oleh pendakwah sekarang.

Mengikut kajian yang telah dijelaskan terhadap orang Cina di Kuala Lumpur bahawa bidang yang lebih diminati untuk didengar atau dibaca oleh orang Cina di Kuala Lumpur dapat di lihat dalam jadual di bawah.

Jadual 32: Bidang yang lebih diminati didengar/ dibaca oleh orang Cina Kuala Lumpur.

| PERATUS | BIL. | BIDANG YANG LEBIH DIMINATI |
|---|---|---|
| 52 | 64 | Pengetahuan umum atau bercampur-campur. |
| 40.7 | 50 | Politik. |
| 34.1 | 42 | Kemasyarakatan. |
| 28.5 | 35 | Perniagaan. |

Berdasarkan jadual di atas, pengetahuan umum adalah bidang yang lebih tinggi peratus diminati oleh orang Cina di Kuala Lumpur yang diselidik. Selepas itu, diikuti pula oleh bidang politik. Bidang-bidang tersebut diminati oleh orang Cina yang dikaji yang mempunyai latar belakang jantina, umur dan pekerjaan yang bertaburan. Kecuali bidang politik, golongan lelaki lebih tinggi peratus yang berminat kepadanya, berbanding dengan perempuan.

Bagi orang Cina yang telah memeluk Islam pula (saudara baru), kajian sebagaimana yang telah dijelaskan menunjukkan bahawa bidang perbincangan yang telah menarik perhatian kebanyakan mereka untuk masuk Islam ialah akidah Islam, seperti mengenai ketuhanan, kenabian, hari akhirat dan sebagainya.

Kesimpulannya, bidang umum yang bercampur-campur, khususnya yang behubung dengan kemasyarakatan dan kepercayaan menarik perhatian orang Cina di Kuala Lumpur. Bidang-bidang tersebut boleh diselitkan dengan isu-isu untuk menyelesaikan masalah golongan sasaran atau dijadikan mukadimah kepada isi perbincangan dakwah yang hendak dikemukakan.

Selain itu, berdasarkan kajian sebagaimana yang telah dijelaskan terhadap masyarakat Cina di Kuala Lumpur, hasil daripadanya ialah bahawa pendekatan isi pembicaraan dakwah untuk orang-orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah dilakukan sebagaimana berikut:

1. Keperluan agama tidak payah ditonjolkan kepada mereka, kerana kebanyakan mereka berpendapat ia diperlukan. Namun, bagi golongan yang berpendapat ia tidak diperlukan, faedah-faedah agama Islam hendaklah ditonjolkan untuk menolak pendapat mereka bahawa agama tidak berfaedah.

2. Kepada golongan yang rendah pelajaran atau tanpa pelajaran dan golongan yang bekerja di peringkat rendah hendaklah ditekankan bahawa tuhan itu satu, kerana peratus mereka yang berpendapat bahawa tuhan itu ramai adalah tinggi. Konsep tuhan yang sebenar, iaitu tuhan berkuasa di mana-mana pun hendaklah diberikan penjelasan.

3. Bagi golongan muda dan golongan yang lebih tinggi pencapaian pelajaran hendaklah diberikan penekanan bahawa pencipta itu ada, kerana peratus mereka ragu-ragu tentang adanya pencipta adalah tinggi.

4. Orang Cina mementingkan kesenangan hidup di dunia ini atau mereka lebih bersifat kebendaan. Cuba tonjolkan bahawa Islam tidak menolak kebendaan dan kebahagian di dunia ini. Namun kesenangan selepas mati lebih utama bagi Islam. Dengan itu, kebahagiaan selepas mati hendaklah ditonjolkan supaya mereka dapat mengimbangkan amalan mereka untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat.

5. Orang Cina dari semua latar belakang hendaklah diberikan penjelasan bahawa benda-benda ghaib seperti roh, dewa atau god atau shen, hantu, datuk penunggu dan keramat tidak mempunyai apa-apa kuasa, selain daripada kuasa yang diberikan oleh Allah. Benda-benda tersebut tidak boleh berbuat apa-apa kepada manusia.

6. Pendakwah hendaklah cuba mengelak daripada menyebut atau menonjolkan angka empat kepada sasaran, kerana ia tidak disukai oleh kebanyakan mereka. Sebaliknya, angka lapan dan sembilan hendaklah ditonjolkan, kerana mereka sukakan kedua-duanya.

7. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) hendaklah dielakkan dari penglibatan penjelasan Islam kepada mereka, kerana parti tersebut tidak disukai oleh paling ramai orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji, berbanding dengan pertubuhan-pertubuhan dakwah dan parti-parti politik Islam yang lain.[163] Kalaulah terpaksa juga dilibatkan PAS di dalam sesuatu penjelasan Islam, hendaklah diberikan satu penjelasan yang cukup baik supaya mereka dapat faham tentang mesej PAS.

8. Judi dan arak diamalkan oleh ramai orang Cina dan kedua-duanya dilarang di dalam Islam. Kalaulah pendakwah ingin bercakap mengenainya, hendaklah ditunjulkan keburukan kedua-duanya dan hikmat kenapa Islam melarang kedua-duanya.

9. Kepada Islam paling ramai orang Cina tidak suka, berbanding dengan Kristian dan Yahudi. Sebab yang diberikan kerana di dalamnya banyak halangan, kongkongan dan tidak sesuai. Pendakwah hendaklah

---

163 Fakta tersebut berdasarkan kajian terhadap masyarakat Cina di Kuala Lumpur sebagaimana yang dijelaskan.

menekankan bahawa yang dikatakan halangan dan kongkongan yang terdapat di dalam Islam itu sebenarnya bertujuan untuk kebaikan manusia sejagat. Pendakwah juga hendaklah menjelaskan bahaya-bahaya kebebasan yang mutlak.

10. Masih ramai orang Cina yang berpendapat bahawa Islam itu sesuai bagi orang Melayu sahaja, terutamanya golongan orang Cina yang rendah pencapaian pelajaran, golongan tua dan golongan yang berjiran dengan semua orang bukan Islam. Mereka juga berpendapat bahawa memeluk Islam itu bererti menjadi Melayu dan boleh menghilangkan kecinaan mereka.

Penonjolan hendaklah dibuat oleh setiap pendakwah bahawa pendapat-pendapat seperti itu merupakan silap faham terhadap Islam. Kedudukan yang sebanarnya ialah Islam itu agama untuk semua orang dan sesuai untuk semua manusia, tanpa mengira suku kaum, bangsa, tempat dan masa. Melayu merupakan satu bangsa dan perbezaan antara Islam dan Melayu adalah jauh. Di samping itu, penonjolan juga harus dibuat bahawa jika mereka memeluk Islam, maka sifat-sifat baik yang ada pada mereka terus terpelihara. Cuma, apa yang hilang pada ketika itu ialah kepercayaan yang salah dan sifat-sifat buruk yang pernah mereka amalkan.

11. Penonjolan harus dibuat bahawa mereka yang ingin memeluk Islam tidak perlu risau dan takut-takut. Ini disebabkan kerana orang Cina di Kuala Lumpur yang dikaji menilai bahawa perbuatan seperti itu merupakan perkara biasa sahaja, terutamanya dari golongan perempuan, golongan muda dan golongan yang makin ramai berjiran dengan orang Islam.

Sebagai kesimpulannya, isi perbincangan dan penerangan yang dikemukakan kepada masyarakat Cina di Kuala Lumpur hendaklah di dahulukan atau diselitkan dengan perkara-perkara biasa dan dalam perkara-perkara umum, khususnya dalam hal-hal kemasyarakatan dan kepercayaan. Selepas itu barulah dikaitkan dengan Islam satu persatu, terutamanya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sasaran dan dengan mengambil kira penekanan-penekanan yang telah dijelaskan.

**iii. Sudut Bentuk Penyampaian.**

Dari sudut cara penyampaian, iaitu yang termasuk ke dalam <u>uslūb al-da'wah</u>, Quran telah mengemukakannya dengan berbagai-bagai bentuk. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa bentuk-bentuk tersebut ialah mengajak sasaran dengan cara memujuk dan memikirkan sesuatu yang terdapat pada alam ini, dengan cara perbandingan, dengan cara perbahasan, dengan cara cerita, dengan cara cabaran, dengan cara galakan dan dengan

cara ancaman.

Dilihat dari sudut ini, pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak dapat memenuhi kehendak cara tersebut. Keterangan-keterangan menunjukkan bahawa kebanyakan penerangan dan perbincangan dibuat dalam bentuk biasa, tanpa kepelbagaian bentuk, tidak sebagaimana yang dilakukan oleh Quran.

Setiap pendakwah hendaklah peka kepada perkara ini, supaya dakwahnya lebih berkesan.

Selain daripada itu, ada beberapa keadaan yang boleh dimasukkan ke dalam uslūb da'wah, iaitu seperti:

1. Penggunaan bahasa.

Fakta menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dapat menarik perhatian orang Cina di Kuala Lumpur, terutamanya dari golongan elit dan menengah. Usaha Islamic Outreach-ABIM dan Darul Fitrah menggunakan cara tersebut mendapat sambutan yang baik di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur, khususnya. Dengan yang demikian, dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah menggunakan cara tersebut.

2. Psikologi orang Cina ialah bahawa mereka lebih senang kalaulah Islam itu disampaikan oleh etnik mereka sendiri. Keadaan ini di sebabkan oleh seolah-olah ada satu perasaan pada orang Cina bahawa mereka lebih baik daripada orang Melayu dan India. Dengan itu, timbul satu macam perasaan tidak mahu menerima sesuatu perkara yang dibawa melalui orang Melayu atau India.[164]

Usaha yang dilakukan oleh Islamic Outreach-ABIM dan PERKIM mengadakan ejen dakwah dari kalangan etnik sasaran akan memberi kesan yang baik untuk berdakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur. Setiap pendakwah hendaklah mempertingkat cara tersebut.

3. Pada dasarnya, sebagaimana yang telah disebutkan bahawa orang Cina itu tenang, tekun, rajin, berumah tangga, disiplin, bijak, mahir, tekun dalam perniagaan, hormat kepada orang yang lebih senior, berkhidmat kepada keluarga, sopan di dalam pergaulan sesama mereka, kasih sayang dan senang diurus.

Usaha dakwah kepada masyarakat Cina cuba menekankan sifat-sifat baik tersebut, supaya diketahui

---

164 Manaf Ali, interview, op. cit. pada 8.4.1991

bahawa sifat-sifat baik yang menjadi amalan mereka memang digalakkan oleh Islam. Dengan yang demikian, Islam tidak asing bagi mereka.

4. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa sifat asal orang Cina menitikberatkan pertalian kemanusian dan kemasyarakatan yang diasaskan di atas dasar kebaikan (Ren) dan kejujuran (Yi). Dasar tersebut melahirkan perasaan untuk hidup berkeluarga kesemuanya. Di samping itu, orang Cina juga dipandu oleh konsep pertengahan (Chung). Kesannya, dalam praktik harian, mereka lebih suka mengambil jalan tengah daripada melampau dan lebih suka bertolak ansur dan berunding daripada terus bertegang dan berkeras.

Usaha dakwah kepada mereka hendaklah menonjolkan sifat-sifat tersebut, kerana ia selaras dengan Islam dan supaya dirasakan bahawa sudah ada persamaan dari sudut ini di antara konsep mereka dengan dasar dalam Islam.

5. Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa di samping memiliki sifat-sifat yang baik, orang Cina juga memiliki sifat-sifat buruk seperti sombong, megah, suka berbangga, tipu muslihat, khianat, tiada belas kasihan, suka membalas dendam, pengecut, zalim dan tidak benar.

Usaha dakwah kepada mereka hendaklah cuba menjelaskan betapa buruknya sifat-sifat seperti itu dan ia dibenci oleh semua orang, kerana ia membahayakan bukan setakat orang berkenaan, malah orang lain. Kerana itu ia dibenci oleh Islam.

6. Segala penerangan dan perbincangan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah dikemukakan dengan hujah yang kukuh, jelas dan senang difaham oleh mereka. Berdasarkan kajian sebagaimana yang telah dijelaskan terhadap saudara baru di Kuala Lumpur, kebanyakan mereka tertarik dengan cara tersebut.

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak menggunakan cara penyampaian dakwah Quran dengan baiknya, walaupun beberapa uslūb al-da'wah yang menarik telah dapat dilakukan.

Kesimpulannya, bermacam-macam aktiviti telah dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina di Kuala Lumpur dan pada dasarnya ia menepati dasar dakwah Quran. Tetapi, masih ada kelemahan, kekurangan dan kekosongan yang perlu diatasi dan diisi, sama ada dari sudut isi penyampaian, saluran atau uslūb al-da'wah.

Di samping itu, kekurangan kefahaman, kewangan, kepakaran dan kelengkapan di kalangan orang Islam menyebabkan usaha dakwah kepada masyarakat Cina di Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan meluas.

Dari kesimpulan-kesimpulan yang telah dijelaskan terbuktilah hipotesis bahawa pihak-pihak yang melakukan usaha-usaha dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak dapat melaksanakan dakwah tersebut dengan baik, kerana masih banyak masalah yang dihadapi. Di samping itu, pertubuhan-pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur lebih peka kepada orang Islam, berbanding dengan orang bukan Islam.

3. MASALAH KETIGA

Telah dijelaskan bahawa masalah ketiga ialah, bagaimanakah hasil dakwah kepada orang Cina yang dijalankan oleh pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur?

Hipotesis kepada masalah tersebut ialah bahawa pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur, khususnya orang Cina berjaya untuk menjadi saluran bagi kemasukan mereka ke dalam Islam yang berlaku dalam jumlah yang besar. Di samping itu, ia juga berjaya mengatur aktiviti-aktiviti yang bermacam-macam, walaupun dalam keadaan yang perlu dipertingkatkan dan ditambah.

Data-data yang diperolehi untuk mencari jawapan kepada hipotesis tersebut adalah dari:

1. Rekod-rekod / dokumen-dokumen.

2. Interview.

3. Buku.

4. Ovservasi.

Berdasarkan bahan-bahan tersebut, maka metod yang digunakan di sini ialah metod documentary, metod interview, metod sejarah dan metod observasi.

Berikut dikemukakan hasil penyelidikan yang dilakukan.

**A. Kejayaan Dakwah Di Kuala Lumpur.**

Untuk mengukur sesuatu kejayaan hasil dari usaha-usaha dakwah yang dijalankan merupakan satu perkara yang sukar. Apalagi, kesan sesuatu usaha dakwah itu biasanya dapat dilihat dari sudut jangka panjang. Dengan yang demikian, yang dimaksudkan dengan hasil kejayaan di sini ialah hasil kejayaan yang dapat dikesan secara lahir semasa kajian ini dibuat.

Dalam hal ini, hasil dakwah yang paling penting adalah dengan melihat kepada pengislaman, kerana ia menjadi matlamat pokok kepada pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam. Jika dilihat dari sudut tersebut, maka didapati bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur telah mendapat kejayaan yang besar. Kenyataan tersebut disebabkan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam menjadi saluran yang penting bagi orang-orang bukan Islam, khususnya orang Cina untuk memeluk agama Islam. Dari kajian ini dapat dilihat bahawa melalui pertubuhan-pertubuhan tersebut orang Cina memeluk Islam dalam jumlah yang besar.

Perangkaan menunjukkan bahawa orang yang memeluk Islam di Kuala Lumpur dalam masa 10 tahun, iaitu bermula dari tahun 1981 hingga 1990 adalah seramai 2,765 orang; 1,645 orang lelaki dan 1,120 orang perempuan.[165] Dari bilangan tersebut 1,178 adalah orang Cina, dengan 603 orang lelaki dan 575 orang perempuan.[166] Ini bererti bahawa jumlah orang Cina memeluk Islam sebanyak 42.6% berbanding dengan etnik lain.[167]

---

165 Perangkaan tersebut berdasarkan rekod simpanan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

166 <u>Ibid.</u>

167 Yang dimaksudkan dengan etnik lain ialah India, Sikh, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, orang Asli dan lain-lain.

Taburan berdasarkan tahun, jumlah orang Cina yang memeluk Islam di Kuala Lumpur dalam masa 10 tahun tersebut adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh jadual berikut:[168]

Jadual 33: Bilangan orang Cina yang memeluk Islam di Kuala Lumpur dalam masa 10 tahun.

| TAHUN | JUMLAH MEMELUK ISLAM | LELAKI | PEREMPUAN |
|---|---|---|---|
| 1981 | 167 | 77 | 90 |
| 1982 | 186 | 101 | 85 |
| 1983 | 128 | 64 | 64 |
| 1984 | 112 | 55 | 57 |
| 1985 | 105 | 65 | 40 |
| 1986 | 111 | 62 | 49 |
| 1987 | 85 | 40 | 45 |
| 1988 | 97 | 48 | 49 |
| 1989 | 91 | 45 | 46 |
| 1990 | 96 | 46 | 50 |

Jadual di atas dapat dilihat bahawa dalam masa 10 tahun tersebut bilangan orang Cina yang memeluk Islam di Kuala Lumpur makin merosot, iaitu seramai 167 orang dalam tahun 1981 menjadi 96 orang dalam tahun 1990. Kemerosotannya sebanyak 42.5%.

---

168 Rekod simpanan JAWI.

Dari perangkaan yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa orang bukan Islam memeluk agama Islam memenuhi satu jumlah yang amat besar dan etnik Cina merupakan etnik yang paling ramai.

Rekod orang yang memeluk Islam melalui PERKIM dari Wilayah Persekutuan dan Selangor dalam masa lima tahun, iaitu dari tahun 1985 hingga tahun 1990 adalah seramai 2,242 orang.[169]

Pengislaman melalui Islamic Outreach-ABIM, iaitu bermula dari tahun 1987 hingga tahun 1990 adalah seramai 79 orang. Dari jumlah tersebut, 32.9% adalah orang Cina.[170]

Darul Fitrah pula mencatatkan pemelukan Islam melaluinya, setakat ini seramai dua orang. Kedua-duanya orang Cina.[171]

Perangkaan-perangkaan tersebut menunjukkan bahawa pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur memainkan peranan yang cemerlang dan berjaya menjadi saluran kemasukan orang-orang bukan

---

169 Rekod simpanan Bahagian Dakwah PERKIM, Hussein Yee, op.cit. pada 29.3.1991

170 Rekod simpanan Islamic Outreach-ABIM, Ridhwan Ahmad, op. cit. pada 1.4.1991

171 Azman Hamzah, op. cit. pada 19.3.1991

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Islam ke dalam Islam, khususnya orang Cina.

Selain daripada berjaya kerana dapat menyalurkan orang-orang yang hendak memeluk Islam, khususnya orang-orang Cina, pertubuhan-pertubuhan tersebut juga berjaya kerana dapat mengadakan perkara-perkara sebagaimana berikut:

**i. Menyediakan Tempat Belajar Dan Tempat Penerangan.**

Program utama yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur ialah menyediakan tempat belajar dan tempat penerangan mengenai Islam. Ia dilakukan sama ada secara formal atau informal kepada orang bukan Islam dan kepada orang yang telah memeluk Islam.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa PERKIM telah mengadakan tempat tersebut di ibu pejabatnya bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 7.00 petang dan dari 8.00 pagi hingga 10.00 malam di pejabat PERKIM Wilayah Persekutuan. Walaupun kebanyakan orang yang hadir adalah saudara baru, namun ada juga orang-orang yang bukan Islam datang untuk bertanyakan tentang Islam.

PERKIM juga mengadakan pelajaran melalui kaset, kelas bahasa Arab, ceramah dan kuliah. Ia juga mengada-

kan kursus, khemah kerja dan latihan perkaderan.

Satu bentuk pengajian yang jelas yang diadakan oleh PERKIM ialah dengan menubuhkan Institut Dakwah Islamiah PERKIM.

Islamic Outreach-ABIM mengadakan kelas pengajian mingguan yang mengandungi kelas muqaddam, kelas fardu ain dan kelas tafsir/ hadis. Kelas-kelas tersebut dibuka setiap hari Ahad di sekitar pukul 10.30 hingga 1.30 tengah hari. Ia juga mengadakan kuliah dari penceramah jemputan, kursus dan latihan dakwah.

Darul Fitrah mengadakan kelas mingguan, iaitu pada hari Ahad. Kelas tersebut berbentuk ceramah yang diberikan oleh penceramah jemputan mengenai tajuk-tajuk tertentu. Ia dimulakan di antara pukul 10.30 hingga pukul 12.30 tengah hari.

Dengan adanya peluang-peluang pembelajaran seperti itu saudara baru dapat mengukuhkan keyakinan mereka dan menambahkan ilmu dan komitmen mereka terhadap Islam.

**ii. Dakwah Dan Penerangan.**

Islamic Outreach-ABIM berjaya mengadakan program penerangan dan perbincangan dengan sasaran yang hadir,

khususnya orang-orang bukan Islam. Ia diadakan pada setiap hari minggu.

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa penerangan yang diberikan itu berhubung dengan asas Islam dan silap faham terhadap Islam, di samping perbincangan berhubung dengan isu-isu yang ditimbulkan.

Di samping itu, Islamic Outreach-ABIM juga, melalui orang-orang tertentu mengadakan penerangan dan perbincangan dengan sesiapa sahaja yang dihubunginya di mana-mana sahaja. Ia juga mengadakan tayangan video pada setiap hari Ahad.

Darul Fitrah mengadakan penerangan dan perbincangan berhubung dengan asas-asas Islam, terutamanya pada hari minggu. Ia juga mengadakan tayangan video pada hari minggu. Manakala PERKIM pula berjaya mengadakan penerangan mengenai Islam kepada orang-orang yang datang ke pejabatnya, mengadakan hubungan peribadi, lawatan muhibah dan hubungan yang baik dengan sasaran.

iii. Penerbitan.

PERKIM, Islamic Outreach-ABIM dan Darul Fitrah masing-masing mengadakan bahagian penerbitan. Bahagian ini menerbitkan risalah-risalah, majalah-majalah dan buku-buku kecil.

Di samping penerbitan, PERKIM telah mengadakan pustaka untuk menjual buku-buku, khususnya buku-buku yang berhubung dengan Islam. Manakala Darul Fitrah dan Islamic Outreach-ABIM meminjamkan video kaset kepada ahli-ahlinya. Kedua-duanya juga meminjamkan buku-buku dari perpustakaan mini masing-masing.

Dengan berjalannya aktiviti-aktiviti tersebut bererti pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur berjaya melaksanakan cita-cita masing-masing untuk mengejar matlamat.

iv. Menjaga Kebajikan.

Di samping program-program yang berbentuk dakwah secara langsung, pertubuhan-pertubuhan dakwah tersebut dapat mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk kebajikan, iaitu bentuk dakwah secara tidak langsung.

Dalam hal ini, PERKIM telah mengadakan banyak program yang berbentuk kebajikan, khususnya untuk menjaga kebajikan saudara baru.

Program-program yang berbentuk kebajikan yang dijayakan oleh PERKIM ialah seperti mengadakan klinik; bergerak dan tetap, mengadakan bantuan pelajaran kepada pelajar-pelajar miskin, mengadakan khidmat masyarakat bencana alam, mengadakan khidmat perkahwinan dan kema-

tian saudara baru, mengadakan derma pakaian kepada orang-orang miskin, mengadakan Pusat Pemulihan Kesihatan, mengadakan Tasputra, mengadakan Sri Lindungan Puteri, mengadakan Khidmat Perlindungan Bayi Terbiar, mengadakan program khidmat pelarian Islam dan lain-lain. Program kebajikan juga ada yang berbentuk bantuan peribadi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sasaran.

Manakala Islamic Outreach-ABIM pula dapat mengadakan program lawatan ke hospital, program tabung kebajikan kanak-kanak, program penempatan sementara bagi saudara-saudara baru yang menghadapi masalah tempat tinggal, memberikan khidmat menyelesaikan apa-apa masalah yang dihadapi oleh sasaran dan lain-lain.

Program-program tersebut, sama ada yang dilakukan oleh PERKIM atau Islamic Outreach-ABIM, pada dasarnya berjalan dengan baik. Dengan yang demikian, PERKIM dan Islamic Outreach-ABIM telah dapat memberikan sumbangan dan khidmatnya menjaga kebajikan golongan yang memerlukannya dan menyelesaikan masalah-masalah mereka. Khidmat seperti ini, walaupun kecil tetapi amat berguna dan besar ertinya, khususnya bagi saudara baru.

**v. Menjadi Pusat Penyatuan Saudara Baru.**

Orang yang baru memeluk Islam merupakan satu

golongan yang lemah. Kelemahan tersebut dilihat dari sudut keyakinan dan penghayatan terhadap agama yang baru, malah dari sudut penghidupan, terutamanya jika orang yang baru memeluk Islam itu menghadapi masalah dengan keluarga, majikan atau sebagainya. Mereka memerlukan orang yang boleh memberikan bimbingan dan kadangkala perlindungan.

Dengan adanya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, PERKIM, Islamic Outreach-ABIM dan Darul Fitrah dapat menyatukan mereka di bawah bumbung pertubuhan-pertubuhan tersebut, walaupun di antara mereka berlainan agama asal dan darah keturunan.

Dengan adanya kelas-kelas pengajian, khidmat kebajikan dan sebagainya, dapatlah dimanfaatkan oleh orang-orang yang baru memeluk Islam mempelajari agama yang baru dipeluknya itu.

Kalaulah badan-badan tersebut tidak diwujudkan, maka orang-orang yang baru memeluk Islam bertaburan tanpa bimbingan. Dengan yang demikian, badan-badan tersebut berjaya menyatupadukan orang-orang yang baru memeluk Islam. Sudah tentu keadaan seperti ini akan menjadi tarikan kepada orang-orang yang belum memeluk Islam.

vi. Memperbaiki Orang-orang Islam Supaya Menjadi Contoh.

Ketiga-tiga badan dakwah tersebut, di samping berdakwah kepada orang bukan Islam, juga mengaturkan program-program dakwah kepada orang-orang Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tujuan usaha tersebut supaya orang-orang Islam lebih kometmen dengan agama mereka. Apakala orang Islam dapat menghayati agama mereka dengan baik, keadaan tersebut menjadi contoh yang baik untuk menarik orang bukan Islam kepada Islam. Dilihat dari sudut ini, pertubuhan-pertubuhan tersebut berjaya melakukan usaha masing-masing untuk tujuan tersebut.

Dari keterangan-keterangan yang telah dijelaskan itu dapat disimpulkan bahawa satu kejayaan yang besar dapat dihasilkan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur. Kelahiran badan-badan tersebut dapat dimanfaatkan oleh sasaran masing-masing, khususnya orang-orang Cina dengan khidmat masing-masing yang bermacam-macam.

B. Kejayaan Dakwah Di Kuala Lumpur Mengikut Quran.

Untuk menentukan sama ada pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur berhasil mengejar matlamat asalnya atau pun tidak, satu persoalan harus diselesaikan. Soalan tersebut ialah, sejauh manakah kemasukan orang Cina di Kuala Lumpur ke dalam Islam hasil daripada usaha dakwah yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur?

Telah dijelaskan bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur telah berjaya menjadi saluran kemasukan orang-orang Cina di Kuala Lumpur ke dalam Islam, di samping berjaya mengadakan bermacam-macam program dakwah.

Jawapan yang paling dekat kepada persoalan tersebut di atas didapati daripada kajian ke atas saudara baru di Kuala Lumpur sebagaimana yang telah dijelaskan. Dalam kajian tersebut, satu pertanyaan dikemukakan kepada sasaran, iaitu adakah anda mula-mula mengenali Islam melalui pertubuhan dakwah?

Hasilnya sebagaimana berikut:

50.7% (37 responden) menjawab tidak.

46.6% (34 responden) menjawab ya.

2.7% (2 responden) menjawab tidak pasti.

Di samping itu, sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa kajian menunjukkan bahawa kebanyakan orang Cina yang memeluk Islam tertarik kepada Islam melalui kawan.

Dari keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur bukan menjadi pendorong permulaan atau pertama kepada kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur yang memeluk Islam.

Keterangan-keterangan tersebut juga tidak menunjukkan bahawa dorongan awal orang Cina di Kuala Lumpur untuk memeluk Islam tidak ada hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam. Kenyataan tersebut disebabkan kerana ramai di kalangan mereka yang mengenali Islam dari pertubuhan-pertubuhan dakwah. Apalagi telah banyak usaha yang dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut, terutamanya Islamic Outreach-ABIM yang menggunakan ejen-ejen dakwah untuk menarik keluarga dan kawan-kawan kepada Islam.

Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti dakwah yang diusahakan oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut, sama ada aktiviti dakwah secara langsung atau aktiviti dakwah secara tidak langsung terus berjalan dan keadaan tersebut merupakan kejayaan yang baik.

Berdasarkan laporan dan penganalisisan yang telah

dijelaskan kesimpulannya ialah sebagaimana berikut:

1. Pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur telah banyak mendapat kejayaan, khususnya sebagai saluran bagi orang-orang Cina yang ingin memeluk Islam. Di samping itu, ia juga berjaya mengatur aktiviti-aktiviti dakwah sama ada secara langsung atau tidak langung.

2. Walaupun kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang-orang Cina di Kuala Lumpur tidak menepati dasar kejayaan dakwah Quran dengan sepenuhnya, namun hasil yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut telah banyak menepati kehendak dakwah Quran.

Dari kesimpulan-kesimpulan yang dijelaskan, maka terbuktilah hipotesis bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang-orang bukan Islam, khususnya orang Cina di Kuala Lumpur berjaya menjadi saluran mereka memeluk Islam dan mengatur aktiviti-aktiviti dakwah. Namun, di samping itu masih banyak perkara yang perlu ditambah dan diperbaiki untuk menjadikan ia sebagai pertubuhan dakwah yang betul-betul menepati kehendak dakwah Quran.